

**PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN: KAJIAN TERHADAP  
KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERLIS DARI  
TAHUN 2006 HINGGA 2010**

**NOOR SALWANI BINTI HUSSIN**

**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2015**

## **Kebenaran Mengguna**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti untuk mempamerkan tesis sarjana ini sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School Of Arts and Sciences. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis sarjana ini sama ada keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences  
UUM College of Arts And Sciences  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUMSintok

## **Abstrak**

Perkahwinan tanpa kebenaran merupakan perkahwinan yang melanggar batas norma kemasyarakatan. Walaupun menepati hukum syarak, perkahwinan ini tetap dipandang sebagai satu kesalahan di sisi undang-undang keluarga Islam. Perkahwinan tanpa kebenaran menjadi satu isu hangat yang diperkatakan ekoran daripada peningkatan kes yang berlaku di luar negara khususnya di Selatan Thailand. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kedudukan perkahwinan ini dari sudut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, meneliti beberapa faktor utama yang menyebabkan pasangan mengambil tindakan berkahwin di luar negara serta menganalisis kesan perkahwinan tanpa kebenaran terhadap pasangan terlibat dan keluarga serta kehidupan bermasyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Bagi menyokong kajian ini, temu bual bersemuka dilakukan terhadap pegawai-pegawai di Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Data-data kajian ini merupakan kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Negeri Perlis dari tahun 2006 hingga 2010. Analisis dilakukan bagi mengenal pasti faktor utama dan implikasi perkahwinan tanpa kebenaran. Hasil mendapati faktor utama pasangan mengambil tindakan ini disebabkan tidak mendapat kebenaran daripada wali, tentang keluarga, keinginan untuk berpoligami, prosedur perkahwinan yang rumit dan pasangan yang dikahwini berasal dari luar negara. Kesannya pasangan yang terlibat terpaksa berhadapan dengan pelbagai implikasi perundangan, keretakan hubungan keluarga dan pandangan negatif masyarakat. Hasil kajian dapat membantu pihak jabatan agama Islam mengenal pasti faktor bertambahnya kes perkahwinan tanpa kebenaran serta mengemas kini prosedur berkaitan dan masyarakat dapat disedarkan tentang risiko negatif hasil tindakan ini.

Kata Kunci: Perkahwinan tanpa kebenaran, poligami, wali.

## **Abstract**

Marriage without consent is a violation of societal norms. Although it complies with the “syarak” law; however, such marriages are often deemed as an offense in the eyes of the Islamic family law. Presently, marriage without consent is now a hot issue due to the sharp increase of cases across the border especially in Southern Thailand. This study aims to identify the stance of marriages without consent from the perspectives of the “syarak” law and Islamic family law in Malaysia. Examine some of the key factors that cause couples to perform marriages without consent outside the country and to analyze the impact of marriage without the consent towards the couples involved, their families and their social lives. This study employed a qualitative approach via content analysis. The researcher also conducted face to face interviews with officials in the Perlis “Syariah” Court to help validate and support the findings. The data for this study were cases registered with the Perlis” Syariah” Court from 2006 to 2010. The analysis was conducted to identify the key factors and implications of marriage without consent. The findings revealed the following as some of the main causes for marriage without consent to take place- opposition from family or guardian, the desire for polygamy, complicated marriage procedures and married couples who come from abroad. As a result of such action, the couples involved had to deal with various legal implications, family rift and endure a negative perception from the society. The findings could help the Islamic religious department identify factors behind the increase of cases involving marriages without consent, aid the department to reevaluate existing procedures and to educate the public of the risks and negative implications as a result of such an action.

Keywords: Marriage without permission, polygamy, “wali”.

## **Penghargaan**

Bismillahirrahmanirrahim. Segala Puji Bagi Allah yang telah menjadikan keseluruhan alam ini, selawat serta salam buat Rasul junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana telah mengurniakan rezeki dan nikmat ilmu yang tidak terhingga nilainya. Semoga segala kurniaan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Ustazah Afifah binti Abu Yazid selaku penyelia yang tidak pernah jemu membantu serta memberi tunjuk ajar kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan penulisan ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala budi baik ustazah.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Mantan Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi iaitu Prof. Dr. Salleh Abdul Rashid, kerana memberi ruang kepada penulis untuk mengembangkan lagi tahap pendidikan dan juga kerjaya. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Mahkamah Syariah Negeri Perlis di atas kerjasama yang diberikan kepada penulis dalam usaha mengumpul maklumat penulisan, Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan lain-lain.

Sekalung kasih buat Ayahanda dan Bonda kedua belah pihak kerana sentiasa mendoakan kejayaan kepada penulis. Selaut kasih juga ditujukan khas buat suami yang tidak pernah jemu memberi dorongan dan sokongan kepada penulis untuk menyambung pelajaran dan juga menyiapkan penulisan ini, serta anak-anak yang sentiasa menjadi penyeri dalam kehidupan, kalian semua adalah kekuatan buat Mama dalam mengharungi cabaran kehidupan ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua rakan-rakan dan sahabat seperjuangan sama ada dalam pengajian dan juga di alam pekerjaan.

Sekali lagi, setinggi perhargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan ini sehinggalah dapat disiapkan dengan jayanya. Jasa kalian semua tidak mampu dibalas dengan kata-kata, hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalaunya. Sekian Terima Kasih.

**NOOR SALWANI BINTI HUSSIN**

## **Isi Kandungan**

Kebenaran Mengguna.....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Jadual.....	xi
Senarai Rajah.....	xii
Senarai Lampiran.....	xiii
<b>BAB SATU: PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	5
1.3 Persoalan Kajian.....	8
1.4 Objektif Kajian.....	9
1.5 Batasan Kajian.....	10
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Definisi Istilah.....	12
1.8 Kajian Lepas.....	16
1.9 Metodologi Kajian.....	20
<b>BAB DUA: FALSAFAH PERKAHWINAN ISLAM.....</b>	<b>27</b>
2.1 Pendahuluan.....	27
2.2 Falsafah Perkahwinan Menurut Islam.....	29

2.3 Definisi Perkahwinan.....	32
2.4 Dalil Pensyariatan Perkahwinan.....	35
2.5 Hukum Perkahwinan.....	40
2.5.1 Wajib/Fardhu.....	40
2.5.2 Haram.....	41
2.5.3 Makruh.....	41
2.5.4 Sunat.....	42
2.6 Rukun Perkahwinan.....	42
2.6.1 Pengantin Lelaki.....	43
2.6.2 Pengantin Perempuan.....	43
2.6.3 Wali.....	44
2.6.5 Sighah (Ijab dan Qabul).....	47
2.7 Hikmah Pensyariatan Perkahwinan.....	48
2.8 Konsep Perwalian Dalam Perkahwinan Menurut Pandangan Fuqaha'.....	51
2.8.1 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Hanafi.....	52
2.8.2 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Maliki.....	53
2.8.3 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Syafi'i.....	54
2.8.4 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Hanbali.....	55
2.9 Syarat-syarat Wali.....	56
2.10 Susunan Wali.....	59
2.10.1 Susunan Wali Menurut Pandangan Ulama' Mazhab Hanafi.....	60
2.10.2 Susunan Wali Menurut Pandangan Ulama' Mazhab Maliki.....	62
2.10.3 Susunan Wali Menurut Pandangan Ulama' Mazhab Syafi'i.....	66

2.10.4 Susunan Wali Menurut Pandangan Ulama' Mazhab Hanbali.....	68
2.11 Keengganan Wali dan Pandangan Fuqaha' .....	69
2.12 Wali Ghaib dan Berada Jauh Lwbih Daripada Dua Marhalah.....	72
2.13 Konsep Perwakilan Dalam perkahwinan.....	76
2.14 Kesimpulan.....	79
<b>BAB TIGA: PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN.....</b>	<b>81</b>
3.1 Pendahuluan.....	81
3.2 Definisi Perkahwinan Tanpa Kebenaran.....	83
3.3 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Sudut Hukum Syarak.....	86
3.4 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Sudut Enakmen Undang- undang Keluarga Islam.....	89
3.4.1 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Menurut Enakmen Undang- undang Keluarga Islam Perlis.....	95
3.5 Prosedur Pendaftaran Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Mahkamah Syariah	98
3.5.1 Tatacara Pendaftaran di Pejabat Agama Islam.....	100
3.5.2 Tatacara Pendaftaran di Mahkamah Syariah.....	103
3.6 Kesimpulan.....	106
<b>BAB EMPAT: FAKTOR-FAKTOR PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN</b>	<b>108</b>
4.1 Pendahuluan.....	108
4.2 Kes Perbicaraan di Mahkamah Syariah Perlis dari tahun 2006-2010.....	110
4.3 Faktor-faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran.....	115
4.3.1 Tidak Mendapat Persetujuan daripada Wali dan Keluarga.....	115
4.3.2 Poligami.....	119

4.3.3 Prosedur Undang-undang.....	122
4.3.4 Perkahwinan dengan Warga Asing.....	125
4.4 Analisis Umur Pasangan Terlibat dalam Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari tahun 2006-2010.....	128
4.5 Analisis Pendidikan dan Pekerjaan Pasangan Lelaki yang Terlibat dalam Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari tahun 2006-2010.....	130
4.6 Analisis Penglibatan Wali dalam Perkahwinan Tanpa Kebenaran.....	132
4.7 Analisis Lokasi yang Dikunjungi untuk Tujuan Akad Nikah dari Tahun 2006- 2010.....	133
4.8 Analisis Mahar/Mas Kahwin Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006- 2010.....	134
4.9 Kesimpulan.....	136
<b>BAB LIMA: IMPLIKASI PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN.....</b>	<b>138</b>
5.1 Pendahuluan.....	138
5.2 Kesan Perkahwinan Tanpa Kebenaran.....	141
5.2.1 Kesan dari Aspek Perundangan.....	141
5.2.2 Kesan dari Aspek Hukum Syarak.....	145
5.2.3 Kesan dari Aspek Kekeluargaan.....	153
5.2.4 Kesan dari Aspek Kemasyarakatan.....	155
5.3 Hukuman dan Penalti Mahkamah Terhadap Kesalahan Perkahwinan Tanpa Kebenaran.....	156
5.4 Kesimpulan.....	160

<b>BAB ENAM: RUMUSAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>161</b>
6.1 Pendahuluan.....	161
6.2 Rumusan.....	163
6.3 Cadangan.....	168
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>173</b>

## **Senarai Jadual**

4.1 Statistik Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran Dari Tahun 2006-2010...	111
4.2 Kes Permohonan Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Luar Negara yang Diluluskan dari Tahun 2006-2010.....	111
4.3 Statistik Umur Pasangan Terlibat dari Tahun 2006-2010.....	128
4.4 Latar Belakang Pendidikan dan Pekerjaan Pasangan Lelaki yang Terlibat dalam Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006-2010.....	130
4.5 Jumlah Kes Berdasarkan Penggunaan Wali dalam Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006-2010.....	132
4.6 Lokasi Tumpuan Pasangan Untuk Melangsungkan Perkahwinan Tanpa Kebenaran.....	133
5.1 Penalty Dalam Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006	157

## **Senarai Rajah**

3.1 Tatacara Pendaftaran di Pejabat Agama Islam.....	100
3.2 Tatacara Pendaftaran di Mahkamah Syariah.....	103

## **Senarai Lampiran**

Senarai Lampiran.....	181
Lampiran A	
Lampiran B	
Lampiran C	
Lampiran D	
Lampiran E	
Lampiran F	
Lampiran G	
Lampiran H	
Lampiran I	

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang**

Perkahwinan merupakan satu fitrah semulajadi yang dilalui oleh setiap manusia. Ia juga merupakan fasa kehidupan yang sangat dituntut oleh Islam, yang mana melalui perkahwinan yang sempurna akan dapat melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Pembentukan rumahtangga dalam Islam adalah merupakan sebahagian daripada elemen penting ke arah pembentukan masyarakat harmoni berlandaskan hukum syarak. Islam mensyariatkan perkahwinan dengan tujuan untuk memelihara manusia itu dalam satu kehidupan yang sihat serta sesuai dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *Al-Rum* ayat 21 yang bermaksud:

*Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah; Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasai tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda bagi kaum yang berfikir.*

(Al-Rum : 21)

Dalam firman Allah SWT yang lain juga ada menyatakan bahawa Islam mensyariatkan perkahwinan berlandaskan peraturan dan juga prinsip yang kukuh untuk menjamin kesejahteraan masyarakat, di samping memperoleh kebahagiaan rumahtangga dan juga untuk mengekalkan keturunan manusia. Ini jelas dinyatakan dalam surah *an-Nisaa'*, ayat: 1 yang bermaksud:

*Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu bermula dari diri yang satu dan yang menjadikan isterinya dan juga membiakkan dari keduanya zuriat keturunan laki-laki*

*dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut namaNya, serta peliharalah hubungan araham; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhatikan kamu”.*

*(an-Nisaa':1)*

Perkahwinan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mewujudkan kehidupan rumah tangga yang bahagia dan harmoni serta mendapat kerahmatan dari Allah SWT. Pengertian perkahwinan dalam Islam ialah akad atau persetujuan calon suami dan calon isteri untuk menjalani kehidupan bersama dan ianya harus dilakukan melalui proses ijab dan qabul. (Nashruddin Thoha, 1967).

Walau bagaimanapun, perkara yang harus diketahui dan difahami oleh manusia dan juga masyarakat ialah akad nikah itu bukan sekali-kali bererti akad jual beli antara suami dan isteri, tetapi sebenarnya akad nikah itu adalah perjanjian dan ikatan lahir batin seorang lelaki dengan seorang perempuan dalam sebuah rumah tangga yang bahagia. Ia dilangsungkan dengan memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan menurut hukum Islam dan perundangan negara.

Di dalam al-Qur'an ada menyebut bahawa hidup berpasangan itu merupakan naluri semulajadi manusia dan juga makhluk hidup yang lain. Bukan itu sahaja, bahkan segala sesuatu itu diciptakan oleh Allah SWT dalam keadaan berpasang-pasangan, sebagaimana disebut dalam al-Qur'an dalam surah *al-Dhariyat* ayat 49 yang bermaksud:

*“dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat kebesaranNya.”*

(al-Dhariyat :49)

Melalui hidup berpasang-pasangan itu akan melahirkan keturunan manusia, sebagaimana yang ditegaskan dalam al-Qur'an surah *al-Nisa'* ayat 1 yang bermaksud:

*“Hai sekalian umat manusia, bertaqwalah kamu kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri (Adam) dan daripadanya Allah menciptakan isterinya (Hawa) dan daripada keduanya Allah memperkembangiakkan laki-laki dan perempuan yang banyak”.*

(*al-Nisa'* :1)

Berdasarkan kepada ayat-ayat di atas, jelas bahawa Islam sangat menganjurkan perkahwinan kepada umatnya. Dengan terlaksana sesuatu perkahwinan akan wujud satu hubungan timbal balik antara suami dan isteri, yang mana masing-masing mempunyai hak dan kewajipan yang harus dipenuhi antara satu sama lain. Keadaan ini jelas berbeza dengan keadaan sebelum dilangsungkan perkahwinan yang bebas tanpa ikatan dan tanggung jawab terhadap pasangan masing-masing.

Justeru itu, bagi pasangan yang bakal berkahwin mereka perlu mematuhi hukum-hukum yang diperundangkan oleh syara' dan sebagai tambahan undang-undang kekeluargaan yang digubal oleh pemerintah. Undang-undang kekeluargaan yang digubal tersebut boleh diterima pakai selagi mana tidak berlaku percanggahan dengan syara'. (Al-Maududi, 1955)

Meskipun undang-undang syarak yang berkaitan kekeluargaan bersifat sempurna dan komprehensif, namun tanpa kesedaran akidah dan akhlak yang tinggi ia boleh menggugat kemurnian institusi kekeluargaan. Kesedaran akidah dan akhlak yang tinggi merupakan kawalan sosial bagi umat Islam daripada melakukan pelanggaran dan percerobohan hak-hak yang bertentangan dengan ajaran Islam yang murni.

Sehubungan itu, pembentukan rumah tangga dalam Islam merupakan sebahagian daripada elemen penting kepada pembentukan masyarakat. Oleh yang demikian, perkahwinan yang tidak menghormati norma masyarakat seperti “*kahwin tanpa kebenaran*” sudah tentu akan memberi implikasi yang negatif kepada struktur masyarakat, bukan itu sahaja bahkan perlakuan tersebut juga akan memberi makna yang negatif kepada falsafah perkahwinan dalam Islam. Oleh itu, sekiranya mana-mana pasangan yang mendirikan rumah tangga dengan tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syara’ sama ada disebabkan oleh kejahilan atau sengaja berbuat demikian sudah tentu ianya bercanggah dengan objektif perkahwinan yang telah disyariatkan.

Menurut Kamus Dewan, istilah perkahwinan tanpa kebenaran, adalah merujuk kepada perkahwinan pasangan lelaki dan wanita (biasanya suka sama suka) yang dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh kaum keluarga. (Kamus Dewan, 2003).

Perkahwinan tanpa kebenaran atau juga dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai “*kahwin lari*” merupakan sebuah perkahwinan yang diakadkan oleh wali hakim yang mengantikan wali *mujbir* atau wali yang seterusnya, serta tidak mengikut enakmen

undang-undang keluarga Islam. Pada kebiasaannya, perkahwinan ini tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan dan tidak mendapat kebenaran Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk mukim berkenaan. (Mohd. Nasran Mohammad, 2008).

Menyentuh tentang persoalan perkahwinan tanpa kebenaran, fenomena ini mempunyai sebab tertentu yang menjadi punca kepada berlakunya kes-kes seperti ini. Selain itu, ia juga mempunyai implikasi yang besar dari segi perspektif syara' dan juga dalam kehidupan seharian manusia. Justeru itu, aspek yang akan difokuskan dalam kajian ini menyentuh tentang faktor-faktor berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran dan juga kesan yang akan dihadapi oleh pasangan tersebut apabila mereka memilih untuk melangsungkan perkahwinan dengan cara yang lebih mudah di luar negara ataupun dengan kata lain melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran. Sehubungan itu, kajian ini juga akan menganalisis kes-kes yang terpilih yang telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis berkaitan dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Sejak kebelakangan ini, isu yang berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran dilihat semakin berleluasa. Kes ini sentiasa mendapat liputan dan juga menjadi topik perbincangan sensasi di dalam media, sama ada media cetak atau media elektronik serta dalam kalangan masyarakat. Paparan berkaitan dengan isu ini terus menjadi perhatian, kerana masalah ini berlaku di semua negeri di Malaysia. Jika diteliti, dalam kebanyakkan kes yang difaiklan di mahkamah dan juga yang didedahkan di dalam media massa, lokasi yang menjadi tumpuan bagi pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran ini adalah di Selatan Thailand. Antara faktor yang

menjadikan Selatan Thailand sebagai kawasan tumpuan pasangan terbabit, disebabkan kedudukannya yang bersempadan dengan beberapa buah negeri di seluruh Malaysia seperti Kelantan, Kedah, Perlis dan juga Perak. Di samping itu, menurut laporan yang dikeluarkan oleh media massa, proses pernikahan di sana sangat cepat iaitu hanya 15 minit sahaja dan perbelanjaan pernikahan adalah sangat murah. (Harian Metro, 2012, Jun 29).

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam Selangor, yang mana di negeri Selangor kes perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan di Selatan Thailand kian meningkat daripada 76 kes pada tahun 2007 kepada 101 kes setahun selepasnya iaitu pada tahun 2008, dan ia terus meningkat kepada 133 kes pada tahun 2009. (Berita Harian, 2012, Mei 1).

Bagi Negeri Kelantan pula, jumlah kes yang berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan adalah jauh lebih tinggi daripada di Selangor. Pada tahun 2008 sebanyak 3000 kes direkodkan. Jumlah ini sedikit menurun pada tahun 2009 dan 2010 iaitu sebanyak 2600 dan 2009 kes, namun begitu jumlah ini telah meningkat pada tahun 2011 iaitu 3087 kes. Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh akhbar Berita Harian, faktor utama yang menyebabkan pasangan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran terutamanya di Selatan Thailand, adalah disebabkan tidak mendapat keizinan daripada wali pengantin perempuan. Mereka telah mengambil jalan mudah dengan berkahwin di sana tanpa memikirkan kesan yang akan timbul di kemudian hari. Sedangkan mereka boleh berkahwin di negeri masing-masing kerana terdapat peruntukan undang-undang di mahkamah yang membolehkan mereka mendapatkan

kebenaran melangsungkan perkahwinan walaupun kebenaran wali. (Berita Harian, 2012, Julai 16).

Senario yang berlaku di Perlis juga menunjukkan banyak kes yang sama telah di daftarkan di Mahkamah Syariah Kangar, Perlis. Pada tahun 2006 hingga 2010 sejumlah 575 kes dan kes-kes yang didaftarkan adalah melibatkan perkahwinan kali pertama yang tidak mendapat keizinan daripada wali. Antara faktor yang menyebabkan wali enggan menikahkan pasangan terbabit adalah disebabkan oleh pasangan yang terlalu muda, tidak sekufu, berkahwin dengan warga asing dan lain-lain. Oleh kerana tidak mendapat keizinan daripada wali, maka mereka mengambil keputusan untuk melangsungkan perkahwinan di Thailand.(Fail Mahkamah Rendah Syariah Kangar Perlis).

Menurut Amir Husin dan Siti Safwati (2003), didapati bahawa antara sebab yang mendorong pasangan berkahwin tanpa kebenaran di luar negara ialah berkaitan dengan masalah keluarga seperti wali tidak bersetuju dengan calon suami yang dipilih. Selain itu, ada juga kes di mana wali dengan sengaja enggan menikahkan pasangan tersebut atas pelbagai alasan seperti tidak sekufu (setaraf), masih melanjutkan pelajaran dan juga pihak keluarga telah menentukan calon pilihan sendiri.

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan di luar negara merupakan satu isu yang tidak ada kesudahan kerana kurangnya pemahaman terhadap undang-undang Syariah dalam kalangan masyarakat.

Oleh demikian, berdasarkan semua perkara di atas, telah menjelaskan bahawa satu kajian perlu dilakukan bagi memberi penjelasan yang lebih terperinci tentang perkahwinan tanpa kebenaran. Penjelasan ini perlu supaya masyarakat lebih memahami tentang hukum dan juga undang-undang keluarga Islam berkaitan dengan fenomena ini. Di samping itu, kajian ini juga akan mencari mekanisma terbaik dalam usaha penambahbaikan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran. Bukan itu sahaja, ia juga melibatkan pasangan yang terlibat agar perkahwinan yang dilangsungkan menepati kehendak falsafah perkahwinan Islam.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, maka beberapa persoalan telah timbul berkaitan dengan masalah Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Perlis iaitu:

1. Apakah kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari sudut hukum dan perundangan Islam?
2. Apakah faktor-faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran khususnya di negeri Perlis?
3. Sejauhmanakah perkahwinan tanpa kebenaran memberi kesan kepada pasangan terlibat serta institusi kekeluargaan dan juga masyarakat?

Sehubungan itu, diharap kajian ini akan dapat memberi jawapan yang jelas tentang kes perkahwinan tanpa kebenaran dari aspek hukum disebabkan ketiadaan dalil yang jelas

tentangnya sebelum ini, serta diharap dapat merungkaikan masalah-masalah yang dihadapi disebalik berleluasanya kes perkahwinan tanpa kebenaran ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah merupakan tunjang kepada ilmu pengetahuan yang bertujuan untuk lebih memahami kajian yang akan dibuat. Tujuan objektif kajian juga adalah untuk menunjukkan arah yang tepat dalam proses dan pelaksanaan kajian yang dilaksanakan agar kajian tersebut berjalan sesuai dengan apa yang hendak disampaikan. (Soerjono Soekanto, 1994)

Secara lebih spesifik, kajian ini meletakkan objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti kedudukan perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut hukum dan perundangan Islam.
2. Meneliti faktor-faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran di Perlis.
3. Menganalisis kesan perkahwinan tanpa kebenaran kepada pasangan terlibat serta kepada institusi keluarga dan masyarakat.

#### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini akan menumpukan kepada hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran. Pada peringkat awal perbincangan akan menyingkap tentang konsep perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam dan bagaimana sebuah perkahwinan itu menjadi lebih rumit dan sukar apabila dilaksanakan tanpa mengikut hukum yang telah disyariatkan itu.

Kajian ini akan membincangkan faktor-faktor yang menjadi penyebab berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran, hukum hakam mengenainya dan kepentingan perwalian dalam perkahwinan. Wali merupakan rukun yang utama dalam pelaksanaan sebuah perkahwinan. Oleh demikian, jika perkahwinan yang tidak dilaksanakan dan tidak mendapat kebenaran daripada wali akan dianggap sebagai perkahwinan tanpa kebenaran dan ianya adalah tidak sah dan batal. Oleh itu, penulis akan membuat kajian secara terperinci berhubung fenomena yang berlaku berdasarkan peruntukan fiqh Islam yang bersifat terbuka, berasaskan data-data dan maklumat yang diperolehi dari Mahkamah Syariah. Perbincangan ini akan meliputi perbincangan ulama' berhubung isu ini, serta mengenal pasti masalah yang timbul dan penyelesaiannya mengikut perundangan Islam.

Kajian ini juga akan menganalisis kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran yang telah dibicara dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Bagi tujuan mengenal pasti faktor perkahwinan tanpa kebenaran ini, kajian khusus akan dilakukan berdasarkan kes-kes terpilih yang dibicarakan antara tahun 2006 hingga 2010 di Negeri Perlis berdasarkan perbicaraan dan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Subjek utama kajian ini ialah Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Pendaftar Nikah Cerai dan Ruju' serta Pegawai Rekod yang terlibat secara khusus dalam proses pendaftaran semula kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran ini. Kajian ini tidak memfokuskan kepada subjek atau individu yang terlibat secara langsung dengan Perkahwinan Tanpa Kebenaran, kerana kesukaran mendapatkan maklumat berkaitan mereka, tetapi hanya memfokuskan individu dan pihak pembuat dan pemutus sahaja.

## **1.6 Kepentingan Kajian:**

Kepentingan kajian dapat dilihat daripada beberapa sudut:

1. Kajian ini diharap dapat memartabatkan institusi kekeluargaan Islam.
2. Untuk membantu masyarakat Islam memahami hukum syarak dalam masalah perkahwinan, terutama perkahwinan yang melanggar norma-norma kebiasaan yang dilaksanakan.
3. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu memberi jalan penyelesaian yang terbaik dalam merungkai persoalan perkahwinan tanpa kebenaran agar menepati kehendak nas serta bersifat realistik.
4. Untuk memberi input kajian yang bersesuaian sebagai sebahagian daripada kajian keperluan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta agensi-agensi lain yang terlibat ke arah penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang kekeluargaan sedia ada berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran.

## **1.7 Definisi Istilah**

Perkahwinan tanpa kebenaran sebenarnya bukanlah suatu isu yang baharu dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Ianya berlaku sejak dahulu lagi cuma masyarakat dahulu kurang mengambil kisah tentang fenomena ini serta menganggap perkara sebegini boleh diatasi tanpa melibatkan pihak-pihak yang lebih bertanggungjawab seperti Pejabat Agama dan juga Mahkamah Syariah. Namun sekarang ini, masyarakat adalah lebih terbuka berbicara soal perkahwinan serta celik hukum di kalangan wanita semakin meningkat.

Jika dilihat dalam situasi masyarakat sekarang, perkahwinan tanpa kebenaran berlaku di mana-mana sahaja dan ianya bukanlah suatu isu yang pelik dalam masyarakat sekarang kerana kes-kes seperti ini banyak dilaporkan di dalam media massa dan juga media elektronik. Akhbar Berita Harian juga pernah melaporkan tentang seorang Ahli Parlimen yang berkahwin di Selatan Thailand dan didenda kerana kesalahan tersebut. Berdasarkan laporan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa isu ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat biasa tetapi juga melibatkan pemimpin rakyat. (Berita Harian, 2002)

Selain itu, akhbar Berita Harian juga pernah melaporkan tentang polemik Kerajaan Perlis yang ingin menambah jumlah Pegawai Nikah, Cerai dan Rujuk daripada tiga orang kepada lima orang bertujuan untuk melancarkan lagi urusan-urusan yang berkaitan dengan pendaftaran semula perkahwinan tanpa kebenaran ini, selain melonggarkan syarat berpoligami termasuk bayaran proses perkahwinan yang rendah. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran yang banyak dilangsungkan di Selatan Thailand. (Berita Harian, 2003)

Pengertian perkahwinan tanpa kebenaran ataupun lebih dikenali sebagai “kahwin lari” menurut Kamus Dewan ialah perkahwinan (pernikahan) pasangan lelaki dan wanita (biasanya suka sama suka) yang dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh kaum keluarga. (Kamus Dewan, 2003).

Dari sudut perundangan fiqh, perbincangan berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran lebih tertumpu kepada perkahwinan yang tidak mendapat keizinan daripada

wali. Para ulama' bersepakat mengenai keharusan bagi seorang lelaki yang mukallaf untuk melangsungkan perkahwinannya tanpa persetujuan wali, bahkan dia boleh untuk mengahwinkan orang lain jika dia adalah wali atau wakil wali. Walaubagaimanapun, para ulama' berbeza pendapat tentang wanita, di mana timbul persoalan adakah harus seorang wanita untuk berkahwin tanpa keizinan wali atau dengan kata lain melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran.

Dalam konteks ini, sebenarnya tidak ada satu definisi yang khusus yang diperuntukkan oleh akta ataupun enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran. Akan tetapi secara keseluruhannya perkahwinan tanpa kebenaran boleh didefinisikan sebagai satu perkahwinan yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan ianya bertentangan dengan kehendak pihak-pihak tertentu dan juga undang-undang yang telah ditetapkan serta tidak dipersetujui oleh wali dan juga keluarga. Perkahwinan ini telah diakadkan oleh wali hakim dan dijalankan tanpa persetujuan wali dan juga tanpa kebenaran pendaftar perkahwinan yang dilantik.  
(Mahamad Ariffin, 2003)

Perbahasan ulama' berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran ini boleh dilihat apabila jumhur ulama' yang kebanyakannya terdiri daripada para sahabat seperti 'Umar, 'Ali, Ibn Mas'ud, Ibn Abbas, Abu Hurairah dan juga 'Aishah R.A berpendapat bahawa seorang perempuan tidak dibenarkan berkahwin melainkan mendapat keizinan daripada walinya. Pendapat inilah yang dipegang oleh jumhur fuqaha' yang terdiri daripada Imam Malik, Imam Shafi'i dan juga Imam Hanbali. (Ibn Qudamah, 1984)

Walau bagaimanapun, berbeza pula pandangan Imam Mazhab Hanafi yang mana beliau menyatakan bahawa perempuan berhak mengahwinkan dirinya sendiri tanpa terikat dengan persetujuan wali. Namun begitu dia mensyaratkan adanya wali bagi perkahwinan wanita yang masih kecil dan juga wanita gila. (Ibn Rushd, 1981)

Jika dilihat di bawah peruntukkan undang-undang pula, perkahwinan tanpa kebenaran bukan sahaja terhad kepada perkahwinan yang berlaku di luar negara seperti Thailand dan Indonesia sahaja, malah termasuk juga perkahwinan yang dilaksanakan tanpa mengikut saluran undang-undang yang betul. Ini juga merangkumi perkahwinan yang dilaksanakan di dalam dan di luar negara. Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa seseorang individu yang berkahwin sama ada di dalam atau di luar negara tanpa kebenaran daripada Pendaftar Nikah akan dianggap sebagai perkahwinan tanpa kebenaran. (Noraini Mohd. Hashim, 2003)

Walau bagaimanapun kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran ini hanya difaiklan atau diketahui apabila pasangan yang terlibat tampil ke Mahkamah Syariah untuk mendaftarkan perkahwinan mereka secara sah. Bagi pasangan yang berasal daripada negeri Perlis, kes mereka difaiklan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis.

Mahkamah Syariah Kangar Perlis ditubuhkan sebelum merdeka lagi, iaitu pada tahun 1921 bersamaan dengan tahun 1430H. Penubuhan Mahkamah Syariah Kangar ini berdasarkan Undang-undang Mahkamah Syariah tahun 1340H. Undang-undang Perlis No.15 tahun 1340H, undang-undang ini terus terpakai sehingga diganti dengan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963 di bawah seksyen 11.

Sebelum penubuhan Mahkamah Syariah Kangar, terlebih dahulu ditubuhkan Mahkamah Kadhi Perlis di bawah seksyen 11(1) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis 1963. Pada awal penubuhannya, mahkamah ini berada di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Perlis. Selepas itu, pada 3 Disember 1992, Kerajaan perlis telah menggubal dan mewartakan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 bertujuan untuk meningkatkan lagi taraf dan menggantikan struktur Mahkamah Kadhi yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Ugama Perlis 1963.

Walau bagaimanapun, satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menyusun semula Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis 1963. Dalam penyusunan tersebut, kerajaan Negeri Perlis telah bersetuju supaya Mahkamah Kadhi diletakkan berasingan daripada Jabatan Agama Islam Perlis. Pada 1 Januari 1995, Mahkamah Kadhi telah mempunyai pentadbirannya sendiri dan diterajui oleh seorang Kadhi Besar. Namun begitu, Mahkamah Kadhi yang ditubuhkan di bawah seksyen 11(1) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1963 telah dimansuhkan dan digantikan penubuhannya di bawah seksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991. Semua pentadbiran serta bidang kuasa Mahkamah Kadhi termaktub di bawah Enakmen tersebut, dan ianya mula berkuatkuasa pada 3 Disember 1992. (Mahkamah Syariah Kangar Perlis).

## **1.8 Kajian Lepas**

Kajian ini cenderung untuk memberi penjelasan tentang realiti perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku pada hari ini serta mengupas isu tersebut secara mendalam dari segi faktor penyebab dan juga kesan yang terpaksa dihadapi oleh individu yang terlibat dan juga dari segi keharmonian institusi kekeluargaan. Melalui rujukan yang dijalankan,

didapati kebanyakkan penulisan undang-undang kekeluargaan banyak ditumpukan kepada aspek seperti perceraian, hak-hak yang diperolehi oleh wanita selepas berlaku pembubaran perkahwinan, poligami dan juga ketidakadilan yang berlaku ke atas wanita. Meskipun begitu, terdapat sebahagian penulisan yang menyentuh isu perkahwinan tanpa kebenaran dan ianya dibincangkan dari aspek undang-undang kekeluargaan Islam.

Melalui pembacaan dan rujukan kepada beberapa kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang membantu kajian ini. Kajian oleh Hazizan bin Hj. Mat Desa dalam disertasi sarjana beliau telah menumpukan kepada kes perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku di negeri Kedah dan faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan tersebut. Melalui kajian tersebut, terdapat beberapa faktor utama yang menjadi penyebab kepada berlaku Perkahwinan Tanpa Kebenaran di negeri Kedah seperti faktor poligami yang menjadi sebab utama kepada perkahwinan tanpa kebenaran di negeri Kedah. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain seperti halangan daripada ibu bapa dan pasangan memang berasal daripada negara jiran. Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh beliau didapati beberapa faktor sampingan seperti hamil sebelum berkahwin, faktor hantaran yang terlalu tinggi yang diminta oleh pihak perempuan dan juga peraturan perkahwinan yang terlalu ketat. (Hazizan Hj. Mat Desa, 2002)

Kajian ini memberi tumpuan kepada implikasi perkahwinan tanpa kebenaran dari aspek pelaksanaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah. Berdasarkan temubual beliau dengan pegawai bertugas di Pejabat Agama Islam negeri Kedah, terdapat beberapa implikasi utama yang digariskan seperti pasangan yang berkahwin itu sukar untuk mendaftarkan perkahwinan mereka dan perlu melalui prosedur yang telah

ditetapkan dalam Undang-undang Keluarga Islam Kedah. Selain itu, pasangan tersebut juga sukar untuk menuntut hak dalam perkahwinan jika berlaku perkara yang diluar jangkaan seperti perceraian dan kematian. Antara implikasi lain yang digariskan ialah pasangan tersebut akan menghadapi kesukaran untuk mendaftarkan kelahiran anak kerana perlu mengemukakan surat perakuan nikah yang telah disahkan oleh pejabat agama negeri Kedah. Manakala dari sudut perbahasan fiqh berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran, beliau hanya membincangkan perbahasan fuqaha' secara umum. Kajian yang dilaksanakan cenderung kepada kajian kes berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah negeri Kedah. (Hazizan Hj. Mat Desa, 2002)

Sehubungan itu, kajian-kajian yang menjurus kepada persoalan perkahwinan tanpa kebenaran juga cenderung dibincangkan secara kajian kes. Sebagai contoh, Ishak Mohamad menjalankan kajian perkahwinan tanpa kebenaran berdasarkan kes yang berlaku di Majlis Agama Islam Selatan Thailand (Narathiwat). Dalam kajian tersebut, beliau mendapati jumlah kes perkahwinan tanpa kebenaran yang melibatkan rakyat Malaysia di Selatan Thailand (Narathiwat) adalah sangat tinggi iaitu 845 kes pada tahun 2006, meningkat mendadak pada berikutnya iaitu 1944 kes pada tahun 2007, 2342 kes pada tahun 2008, 2172 kes pada tahun 2009 dan pada tahun 2010 dalam tempoh 5 bulan iaitu daripada bulan Januari hingga Mei sahaja bilangan kes telah mencecah 1321 kes. (Ishak Mohamad, 2003)

Selain penelitian terhadap kajian kes, terdapat juga kajian yang melihat perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut sosial dan cara penyelesaiannya. Antaranya kajian ini melihat secara umum implikasi negatif dari sudut sosial yang berlaku ke atas institusi

masyarakat iaitu kesukaran untuk mendaftarkan semula perkahwinan di luar Negara dan juga memiliki sijil nikah yang sah. Dalam hal ini, pasangan akan berhadapan dengan prosedur yang rumit, lebih-lebih lagi jika perkahwinan yang dilangsungkan itu diragui dari segi hukum syarak. Selain itu, pasangan tersebut juga akan menghadapi kesukaran untuk mendaftarkan kelahiran anak dan juga hak-hak dalam bidang pendidikan. Kajian tersebut dijalankan oleh Mahamad Ariffin dan Noraini Mohd Hashim. (Mahamad Ariffin dan Noraini Mohd Hashim, 2003)

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Daud Muhamad pula hanya membincangkan fenomena perkahwinan tanpa kebenaran secara umum serta penilaian semasa tanpa memperincikan fenomena tersebut kepada perkara yang lebih khusus dan mendalam.(Daud, 2003)

Sehingga kini, kajian yang meneliti kes perkahwinan tanpa kebenaran dan analisa dari aspek fiqh dan undang-undang Malaysia telah dilakukan oleh Abdul Manan Ismail dan Arif Fahmi Md Yusof. Kajian mereka cenderung untuk melihat penguatkuasaan undang-undang keluarga apabila berlaku kes perkahwinan tanpa kebenaran ini dan hanya memfokuskan kepada Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Antara Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan yang melibatkan perkahwinan tanpa kebenaran ialah seksyen 34 (AUUKIWP 1984) memperuntukkan tentang perlunya pendaftaran semula perkahwinan tanpa kebenaran di Pejabat Agama tempat tinggal pasangan terbabit. Pendaftaran tersebut sangat penting sebagai bukti dan juga sebagai sokongan terhadap suatu perkahwinan yang telah berlaku. Selain itu, seksyen 19 AUUKIWP 1984 pula memperuntukkan bahawa perkahwinan yang ingin

dijalankan perlu mendapat kebenaran daripada pendaftar jika perkahwinan tersebut melibatkan perempuan yang bermastautin di negeri itu. Seksyen 40 AUUKIWP 1984 pula memperuntukkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar nikah mengikut seksyen 19 adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti atau denda yang tidak melebihi RM1000 dan penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. (Abdul Manan Ismail dan Arif Fahmi Md Yusof, 2003)

Oleh itu, berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan juga didapati kajian tentang perkahwinan tanpa kebenaran yang melihat kepada faktor dan juga kesan secara lebih mendalam di negeri Perlis belum dilakukan. Melihat kepada kekosongan tersebut, maka penulis merasakan perkara ini penting untuk dijadikan penyelidikan. Ini juga kerana, kajian tentang isu ini dilihat penting bertujuan sebagai satu usaha penampaikan ke atas Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga yang sedia ada. Penulis amat berharap agar kajian yang akan dijalankan ini menepati falsafah pembinaan keluarga Islam yang harmoni, serta membuka mata masyarakat bahawa perkara ini tidak boleh dipandang remeh, kerana ia akan mendatangkan kesan negatif ke atas institusi kekeluargaan Islam dan juga memberi impak kepada pembangunan masyarakat.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Kajian yang akan dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif dan dipersembahkan secara diskriptif. Data yang dikumpulkan merangkumi data primer dan data sekunder. Metode-metode yang diaplikasikan dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisaan data. (Neuman, 2003).

Oleh itu bagi memperolehi data-data yang signifikan, beberapa metode akan digunakan iaitu:

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

#### **1. Kajian Kepustakaan**

Kajian kepustakaan adalah metode terpenting bagi mendapatkan data utama untuk semua bab. Metode ini digunakan untuk mendapatkan gambaran berkaitan isu perkahwinan tanpa kebenaran. Secara lebih terfokus, kajian kepustakaan digunakan untuk mendapat teori dan konsep yang jelas tentang pandangan syara' berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran, perbahasan fuqaha' berkenaan dengan konsep wali, bidang kuasa wali, fungsi wali, serta kesan perwalian ke atas perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut keharmonian institusi keluarga. Selain itu, maklumat utama daripada Mahkamah Syariah Kangar Perlis juga digunakan. Antara maklumat tersebut seperti statistik kes perkahwinan tanpa kebenaran bagi tahun-tahun yang dikaji iaitu 2006-2010. Sumber-sumber yang digunakan untuk kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- a. Sumber-sumber kajian berdasarkan kepada sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.

Maklumat yang diperolehi dari sumber ini bertujuan melihat pandangan Islam secara jelas berhubung kes perkahwinan tanpa kebenaran, menurut perspektif hukum dan juga pembentukan keluarga Islam dengan mengambil kira realiti dan keperluan semasa manusia.

- b. Dokumen dan bahan-bahan yang diterbitkan.

Kategori ini termasuklah penulisan-penulisan ilmiah yang meliputi kitab-kitab fiqh, buku-buku, kertas kerja seminar dan artikel-artikel dalam jurnal dan sumber internet. Kajian ini juga akan meneliti tulisan-tulisan separa ilmiah terbitan media seperti akhbar dan majalah. Pengumpulan maklumat dari kategori kedua ini bertujuan untuk mendapat garis panduan daripada baginda Rasulullah SAW dan Sahabat berkaitan konsep perwalian serta pandangan fuqaha' silam dan semasa berkenaan isu perkahwinan tanpa kebenaran. Walaupun tulisan separa ilmiah seperti akhbar dan majalah tidak boleh digunakan sebagai rujukan utama, tetapi penulis merasakan ianya juga perlu diberi tumpuan memandangkan kes perkahwinan tanpa kebenaran ini merupakan isu semasa yang masih baru dan sering dibincangkan di dalam akhbar.

- c. Sebarang bentuk dokumen, polisi-polisi, statistik dan fail kes daripada mahkamah syariah serta undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia dan Institusi Kehakiman Syariah Malaysia berhubung dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran.

## **2. Kajian Lapangan**

Selain daripada kajian kepustakaan, penulis juga turun ke lapangan yang disasarkan bagi mendapatkan maklumat utama iaitu di Mahkamah Syariah Kangar Perlis kerana kes perkahwinan tanpa kebenaran yang melibatkan keizinan wali dikendalikan oleh mahkamah tersebut serta Jabatan Agama Islam Perlis. Antara maklumat yang dikumpul adalah statistik kes perkahwinan tanpa

kebenaran bagi tahun-tahun yang dikaji iaitu 2006-2010. Jumlah kes yang disasarkan adalah sebanyak 10 kes bagi setiap tahun. Bagi mendapatkan gambaran menyeluruh sebanyak 50 kes telah diteliti di mana kes-kes tersebut adalah kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis untuk tempoh lima tahun. Selain itu, pengumpulan maklumat juga adalah melalui penelitian fail-fail kes Mal dan jenayah (keluarga) bagi beberapa kes yang berkaitan seperti pengesahan perkahwinan dan sebagainya.

### **3. Metode Temubual**

Metode ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci serta gambaran yang jelas dan mendalam tentang topik perbincangan. Data diperolehi melalui temubual dan soal jawab secara langsung dengan individu yang terlibat secara khusus dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran ini iaitu Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Kangar Perlis, Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Mahkamah Syariah Kangar Perlis dan juga Pegawai Rekod Mahkamah Syariah Kangar Perlis.

### **4. Metode Pemerhatian**

Untuk menguatkan lagi bukti-bukti penulisan, diaplikasikan juga metod pemerhatian dengan cara mengikuti sesi-sesi perbicaraan bagi kes-kes terpilih berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis. Metod ini digunakan dalam bab keempat iaitu mengenal pasti kesan perwalian ke atas perkahwinan tanpa kebenaran kepada institusi keluarga.

### **1.8.2 Metode Penganalisaan Data**

Memandangkan kajian yang akan dilakukan oleh penulis merupakan kajian terperinci ke atas kes-kes yang diambil daripada fail mahkamah syariah, maka kes-kes tersebut menjadi data utama kepada kajian ini. Oleh itu kaedah analisis kandungan akan diguna pakai bagi menganalisa semua kes-kes yang berlaku antara tahun 2006 hingga 2010, untuk mengeluarkan faktor dan kesan perkahwinan tanpa kebenaran ini.

Analisis kajian ini akan disokong oleh bahan-bahan yang dikumpul hasil pembacaan, penyelidikan, penelitian, pemerhatian dan juga temubual. Seterusnya penulis akan membuat analisa dan kesimpulan ke atas segala maklumat yang diperolehi. Kaedah penganalisaan data ini digunakan dalam bab empat dan bab lima. Kedua-dua bab ini memberi penjelasan secara terperinci tentang faktor dan juga kesan perkahwinan tanpa kebenaran. Metode analisa data yang digunakan adalah seperti berikut:

#### **1. Metode Analisis Kandungan**

Metode ini digunakan untuk menganalisis kes-kes terpilih yang didaftarkan di mahkamah syariah Kangar Perlis. Penggunaan kaedah ini penting untuk memperolehi maklumat secara mendalam terhadap kes-kes yang dikaji. Selain itu kaedah ini juga dapat menyusun dan mengenalpasti masalah yang dikaji. Kaedah ini digunakan dalam bab keempat dan kelima, di mana kedua bab ini menerangkan tentang faktor-faktor dan juga implikasi perkahwinan tanpa kebenaran.

## **2. Metode Induktif**

Metode ini adalah satu cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian dari maklumat yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang berbentuk umum. Metode induktif juga merupakan metod yang diasaskan kepada cara berfikir yang bermula dengan mendapatkan data yang bersifat khusus untuk merumuskan suatu kesimpulan yang bersifat umum. Metode ini digunakan dalam bab dua, tiga, empat dan lima. Keempat-empat bab ini menerangkan dengan jelas tentang perkahwinan perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut hukum syarak dan juga undang-undang kekeluargaan Islam.

## **3. Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah cara untuk menghuraikan sesuatu masalah dengan terperinci, yang mana ianya dilakukan dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang dijelaskan. Ia juga adalah satu pendekatan yang bersifat umum kepada khusus. Data-data yang diperolehi akan dianalisis melalui pembacaan yang teliti daripada berbentuk umum kepada bentuk khusus dengan memberi penekanan kepada isu yang dikaji. Metode ini digunakan dalam bab yang keempat dan kelima, yang mana dalam kedua-dua bab ini menjelaskan tentang faktor-faktor berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran serta kesan yang dihadapi oleh pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran tersebut.

## **BAB DUA**

### **FALSAFAH PERKAHWINAN ISLAM**

#### **2.1 Pendahuluan**

Islam mensyariatkan perkahwinan kerana ingin memelihara manusia agar dapat hidup dalam situasi yang sihat serta sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Dalam hal ini, sebuah perkahwinan akan menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna dengan pembentukan keluarga yang bahagia. Walau bagaimanapun, hikmah di sebalik tuntutan Allah ini adalah untuk mencegah manusia daripada melakukan kerosakan di atas muka bumi dengan perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada kemaksiatan seperti zina dan sebagainya. Perbuatan maksiat ini boleh membawa kepada kejatuhan umat manusia dan seterusnya membawa kepada kejatuhan ketamadunan khususnya ketamadunan Islam.

(Ismail Kamus, 2009)

Kenyataan ini dirakamkan melalui firman Allah SWT dalam surah *ar-Rum* ayat 21 yang bermaksud:

*“... dan antara tanda-tanda kebesaran Allah ialah Dia menciptakan untukmu, isteri-isteri daripada jenismu sendiri agar kamu cenderung serta berasa tenang dan tenteram kepadanya dan dijadikan antara kamu perasaan kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.*

(*ar-Rum* ayat 21)

Menurut tafsir *Ibn Kathir*, ayat ini menjelaskan tentang kesempurnaan hikmah

penciptaan manusia ini ialah bahawa Allah S.W.T telah menciptakan manusia yang terdiri daripada lelaki dan perempuan agar saling melengkapi antara satu sama lain untuk hidup di dunia ini. Allah S.W.T juga telah menerbitkan perasaan tenteram ke dalam diri manusia dengan adanya rasa kasih sayang di antara keduanya. Ini menunjukkan sebenar-benarnya tanda kekuasaan Allah Yang Maha Bijaksana. (H Salim Bahreisy, 2006)

Perkahwinan merupakan langkah pertama ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera. Sekiranya sebuah keluarga yang dibina itu dipenuhi dengan kasih sayang antara satu sama lain, sudah tentu masyarakat juga akan dipenuhi dengan sifat-sifat tersebut. Islam bukan sahaja melihat perkahwinan itu sebagai satu langkah untuk mengawal hawa nafsu ke arah kebaikan semata-mata, malah jauh lebih dalam dari pada itu. Pensyariatan perkahwinan ini adalah untuk mengisi kekosongan serta memadamkan kegelisahan dan keresahan yang dirasakan oleh setiap manusia selain daripada sebagai salah satu cara manusia mempersembahkan diri kepada Allah dan Rasul-Nya. (Muhammad Ali, 2005).

Rasulullah S.A.W. menggalakkan umatnya berkahwin tanpa mengira pangkat dan kedudukan, kerana Allah SWT telah menjanjikan rezeki yang melimpah ruah untuk manusia yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran-Nya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) daripada kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan*

*kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya kerana Allah maha luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya), lagi maha mengetahui”.*

(al-Nur:32)

Sekiranya dilihat falsafah pensyariatan perkahwinan, terdapat pelbagai keistimewaan yang dapat diperolehi seperti dapat menyekat gejala zina dari terus berleluasa dalam masyarakat. Di samping itu, perkahwinan juga dapat memenuhi keperluan fitrah manusia yang memang diciptakan berpasang-pasangan. Menurut H. Moh Abdai Rathony (2004), fungsi perkahwinan dalam Islam melahirkan masyarakat harmoni serta menjadi mekanisme yang boleh menolak kemudaratan dalam institusi sosial amnya.

## **2.2 Falsafah Perkahwinan Menurut Islam**

Allah SWT menciptakan manusia itu berpasang-pasangan dan ditupukan ke dalam hati setiap manusia itu perasaan saling sayang-menayangi serta sifat saling memerlukan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, perasaan itu harus melalui jalan yang dibenarkan oleh Islam iaitu melalui perkahwinan yang sah. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan, anak pinak, harta benda yang banyak bertimbun-timbun dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga)”.*

(Ali-'Imran:14)

Islam telah menetapkan pertimbangan dalam mencari pasangan di mana seorang lelaki itu tidak seharusnya menjadikan kecantikan dan kekayaan sebagai ukuran dalam proses pemilihan calon isteri, tetapi perlu mengambil kira perempuan yang berpegang teguh

kepada agama sebagai kriteria pemilihan utama.

Begitu juga bagi seorang wanita yang ingin memilih calon suami harus meletakkan pegangan agama yang kuat sebagai faktor utama pemilihan. Pangkat dan harta tidak seharusnya menjadi pertimbangan dalam pemilihan calon suami. Seorang lelaki yang berpangkat dan berharta tetapi tidak mempunyai nilai akhlak dan agama yang tinggi boleh menjadi punca kepada kerosakan dan keruntuhan institusi keluarga. (Mohd Rosydi 1997)

Antara ketetapan lain yang digariskan dalam perkahwinan Islam adalah sekufu dan juga keturunan. Benih yang baik akan melahirkan keturunan yang baik. Oleh demikian Islam sangat menitik beratkan tentang pemilihan calon suami dan juga isteri agar diselidiki terlebih dahulu keturunan pasangan masing-masing. Selain dari itu, perkahwinan sekufu antara lelaki dan perempuan juga diambil kira. Kufu bermaksud mempunyai persamaan taraf antara lelaki dan perempuan sama ada dari segi ilmu, kekayaan, akhlak dan sebagainya. Ini adalah sebagai satu cara untuk menjamin kebahagiaan dan keharmonian kehidupan berkeluarga dan masyarakat pada masa akan datang. (Mohd Rosydi, 1997)

Sehubungan itu, seseorang yang ingin mendirikan rumahtangga perlu tahu dan menginsafi tentang tanggungjawab masing-masing apabila sudah mendirikan rumahtangga, sama ada bagi pihak suami dan juga isteri. Antara tanggungjawab suami yang digariskan dalam Islam ialah: (Mohd Rosydi, 1997)

1. Suami merupakan ketua keluarga dan juga sebagai pelindung kepada isteri dan anak-anak. Sebagai seorang ketua dan juga pelindung kepada keluarga, suami bertanggungjawab mengawal, membimbing, menentukan tugas serta berusaha mencari keperluan hidup untuk keluarganya dan juga berusaha menyediakan keperluan dan keselamatan keluarganya.
2. Suami bertanggungjawab menyediakan rumah kediaman, pakaian dan makan minum keluarga. Suami juga wajib mengajar anak isterinya dengan hukum-hukum agama. Jika tidak mampu mengajarnya sendiri, haruslah menyediakan kemudahan pembelajaran dan membiayainya.
3. Suami juga perlu mempunyai perasaan belas kasihan kepada keluarganya dalam menjalankan urusan pentadbiran keluarga. Di samping itu, suami perlu menunjukkan sifat-sifat dan contoh yang baik supaya ianya menjadi ikutan kepada isteri dan anak-anak.

Demikian juga dengan isteri, apabila berkahwin sudah tentu mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap suami dan keluarga. Isteri mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membantu suami menjaga rumahtangga. Antara tanggungjawab isteri yang boleh dilihat adalah: (Mohd Rosydi, 1997)

1. Isteri wajib bergaul dengan suami secara baik.
2. Isteri perlu mengendalikan rumahtangga dengan sepenuh hati.

3. Wajib bagi isteri berhias untuk suaminya. Isteri perlu sentiasa berada di hadapan suami dalam keadaan yang menarik dan kemas. Dengan sebab itu hati suami akan terhibur.
4. Menjadi kewajipan isteri untuk taat kepada suami dalam apa jua keadaan sekali pun, selagi ianya tidak membelakangkan agama.
5. Seorang wanita juga perlu sentiasa menjaga kehormatan diri dan juga nama baik suaminya.

Oleh demikian jelas sekali bahawa perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam itu sangat memenuhi tuntutan naluri semula jadi manusia, dan Allah S.W.T. adalah sebaik-baik perancang untuk kemakmuran dan kesejahteraan di atas muka bumi ini.

### **2.3 Definisi Perkahwinan**

Dalam Islam, perkahwinan mempunyai pengertian dan juga maksud yang sangat mendalam untuk dihayati oleh semua umat manusia. Pengertian ini seharusnya dikupas dengan lebih mendalam supaya manusia dapat memahami erti perkahwinan yang sebenar dalam Islam.

Perkahwinan dalam Islam lebih bersifat kontrak sivil dan tidak mempunyai unsur-unsur upacara ikatan keagamaan sebagaimana terdapat dalam perkahwinan agama-agama lain seperti agama Kristian dan juga Hindu. Ini kerana, perkahwinan dalam Islam adalah berdasarkan tawaran dan penerimaan ataupun disebut juga sebagai '*ijab dan qabul*' yang berlaku antara pihak-pihak yang berkenaan. (Nik Noraini, 1998)

Pengertian nikah dari sudut bahasa ialah bersatu dan berkumpul. Orang Arab membuat perumpamaan sebagai “*pokok-pokok itu bernikah*”, yang bermaksud pokok-pokok itu condong dan berhimpun rapat di antara satu sama lain. Dari segi istilah syarak pula, nikah ialah suatu akad yang menghalalkan perhubungan di antara lelaki dan perempuan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak. Ia dinamakan nikah disebabkan oleh ianya mengumpulkan dua orang manusia dan menyatukannya di antara satu sama lain. (Mustofa al-Khin, 2005)

Manakala menurut Wahbah al-Zuhayli, (1996) dalam bukunya “*al-Fiqh al-Islami Wa-Adillatuhu*” mentakrifkan nikah dari sudut bahasa ialah ‘percantuman’ ataupun satu gambaran kepada persetubuhan dan akad. Manakala definisi perkahwinan dari sudut *syara'* pula ialah satu ‘*aqad*’ yang mengharuskan seorang lelaki melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan dengan memenuhi rukun-rukun dan juga syarat-syarat pernikahan yang telah ditetapkan oleh *syara'*.

Selain itu, perkataan nikah juga ditafsirkan sebagai akad, persetubuhan dan juga berseronok-seronok. Walau bagaimanapun, makna hakiki bagi perkataan nikah ini ialah ‘*aqad*’. Manakala makna secara kiasannya ialah persetubuhan. Dalam al-Qur'an, perkataan nikah ditafsirkan sebagai makna akad dan bukannya persetubuhan, sepetimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang iddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah mut'ah (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya”.

(al-Ahzab:49)

Jika diteliti, nikah terbahagi kepada dua bahagian iaitu nikah yang sah dan nikah yang batil. Nikah yang sah bermaksud nikah yang memenuhi rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Melalui perkahwinan yang sah akan melahirkan rasa tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam sesebuah perkahwinan. Manakala nikah yang batil pula ialah nikah yang tidak cukup rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Pernikahan jenis ini adalah haram di sisi agama Islam. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah bentuk nikah yang batil, perempuan itu wajib dibayar *mahar mithil*, seperti keadaan dimana perkahwinan yang dilaksanakan tanpa wali dan perempuan itu telah disetubuhi.

(Mustofa al-Khin, 2005)

Sepertimana sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadis yang diriwayatkan daripada Tirmidzi, Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

*“mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa kebenaran walinya, nikahnya batal, nikahnya batal, nikahnya batal. Rasulullah SAW mengulanginya sebanyak tiga kali”.*

(Sunan Abu Daud, no. Hadith 1999)

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa Islam sangat menganjurkan perkahwinan di kalangan manusia. Malah perkara ini banyak disebut dan dinyatakan di dalam al-Quran, serta diperkuuhkan dengan sunnah Rasulullah SAW. Melalui definisi yang dikemukakan oleh para ulamak yang muktabar, perkahwinan dalam Islam sangat dianjurkan kerana ia merupakan suatu proses fitrah semulajadi yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia, supaya manusia boleh menjalani kehidupan dengan sempurna serta dapat menghasilkan keturunan yang baik melalui saluran yang

digariskan oleh Islam.

## 2.4 Dalil Pensyariatan Perkahwinan

Para ulama' fiqh sependapat berkaitan dengan pensyariatan perkahwinan dalam Islam. Umum mengetahui bahawa Islam sangat menganjurkan perkahwinan bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya gejala-gejala tidak sihat seperti zina dan sebagainya dalam masyarakat. Dalil berkaitan dengan pensyariatan perkahwinan ini dapat difahami dan diambil daripada al-Qur'an dan as-Sunnah. Dalam kedua-dua sumber tersebut banyak membahaskan tentang pensyariatan perkahwinan. Antara yang dapat diperhatikan di sini ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

*"dan jika kamu takut tidak akan berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yang yatim (bila kamu mengahwininya), maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi; dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang saja, atau budak-budak yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya".*

(al-Nisa': 3)

Dalam tafsir Ibn Kathir (1980) menjelaskan bahawa ayat ini merupakan dalil keharusan untuk berkahwin. Ayat ini menerangkan secara jelas menyatakan bahawa seorang lelaki diharuskan berkahwin dua, tiga dan empat dalam satu masa. Akan tetapi, jika seorang lelaki itu bimbang atau khuatir tidak akan dapat berlaku adil kepada semua isterinya, sama ada keadilan dalam layanan, pakaian, tempat tinggal, giliran bermalam dan sebagainya, memadailah dengan berkahwin seorang sahaja.

Ada juga beberapa ayat al-Qur'an yang menjadi bukti pensyariatan perkahwinan seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

*"dan diantara tanda kekuasaanNya ialah; dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasai tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu rasa kasih dan saying. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda bagi kaum yang berfikir".*

(ar-Rum: 21)

Menurut tafsir Ibn Kathir (1980) lagi, menjelaskan bahawa di dalam ayat yang sebelumnya bahawa antara kekuasaan dan kesempurnaan Allah SWT ialah penciptaan Adam dari tanah, kemudian daripada Adam dan Hawa itu maka umat manusia berkembang biak dan menjadi kelompok manusia yang berbagai bangsa dan tersebar di seluruh pelosok dunia, dan manusia itu diciptakan oleh Allah S.W.T. dengan pelbagai rupa iaitu ada yang berkulit putih, hitam, kuning dan juga berkulit merah. Manakala kesinambungan daripada itu, turun pula ayat dalam surah ar-Rum ayat 21 sebagaimana maksud ayat di atas.

Menurut Ibn Kathir (1980), sebagai tanda kesempurnaan hikmah membiaknya keturunan manusia itu, Allah SWT telah mencipta manusia terdiri daripada dua jenis iaitu lelaki dan perempuan agar mereka saling mengisi keperluan hidup di dunia ini dan juga menjadi tenteram dengan adanya rasa kasih sayang di antara keduanya. Maka sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda kekuasaan Allah yang Maha Bijaksana.

Dalam ayat ini juga menggambarkan beberapa perkara yang ditekan oleh Allah SWT kepada umatNya iaitu : (Mohd. Rosydi, 1997)

1. Allah SWT berkuasa menciptakan isteri-isteri dari jenis manusia itu sendiri, sebagaimana Hawa diciptakan daripada tulang rusuk Nabi Adam.
2. Allah SWT juga telah menciptakan isteri-isteri sebagai lambang ketenteraman jiwa dalam kehidupan seorang suami.
3. Lahirnya perasaan kasih sayang serta cinta mencintai antara satu sama lain. Perasaan ini merupakan nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada setiap hambaNya. Pengisian cinta ini hendaklah dipenuhi secara sopan dan bertanggungjawab, sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.

Dalam firman Allah SWT yang lain bermaksud:

*“dan kahwinkanlah orang-orang yang sendirian di antara kamu, dan orang-orang yang layak (kahwin) dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan. Jika mereka miskin Allah akan memampukan mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas pemberian-Nya lagi Maha Mengetahui.”*

(al-Nur : 32)

Menurut tafsir *Ibn Kathir* (1980), menyatakan ayat ini mengandungi anjuran kahwin daripada Allah SWT kepada lelaki dan perempuan yang belum beristeri atau bersuami agar mereka berkahwin. Dalam ayat ini juga termasuk budak-budak sahaya yang layak dan sudah cukup usia, hendaklah diberi bantuan jika ingin berkahwin. Ayat ini juga menjelaskan bahawa jangan sekali-kali kemiskinan itu dijadikan penghalang untuk

berkahwin kerana Allah SWT akan memberikan rezeki. Sesungguhnya Allah maha pemberi dan juga maha mengetahui.(Mustofa al-Khin, 2005)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

*“Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, dan menjadikan bagimu dari isteri-isteri itu anak dan cucu, dan merezekikan kamu dari yang baik-baik”.*

(an-Nahl :72)

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa manusia adalah merupakan penyambung zuriat dan keturunan dari semasa ke semasa, maka lahirlah anak cucu yang akan terus memakmurkan alam ini dengan hamba-hamba Tuhan yang nanti akan terus mengagungkan Allah SWT dalam setiap ketika dan keadaan. (Mohd Roshdi Yusof, 1997)

Dalil tentang pensyariatan perkahwinan ini bukan sahaja terdapat di dalam al-Qur'an, malah ianya diperkuatkan lagi dengan dalil-dalil daripada hadis-hadis Rasulullah SAW antaranya, hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

*“Wahai para pemuda!, barang siapa diantara kamu telah mampu untuk berkahwin maka, kahwinlah kerana kahwin itu menutup pandangan dan menjaga kehormatan. Sesiapa yang tidak berkemampuan hendaklah dia berpuasa kerana berpuasa adalah pendindingnya”.*

(Sahih Bukhari, Kitab al-Nikah, no. Hadith: 1582)

Dalam riwayat yang lain ialah hadis Rasulullah SAW yang juga diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

*“Tetapi aku sembahyang, tidur, puasa, berbuka dan berkahwin. Barang siapa yang tidak menyukai sunnahku, maka dia bukan daripada kalangan umatku.”*

(*Sahih Muslim, Kitab al-Nikah, no. Hadith: 1320*)

Berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah SAW, sudah cukup untuk menggambarkan bahawa perkahwinan yang disyariatkan oleh Islam adalah sejajar dengan fitrah manusia yang diciptakan oleh Allah untuk hidup berpasangan. Bahkan perkembangan sesuatu tamadun manusia itu dicipta daripada perkahwinan dan hanya perkahwinan yang disulami dengan perasaan '*mahabbah*' sahaja yang mampu untuk melahirkan masyarakat yang sempurna dan berakhhlak tinggi.

(Boestamam dan Farah Safura, 2011)

## **2.5 Hukum Perkahwinan**

Menurut al-Shawkani (2007), sifat perkahwinan itu mestalah mengikut hukum syara' sama ada perkahwinan itu digalakkan ataupun tidak. Dalam hal ini menurut beliau, para fuqaha' membuat penentuan hukum sama ada dibolehkan ataupun tidak adalah berdasarkan kepada kedudukan dan kemampuan seseorang yang ingin mendirikan rumah tangga tersebut. Keadaan tersebut boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu wajib/fardhu, haram, makruh dan juga sunat. Penjelasan berkaitan dengan hukum-hukum tersebut adalah seperti berikut:

### **2.5.1 Wajib/Fardhu**

Para fuqaha' menyatakan bahawa sebuah perkahwinan itu berada pada hukum wajib atau fardu, apabila seseorang yakin jika dia tidak berkahwin, dia akan terjerumus ke lembah penzinaan. Dalam masa yang sama, dia mampu untuk memberi nafkah zahir dan batin kepada isterinya, termasuklah mampu menunaikan tanggungjawab sebagai seorang

suami apabila berkahwin kelak. Hukum perkahwinan juga menjadi wajib apabila dia mendapati berpuasa atau melakukan ibadah-ibadah lain juga tidak mampu menegahnya daripada melakukan perbuatan zina. Dalam keadaan tersebut, Islam mewajibkan lelaki itu berkahwin untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang bentuk maksiat.

### **2.5.2 Haram**

Hukum perkahwinan akan menjadi haram apabila seorang lelaki itu tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isteri, sama ada dalam urusan pemberian nafkah zahir dan nafkah batin serta keyakinan akan berlaku kezaliman sekiranya dia berkahwin. (Wahbah al- Zuhayli, 2001).

Sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya... ”.*

(an- Nur:33)

Begini juga sebelah pihak perempuan haram berkahwin jika dia yakin bahawa dia tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap suaminya disebabkan oleh keadaannya yang berpenyakit. (Mahyudin Syaf, 1982)

### **2.5.3 Makruh**

Sebuah perkahwinan itu dianggap makruh apabila perkahwinan yang dilaksanakan itu mendatangkan kemudharatan kepada pihak isteri. Keadaan tersebut mungkin berlaku dalam tiga keadaan iaitu disebabkan oleh kedudukan kewangan pihak suami kurang cukup untuk membayai isterinya, ataupun suami mempunyai tabiat yang agak kasar

apabila bergaul dengan isteri, selain kemungkinan juga kerana perkahwinan yang dipaksa sedangkan lelaki tersebut tidak mempunyai minat kepada perempuan. (Wahbah al-Zuhayli, 2001)

#### **2.5.4 Sunat**

Sunat melangsungkan perkahwinan apabila seseorang itu berada dalam keadaan yang normal, ataupun dengan kata lain tidak terdesak oleh alasan-alasan yang menghalangnya untuk berkahwin. (Abd Ghani Azmi, 1994)

Hukum ini juga menjadi sunat kepada seseorang yang yakin bahawa tidak akan berlaku zina jika dia tidak berkahwin. Di samping itu, dia juga tidak khuatir atau bimbang bahawa dia tidak akan menzalimi atau menganiaya isterinya jika dia berkahwin. (Wahbah al-Zuhayli, 2001)

#### **2.6 Rukun Perkahwinan**

Setiap akad perkahwinan yang dilaksanakan antara lelaki dan perempuan perlu memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan yang telah ditetapkan. Tanpa perkara tersebut, sesuatu perkahwinan itu tidak akan menjadi sah dan tidak diiktiraf dari sudut agama mahupun dari sudut perundangan negara.

Menurut Mazhab Hanafi, rukun merupakan tempat bergantung sesuatu perkara selain menjadi sebahagian daripada kewujudannya. Manakala syarat juga merupakan tempat bergantung sesuatu perkara, tetapi bukan menjadi sebahagian daripada kewujudan sesuatu perkara tersebut.

Manakala menurut pendapat jumhur Ulama' pula, menyatakan bahawa rukun adalah tunggak kewujudan sesuatu perkara. Tanpa rukun sesuatu itu tidak mungkin dapat diwujudkan. Berlainan pula dengan syarat ialah merupakan tempat bergantung kewujudan sesuatu perkara dan ia tidak menjadi sebahagian kewujudannya. (Ibn 'Abidin, 2000)

Jumhur ulama' menyatakan bahawa rukun nikah ada lima iaitu:

**i. Pengantin lelaki**

Seorang lelaki yang ingin berkahwin mesti mempunyai syarat-syarat tertentu iaitu bukan muhrim dengan pihak perempuan yang ingin dikahwini dan juga tidak berada di dalam ihram haji. Ini berdasarkan kepada hadis berikut yang bermaksud:

*“Orang yang sedang berihram tidak boleh berkahwin, tidak boleh mengahwinkan (perempuan sama ada yang berihram ataupun tidak) dan dia tidak boleh meminang”.*

(*Sahih Muslim, no. Hadith 1409*)

Selain dari itu, pengantin lelaki itu juga perlu terang dan jelas identitinya. Sebagai contoh jika wali berkata : *“Aku kahwinkan anak perempuan aku dengan salah seorang daripada kamu berdua”*. Maka perkahwinan tersebut tidak sah kerana tidak ditentukan lelaki mana yang hendak dikahwinkan dengan anak perempuannya itu. ( Mustofa al-Khin, 2005)

**ii. Pengantin Perempuan**

Seorang perempuan yang ingin berkahwin pula disyaratkan memenuhi syarat-syarat tertentu untuk menjadikan sebuah perkahwinan itu sah. Syarat-syarat yang telah

ditetapkan adalah seperti tidak mempunyai halangan untuk berkahwin seperti berkahwin dengan wanita yang haram dikahwini sama ada haram kerana keturunan, faktor perkahwinan ataupun kerana haram dari segi faktor penyusuan ataupun berkahwin dengan wanita yang telah dipinang oleh orang lain. (Mustofa al-Khin, 2005)

Sehubungan itu juga, pengantin perempuan mesti ditentukan dan ditetapkan. Jika wali berkata kepada pihak lelaki: "*Aku nikahkan engkau dengan salah seorang daripada anak perempuanku*". Justeru dalam keadaan ini tidak sah akadnya kerana wali tersebut tidak menentukan yang manakah anak perempuan yang ingin dikahwinkan itu. Selain itu perempuan tersebut juga mesti bukan berada dalam keadaan sedang berihram haji atau umrah.

### **iii. Wali**

Wali ialah seorang individu yang berhak untuk mengahwinkan pengantin perempuan dengan seorang lelaki. Mengikut pendapat jumhur ulama' Syafie, perkahwinan tidak sah jika sekiranya dilangsungkan tanpa wali, kerana wali merupakan salah satu daripada rukun dalam perkahwinan. (Mustofa al-Khin et. al., 2005).

Wali wajib hadir sewaktu seorang perempuan itu dikahwinkan. Ini jelas disebutkan di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka. Apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syarak). Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran. Dengan itu kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih suci dan*

(ingatlah), Allah mengetahui (akan apa jua yang baik untuk kamu) sedang kamu tidak mengetahui”.

(al-Baqarah : 232)

Demikian juga dengan hadis yang menjelaskan keadaan yang sama bermaksud:

“tidak sah kahwin melainkan dengan wali”

(Sunan Abu Daud, no. Hadith: 2085)

Apabila seseorang wanita mengahwinkan dirinya sendiri tanpa wali, nikah tersebut dikira batal. Jika berlaku persetubuhan selepas perkahwinan tersebut, kedua-dua pasangan wajib dipisahkan kerana akad nikah tersebut adalah batal. Wanita tersebut berhak untuk mendapat mahar *mithil* sama ada mahar itu ada disebut dalam akad ataupun tidak.(Mustofa al-Khin et. al, 2005)

Walaubagaimanapun, perbahasan berkaitan dengan wali ini akan dikupas dengan lebih mendalam lagi dalam perbincangan yang seterusnya. Ini kerana wali mempunyai peranan dan kepentingannya yang tersendiri dalam proses sebuah perkahwinan.

#### **iv. Dua Orang Saksi**

Menurut pendapat kebanyakkhan ulama’, perkahwinan yang tidak mempunyai saksi adalah tidak sah, walaupun perkahwinan tersebut telah diisyiharkan kepada orang ramai. Oleh itu, jelas di sini bahawa kesesuaian sesuatu akad nikah itu hendaklah dihadiri oleh dua orang saksi. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh `Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“tidak sah nikah melainkan dengan wali dan dua orang saksi yang adil. Maka jika mereka enggan mengahwinkannya, sultan adalah wali kepada perempuan yang tiada wali”.*

*(al-Daruqutni, no. Hadith:1993)*

Pendapat ini dipegang oleh kalangan para sahabat, tabiin dan ulama' mazhab Syafi'i. Kehadiran dua orang saksi penting dalam sesuatu akad nikah agar dapat memberi jaminan sekiranya berlaku sebarang perselisihan hak antara suami dan isteri kelak. (Boestamam dan Farah Safura, 2011)

Islam juga telah meletakkan syarat-syarat bagi seseorang itu menjadi saksi dalam perkahwinan. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

**a. Islam**

Akad nikah seorang perempuan Islam yang bersaksikan seorang saksi yang bukan Islam adalah tidak sah, kerana orang kafir tidak mempunyai hak kekuasaan terhadap orang Islam. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan milarang daripada berbuat kejahanatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.*

*(at-Taubah:71)*

**b. Lelaki**

Ulama' mazhab Syafi'i mensyaratkan kedua-dua orang saksi mestilah terdiri daripada lelaki. Akad perkahwinan juga tidak sah jika hanya disaksikan oleh seorang lelaki dan dua orang perempuan. (Mustofa al-Khin et. al., 2005)

**c. Berakal dan Baligh**

Akad perkahwinan juga tidak sah jika hanya disaksikan oleh orang gila atau kanak-kanak kerana akad nikah adalah satu akad yang sangat besar dalam Islam. (Mustofa al-Khin et. al., 2005)

**d. Adil dan Merdeka**

Menurut pandangan mazhab Syafi'i, hamba sahaya tidak sah menjadi saksi. Begitu juga dengan orang fasik. Kedua-dua orang saksi mestilah adil walaupun luarannya sahaja. Maksudnya, tidak sah akad nikah dengan dua orang saksi yang jelas kefasiqannya kerana penyaksianya tidak diyakini

**2.6.5 Sighah (Ijab dan Qabul):**

Sighah merupakan lafaz *ijab* dan *qabul* yang disebut ketika proses akad nikah dijalankan. Lafaz *ijab* adalah daripada wali, contohnya dia berkata: "*Aku nikahkan engkau*" ataupun "*Aku nikahkan engkau dengan anak perempuan aku*". Manakala lafaz *qabul* pula adalah daripada pengantin lelaki seperti dia berkata: "*Aku terima nikahnya*" ataupun "*Aku terima nikah anak perempuan engkau*". Disamping itu juga, sah sekiranya pengantin lelaki mendahului lafaz wali kerana lafaz itu, jika didahulukan atau dikemudiankan, ianya memberi maksud yang sama. (Mustofa al-Khin et. al., 2005)

## **2.7 Hikmah Pensyariatan Perkahwinan**

Perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam ini mempunyai seribu hikmah yang boleh dijadikan panduan oleh semua manusia. Antara hikmah penting yang boleh dijadikan iktibar dan panduan adalah seperti berikut:

### **2.7.1 Menyahut seruan fitrah semula jadi manusia yang telah difitrahkan oleh Allah SWT**

Perkahwinan adalah merupakan jalan ataupun saluran untuk manusia memenuhi tuntutan naluri dan juga fitrah semula jadi manusia. Allah SWT mencipta manusia dengan keinginan seksual dan sebagainya. Fitrah ini bukan sahaja berikan kepada lelaki, tetapi juga terhadap wanita. Jika dilihat dari sudut biologi pula, daya tarikan seksual merupakan salah satu sebab berlakunya perkahwinan.

Oleh kerana agama Islam merupakan agama yang fitrah, maka Islam telah mensyariatkan perkahwinan, di mana perkahwinan tersebut merupakan jalan yang sah untuk menghalalkan sebuah perhubungan antara lelaki dan perempuan. (Boestamam dan Farah Safura, 2011)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu iaitu perempuan-perempuan dan anak pinak, harta benda yang banyak bertimbun-timbun dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga)”.  
(Ali `Imran :14)*

Dalam hal ini, Islam tidak membiarkan naluri manusia itu berada dalam keadaan kosong. Namun begitu, Islam juga tidak membiarkan manusia bebas memenuhi keinginan seksual yang boleh merosakkan diri, orang lain, akhlak dan sebagainya, sehingga boleh memberi peluang yang luas kepada syaitan untuk menggoda manusia. Sebaliknya Islam berpendirian sederhana dengan memenuhi keinginan fitrah manusia serta mengaturnya dengan baik supaya dapat berperanan dalam melahirkan keturunan manusia dan memastikan adanya kesinambungan dalam kehidupan manusia. (Mustofa al-Khin et. Al., 2005)

### **2.7.2 Dapat melahirkan keturunan yang soleh dan remaja yang berakhlak untuk masyarakat Islam**

Perkahwinan juga adalah sebagai jalan untuk melestarikan hidup manusia disamping memelihara kesucian nasab itu sendiri. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Allah menjadikan bagi kamu daripada diri kamu sendiri, pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu cicit”.*

*(an-Nahl:72)*

Islam bukan sahaja menggalakkan umatnya mempunyai keturunan yang ramai, malah Islam juga bermatlamat untuk melahirkan masyarakat Islam yang digeruni dan disegani. Oleh itu, Islam menyeru manusia supaya berkahwin, dan juga menyeru para wali (penjaga) supaya mengahwinkan anak-anak mereka.

Masyarakat yang dipenuhi dengan remaja yang dibesarkan di bawah didikan ibu bapa yang pengasih dan penyayang adalah lebih baik jika dibandingkan dengan masyarakat

yang dipenuhi dengan generasi yang dilahirkan daripada perbuatan zina. Mereka ini adalah merupakan generasi terbuang, yang tidak pernah kenal ibu bapa yang mendidik dan membela mereka.(Mustofa al-Khin et. al., 2005)

### **2.7.3 Mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman rohani**

Perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam ini akan menghasilkan ketenangan jiwa dan juga memberi ketenteraman kepada diri. Islam mengibaratkan suami isteri itu adalah seperti pakaian dan keperluan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam kata lain, pakaian sangat diperlukan untuk menutup keaiban tubuh badan dan mengelakkan dari berlaku sesuatu yang menyakitkan. Begitu juga suami isteri yang saling melengkapi antara satu sama lain. Suami isteri yang diikat dengan ikatan yang sah juga akan menjaga kemuliaan, kehormatan serta memberi kebahagiaan kepada pasangan masing-masing.

### **2.7.4 Mengukuhkan ikatan persaudaraan serta membina prinsip bekerjasama**

Ikatan persaudaraan antara dua keluarga akan dapat diwujudkan dan dikukuhkan dengan adanya ikatan perkahwinan yang sah. Perkahwinan ini akan melahirkan suatu ikatan baru serta ikatan kasih sayang yang mendalam antara kedua belah pihak. Perkahwinan juga akan melahirkan sifat kerjasama di antara suami dan isteri yang mana kedua belah pihak akan cuba untuk memberikan yang terbaik dan menjalankan tanggungjawab masing-masing. Contohnya isteri akan membantu suami dalam urusan makan minum, tempat tinggal, pakaian, mendidik anak-anak serta menguruskan rumah tangga. Manakala suami pula akan menjaga hal-hal seperti nafkah dan sebagainya. Apabila semua keperluan ini dipenuhi dengan sebaiknya, maka sebuah keluarga yang dibentuk

dengan sifat-sifat mahabbah ini mampu untuk melahirkan masyarakat yang harmoni berlandaskan lunas-lunas Islam.

## **2.8 Konsep Perwalian Dalam Perkahwinan Menurut Pandangan Fuqaha'**

Sebagaimana yang diketahui bahawa dalam perkahwinan, kehadiran wali adalah sangat penting terutama dalam akad perkahwinan seorang perempuan. Kenyataan ini disandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu, lalu habis eddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syarak)".*

(al-Baqarah:232)

Berdasarkan kepada ayat ini, Imam Syafi`i Rahimahullah berpendapat bahawa ini adalah bukti paling kukuh dalam mengambil kira kedudukan wali. Jika kedudukan wali tidak diambil kira, sudah tentu dia tidak mempunyai kuasa untuk menghalang sesbuah perkahwinan.

Sementara itu Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud:

*"Tidak ada pernikahan melainkan dengan adanya wali dan dua orang saksi yang adil. Jika pernikahan berlaku tanpa kehadiran mereka, nikah itu batil."*

(Ibn Hibban, no. Hadith: 1243)

Para fuqaha' berbeza pendapat tentang sah akad perkahwinan yang dilangsungkan oleh orang perempuan. Bagi pendapat ulama' mazhab Hanafi, akad perkahwinan itu sah

meskipun tanpa kehadiran wali. Manakala Jumhur Ulama' pula berpendapat akad perkahwinan tanpa wali adalah tidak sah dan batal. Dalam membahaskan perkara ini, para ulama' berselisih pendapat berdasarkan kepada hujah masing-masing. (Wahbah al-Zuhayli, 2001)

### **2.8.1 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Hanafi**

Ulama' dalam mazhab Hanafi membahagikan kuasa perwalian kepada tiga bahagian iaitu perwalian ke atas diri manusia, perwalian ke atas harta dan perwalian ke atas diri dan harta. Yang dimaksudkan dengan perwalian ke atas diri ialah kuasa menyelia dan mengurus urusan peribadi orang yang tidak berkelayakan seperti kanak-kanak, orang gila atau orang dungu dalam urusan-urusan seperti perkahwinan, pelajaran, perubatan dan pekerjaan. Oleh itu kuasa ini diberikan kepada bapa, datuk dan semua susunan wali yang lain.

Manakala bahagian kedua pula ialah perwalian ke atas harta, iaitu kuasa mentadbir dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan harta orang yang tidak berkelayakan seperti meleburkan harta itu, mengurus tadbir, menjaga dan membelanjakannya. Kuasa ini diberikan kepada wali seperti bapa, datuk, wasi yang dilantik oleh bapa atau datuk dan wasi yang dilantik oleh qadhi.

Bahagian ketiga ialah perwalian ke atas diri dan harta merangkumi urusan peribadi dan urusan harta. Dalam keadaan ini, kuasa hanya diberikan kepada bapa dan datuk sahaja. (Mansur Ibn Yunus, 1970)

### **2.8.2 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Maliki**

Menurut pandangan ulama' mazhab Maliki, perwalian ada dua jenis iaitu perwalian khas dan perwalian am. Perwalian khas ialah perwalian yang disabitkan bagi orang-orang yang tertentu iaitu bapa, wasi yang dilantik oleh bapa, kerabat yang *asabah, mu'tiq* (assayyid yang membebaskan hamba) dan sultan.

Perwalian am pula merupakan perwalian yang berlaku dengan satu sebab sahaja iaitu Islam. Pada dasarnya, kuasa perwalian ini ada pada setiap orang Islam, walau bagaimanapun memadai seorang sahaja daripada mereka itu menjadi wali apabila berlaku sebuah perkahwinan. Ia berlaku dalam kes seorang perempuan mewakilkan kepada salah seorang daripada orang Islam supaya melangsungkan akad perkahwinannya. Kuasa ini tertakluk kepada syarat bahawa perempuan itu tidak mempunyai bapa atau wasi yang dilantik oleh bapa. Disamping itu, perempuan tersebut juga tidak mempunyai rupa paras yang cantik, tidak berharta, tidak mempunyai budi pekerti yang tinggi dan tidak mempunyai keturunan yang diperakui, seperti anak zina atau anak *shubhah* ataupun perempuan yang merdeka.

Wali bukan mujbir pula terdiri daripada beberapa golongan seperti ahli *asabah*, orang yang memerdekaan hamba perempuan, penjamin dan seterusnya pemerintah. Kerabat yang *asabah* pula adalah seperti anak, saudara lelaki, bapa saudara sebelah bapa dan anak bapa saudara sebelah bapa. Mereka ini tidak boleh mengahwinkan perempuan itu kecuali perempuan baligh sahaja dan dengan keizinan perempuan tersebut. Begitu juga dengan wali yang bukan mujbir hanya boleh mengahwinkan perempuan yang baligh dengan keizinan dan keadaannya, sama ada perempuan yang sudah baligh itu janda atau

perawan.(Muhammad Ibn Ismail San'ani, 2007)

### **2.8.3 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Syafi'i**

Menurut Ulama' mazhab Syafi'i, perwalian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu wali mujbir dan wali pilihan:

i. Wali Mujbir

Wali Mujbir ialah wali yang disandang oleh bapa dan jika dalam keadaan bapa tidak ada, maka ianya akan diambil alih oleh datuk. Oleh demikian, bapa berhak mengahwinkan anak perempuannya yang perawan dan masih kecil ataupun yang dewasa tanpa keizinan daripadanya. Walaubagaimanapun, sunat bagi wali mujbir (bapa atau datuk) untuk meminta izin terlebih dahulu daripada anak perempuannya itu dengan tujuan untuk mengahwinkannya. (Ibn Juzay, 1998)

Mengikut pendapat yang sahih, keizinan perempuan itu adalah memadai dengan dia diam apabila wali meminta izin untuk mengahwinkannya. Ini berdasarkan kepada hadith yang telah diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab nikah, yang bermaksud:

*“Janda lebih berhak dengan dirinya daripada walinya. Bagi anak dara pula, kamu hendaklah meminta izinnya dan keizinannya ialah diamnya.*

*(Sahih Muslim, no. Hadith: 1421)*

ii. Wali Pilihan

Wali pilihan adalah sabit bagi semua wali yang merupakan ahli *asabah* pada perkahwinan janda. Wali jenis ini tidak berhak mengahwinkan perempuan tanpa keizinannya. Jika perempuan tersebut janda atau masih kecil, maka wali tidak boleh mengahwinkannya hingga perempuan itu baligh, kerana keizinan orang yang belum

baligh tidak diambil kira. Oleh itu dari sudut hukum syarak adalah ditegah daripada melangsungkan perkahwinan orang yang belum baligh, sehingga dia baligh. Manakala bagi perempuan yang janda pula, wali perlu mendapat keizinan yang terang daripadanya terlebih dahulu.(Ibn Juzay, 1998)

#### **2.8.4 Perwalian Menurut Ulama' Mazhab Hanbali**

Ulama' mazhab Hanbali berpendapat tidak sah perkahwinan seorang perempuan sekiranya wali tidak ada semasa akad nikah berlangsung. Pendapat ini bertepatan dengan pendapat ulama' mazhab Maliki dan juga ulama' mazhab Syafi'i. Sebagai contoh, seorang perempuan mengahwinkan dirinya sendiri ataupun mengahwinkan orang lain seperti anaknya atau saudaranya, atau dia mewakilkan orang yang bukan walinya untuk mengahwinkan dirinya. Dalam ketiga-tiga keadaan tersebut adalah tidak sah perkahwinannya meskipun perkahwinan tersebut diizinkan oleh walinya.

Ulama' mazhab Hanbali juga berpendapat, perkahwinan itu boleh dilakukan oleh wali setelah mendapat keizinan perempuan yang masih perawan, sama ada dia masih kecil ataupun dewasa. Dari segi kedudukan pula, Ulama' mazhab Hanbali tidak mengambil kira keizinan kanak-kanak perempuan yang masih kecil dalam apa keadaan sekalipun. (Mansur Ibn Yunus, 1970 )

#### **2.9 Syarat- Syarat Wali:**

Wali merupakan syarat utama sah sesebuah perkahwinan. Disebabkan terpikul dibahunya tanggungjawab yang sangat besar, maka bukan semua manusia itu boleh diterima sebagai wali, kecuali dia memiliki dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(Wahbah al-Zuhayli, 2001)

### **2.9.1 Sempurna Keahlian**

Sempurna keahlian bermaksud, seseorang itu mestilah baligh, berakal dan juga merdeka. Manakala bagi kanak-kanak, orang gila, bodoh, mabuk, cacat pandangan dengan sebab terlalu tua atau rosak fikirannya kerana terlalu dukacita dan juga hamba adalah tidak sah untuk menjadi wali. Ini kerana tanggungjawab sebagai wali ini adalah sangat berat dan besar, maka orang-orang yang tidak cukup keahliannya tidak sah untuk menjadi wali disebabkan oleh kekurangan yang terdapat pada dirinya itu. Golongan ini tidak layak menjadi wali kepada dirinya sendiri disebabkan oleh kelemahan pemikirannya. Disamping itu mereka juga tidak layak untuk menjadi wali ke atas orang lain, kerana perwalian memerlukan wali berada dalam keadaan sempurna.

Dalam hal ini juga seorang hamba adalah tidak layak untuk menjadi wali sama ada untuk dirinya sendiri ataupun untuk orang lain kerana hamba adalah terikat dengan tuannya dan sentiasa peka dalam memberikan perkhidmatan kepada tuannya, oleh itu tidak ada ruang untuknya memikirkan berkenaan dengan hal ehwal orang lain.

### **2.9.2 Persamaan agama antara wali dengan waliannya**

Seseorang yang menjadi wali juga mestilah mempunyai persamaan agama antaranya dengan orang yang hendak diwalikan. Oleh itu tidak ada perwalian bagi orang bukan muslim dan sebaliknya tidak ada perwalian bagi orang muslim ke atas orang bukan muslim. Dalam hal ini, para ulama' mazhab mempunyai pendapat yang berbeza, di mana menurut ulama' mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali, orang kafir tidak boleh

mengahwinkan perempuan muslimah, sebaliknya lelaki Muslim boleh mengahwinkan wanita kafir. (Sharbini al- Khatib, 2006)

Bagi ulama' dalam mazhab Syafi'i dan yang lain pula berpendapat lelaki kafir boleh mengahwinkan wanita yang kafir, sama ada yang menjadi suaminya lelaki kafir ataupun muslim. Ulama' mazhab Maliki pula berpendapat, lelaki kafir boleh mengahwinkan wanita ahli kitab dengan lelaki muslim, dan tidak ada perwalian bagi orang murtad ke atas orang muslim dan orang kafir, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.*

(*at-Taubah*:71)

### 2.9.3 Lelaki

Orang yang memikul tanggungjawab sebagai wali itu mestilah seorang lelaki. Ini adalah syarat mengikut pendapat jumhur ulama'. Oleh itu, maka tidak sabit perwalian perkahwinan bagi wanita kerana wanita tidak ada perwalian ke atas dirinya sendiri, lebih-lebih lagi tidak sabit perwaliannya ke atas orang lain. Walau bagaimanapun Ulama' mazhab Hanafi mempunyai pendapat yang berlainan, yang mana mereka berpendapat bahawa lelaki bukan merupakan syarat bagi sabit perwalian seseorang. Oleh itu, wanita yang baligh dan berakal mempunyai perwalian di sisi mereka untuk mengahwinkan dengan menggantikan (mengambil tempat) orang lain sama ada cara perwalian atau mewakili.

#### **2.9.4 Adil**

Menurut pendapat ulama' dalam mazhab Syafi'i, adil ialah sempurna agamanya dengan menunaikan segala kewajipan agama dan berjaya menahan diri daripada melakukan dosa-dosa besar seperti zina, minum arak dan menderhaka kepada kedua ibu bapa serta tidak melakukan dosa-dosa kecil. Syarat ini juga telah dipersetujui dan ditetapkan oleh ulama' mazhab Hanbali. Oleh itu berdasarkan kepada syarat yang telah ditetapkan, maka dapat difahami bahawa orang yang tidak adil seperti orang fasiq tidak boleh menjadi wali. Antara sebab diwajibkan seorang wali itu mesti mempunyai sifat yang adil adalah kerana dalam hal perwalian memerlukan kepada penelitian dan menentukan maslahat. Oleh sebab itu, tidak dibenarkan orang *fasiq* menjadi wali sebagaimana dalam perwalian harta.

Manakala menurut pendapat ulama' mazhab Hanafi dan mazhab Maliki pula, mereka tidak mensyaratkan adil bagi seorang wali kerana pada pendapat mereka, hak perwalian adalah umum, dan tidak ada peristiwa yang menunjukkan bahawa wali pada zaman Rasulullah SAW dan pada masa pemerintahan sahabat menghalang wali yang fasiq daripada melangsungkan perkahwinan waliannya. (Wahbah al-Zuhayli, 2001)

#### **2.9.5 Matang**

Terdapat beberapa pendapat tentang apa yang dimaksudkan dengan matang. Menurut ulama' mazhab Hanbali, matang ialah mengetahui tentang kufu dan beberapa kemaslahatan perkahwinan. Menurut ulama' mazhab Hanbali juga, seorang wali itu ditegah daripada mewalikan perkahwinan disebabkan oleh kebodohan dan ketidakmatangannya.

## **2.10 Susunan Wali**

Secara keseluruhannya, wali-wali dalam perkahwinan adalah seperti berikut mengikut keutamaan dalam hubungan keluarga: (Wahbah al-Zuhayli, 2001)

1. Bapa
2. Ayah kepada bapa (datuk)
3. Adik beradik lelaki seibu sebapa
4. Adik beradik lelaki sebapa.
5. Anak saudara (anak kepada adik beradik lelaki seibu sebapa)
6. Anak saudara (anak kepada adik beradik lelaki sebapa)
7. Bapa saudara seibu sebapa.(adik beradik lelaki kepada bapa yang yang seibu sebapa)
8. Bapa saudara sebapa (adik beradik lelaki kepada bapa yang sebapa)
9. Sepupu.(anak lelaki kepada bapa saudara yang seibu sebapa)
10. Sepupu. (anak lelaki kepada bapa saudara yang sebapa)

Walau bagaimanapun, dalam membahaskan tentang susunan wali ini, para ulama' mazhab mempunyai pendapat yang berbeza, berdasarkan dalil dan juga bukti yang kukuh serta mempunyai syarat-syarat yang tertentu.

### **2.10.1 Susunan Wali Menurut Pendapat Mazhab Hanafi**

Para ulama' mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa, yang ada hanyalah wali mujbir sahaja, dan sabit perwalian tersebut ialah kerabat yang merupakan ahli *asabah* sahaja, iaitu merangkumi ahli *asabah* yang paling dekat dan seterusnya, kerana mengikut

pendapat mereka perkahwinan dirujuk kepada ahli asabah. Kedudukan susunan wali itu boleh dilihat dan difahami melalui susunan berikut iaitu: (Shawkani, 2007)

1. Anak lelaki dan anak lelaki kepada anak lelaki hingga ke bawah.
2. Bapa, datuk yang *asabah* (sahih) hingga ke atas.
3. Saudara lelaki seibu sebapa, saudara lelaki sebapa dan anak-anak lelaki mereka berdua hingga ke bawah.
4. Bapa saudara seibu sebapa sebelah bapa, bapa saudara sebapa sebelah bapa dan anak-anak lelaki mereka berdua.

Kemudian selepas mereka ini, tuan yang memerdekakan hambanya, kemudian ahli *asabah* daripada keturunannya, kemudian pemerintah atau naibnya iaitu qadhi kerana pemerintah (sultan) adalah sebagai naib daripada masyarakat Islam.

Ulama' mazhab Hanafi berbeza pendapat dengan ulama'-ulama' lain, yang mana di sisi ulama' mazhab Hanafi, mereka mensabitkan anak bapa saudara sebelah bapa iaitu sepupu kepada perempuan itu sebagai wali, manakala ulama'-ulama' lain tidak mensabitkan sedemikian. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud iaitu:

*“Dan mereka meminta fatwa kepadamu, (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu:Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam kitab (Al-Quran) ini mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi kepadanya apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, dan yang kamu suka berkahwin dengan mereka....”*

(*an-Nisa':127*)

## **2.10.2 Susunan Wali Menurut Pendapat Mazhab Maliki**

Pendapat ulama' mazhab Maliki, wali terdapat dalam dua keadaan iaitu wali mujbir dan wali tidak mujbir. Perwalian mujbir terbahagi kepada tiga bahagian mengikut susunan berikut: (Ahmad Ibn Muhammad, 1965)

### **a. Tuan yang memiliki**

Seorang majikan berhak untuk memaksa hambanya berkahwin, walaupun majikan tersebut adalah seorang perempuan. Walau bagaimanapun paksaan itu mesti berlandaskan syarat yang ditetapkan. Contohnya paksaan berkahwin itu tidak memudharatkan hambanya, seperti mengahwinkan mereka dengan orang yang mempunyai penyakit berjangkit seperti penyakit kusta dan sopak. Jika perkahwinan itu mendatangkan kemudharatan kepada hambanya, maka majikannya tidak boleh memaksa hambanya berkahwin. Begitu juga boleh difasakhkan perkahwinan tersebut walaupun perkahwinan itu telah lama dilangsungkan.

### **b. Bapa**

Apabila menceritakan berkaitan dengan kuasa bapa sebagai wali mujbir, maka terdapat beberapa keadaan yang membolehkan seorang bapa itu memaksa anaknya untuk berkahwin. Di sini dapat dilihat bahawa, seorang bapa yang mempunyai kuasa mutlak tidak kira sama ada dia seorang yang matang atau bodoh, dia adalah berhak untuk mengahwinkan anak perempuannya yang telah tua walaupun sudah berumur 60 tahun atau lebih. Bapa juga boleh mengahwinkannya secara paksa, walaupun tanpa mahar yang setara ataupun mengahwinkannya dengan lelaki yang tidak sekufu, seperti lelaki yang lebih rendah kedudukannya daipada anak perempuannya atau lelaki yang buruk

rupa parasnya.

Namun begitu, bapa tidak berhak untuk memaksa anaknya yang telah menjadi janda. Dalam hal ini, keadaan seperti anaknya yang telah matang dan berkahwin serta pernah tinggal selama satu tahun di rumah suaminya, kemudian setelah itu dia kembali membujang dan menafikan berlakunya persetubuhan dengan suami, yakni dirinya masih seorang perawan. Demikian juga bapa tidak berhak memaksa anaknya berkahwin walaupun anaknya itu telah hilang perawan dengan sebab perkahwinan yang fasid.

Seorang bapa berhak memaksa anak perempuannya yang janda tetapi masih kecil untuk berkahwin. Ini kerana status anak perempuannya itu tidak diambil kira dalam keadaan ini, kerana dia masih kecil.

Jika seorang perempuan itu kehilangan perawannya disebabkan telah berlaku perzinaan, atau melahirkan anak daripada zina, dan juga hilang keperawanannya disebabkan oleh melompat atau terjatuh dari tempat tinggi kerana bermain sukan, maka bapanya berhak menggunakan kuasa wali mujbirnya untuk memaksa anak perempuannya itu berkahwin.

Dalam keadaan lain juga, sebagai wali mujbir, bapa boleh mengahwinkan anak perempuannya yang gila, meskipun anaknya itu janda ataupun telah melahirkan beberapa orang anak. Tetapi jika perempuan itu gila buat beberapa ketika sahaja dan sembuh pula selepas itu, maka bapa hendaklah menunggu sehingga anak perempuannya itu sembuh. Walau bagaimanapun, jika perempuan itu janda dan dikahwinkan dengan keredhaannya, maka bapa boleh mengahwinkannya tanpa menunggu ketika dia sembuh

daripada gila.

**c. Wasi (penjaga amanah) bapa ketika ketiadaan bapa**

Kuasa Wasi akan berfungsi apabila memenuhi beberapa syarat tertentu iaitu:

- i. Bahawa bapa memberi mandat kepada wasi supaya mengahwinkan anaknya dengan berkata, “kahwinkan (anak perempuan)nya dengan si anu,” atau bapa menyuruhnya secara terang supaya mengahwinkan anak perempuannya walaupun secara paksaan, seperti kata bapa: paksanya berkahwin, atau menyuruh secara tersirat, (iaitu memandang kepada isi perkataan) seperti “kahwinkannya sama ada sebelum baligh atau selepas baligh,” atau “kahwinnya pada bila-bila masa kamu suka.”

Dalam keadaan lain juga bapa menyuruh wasi mengahwinkan anaknya tanpa menentukan orang yang akan menjadi pasangannya dan tidak menentukan sama ada boleh dipaksa ataupun tidak, seperti kata bapa, “kahwinkannya”, atau “nikahkan dia,” atau “kahwinkanlah dia dengan siapa yang kamu suka,” atau “peristerikannya bagi orang yang kamu redha.”

Ataupun dalam hal keadaan bapa berkata, “kamu adalah wasi ke atas anak perempuanku,” atau “ke atas anak-anak perempuanku,” atau “ke atas setengah daripada anak perempuanku,” atau “ke atas setengah daripada anak-anak perempuanku.” Maka jika terdapat salah satu daripada keadaan tersebut, maka wasi berhak mengahwinkannya secara paksa. Kenyataan ini adalah mengikut pendapat yang rajih. Namun begitu, jika

bapa berkata, “ kamu adalah wasi ke atas hartaku,” maka para ulama’ bersepakat bahawa wasi tidak berhak mengahwinkan anak-anak perempuannya secara paksa.

- ii. Mahar tidak kurang daripada mahar setara.
- iii. Suami bukan daripada golongan orang yang fasiq.

Manakala bagi wali yang tidak mujbir atau wali pilihan pula mempunyai susunan yang tertentu. Wali pilihan adalah sabit bagi anak, kemudian bapa secara langsung, kemudian bagi saudara-saudara lelaki, datuk-datuk, kemudian bapa-bapa saudara lelaki sebelah bapa seperti susunan berikut:

- i. Anak lelaki, kemudian anak lelakinya ke bawah.
- ii. Bapa.
- iii. Saudara lelaki seibu sebapa, kemudian saudara lelaki sebapa, anak lelaki kepada saudara lelaki seibu sebapa (anak saudara), anak lelaki kepada saudara lelaki sebapa.
- iv. Datuk (bapa kepada bapa). Perlu diingatkan bahawa datuk diletakkan pada tempat keempat. Sedangkan disisi ulama’ Hanafi dia berada ditempat kedua selepas bapa.
- v. Bapa saudara sebelah bapa, kemudian anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa dengan mendahului yang sebapa daripada yang lain.
- vi. Bapa kepada datuk, kemudian bapa saudara kepada bapa, sebelah bapa kemudian anak lelakinya, kemudian bapa saudara, kepada datuk yang sebelah bapa, kemudian anak lelakinya.

- vii. Didahulukan yang lebih afdhal, ketika wujud persamaan wali dari segi martabat. Jika dua orang wali sama martabat dan kelebihan seperti beberapa orang saudara lelaki yang semuanya ulama', maka didahulukan orang yang dipilih oleh hakim untuk melangsungkan *aqad* perkahwinan, jika tidak ada hakim, maka dijalankan undian di antara mereka.
- iv. Tuan yang memerdekaan hamba. Kemudian ahli 'asabahnya.
- v. Hakim atau qadhi.

### **2.10.3 Susunan Wali dari Sudut Pandangan Mazhab Syaff'i**

Ulama' Syafi'iyyah mengkategorikan wali itu ada dua bahagian iaitu wali mujbir dan wali tidak mujbir. Wali mujbir merupakan wali yang mempunyai kuasa mutlak dalam urusan perwalian perkahwinan. Ia terdiri daripada tiga golongan iaitu bapa, datuk, hingga ke atas dan tuan kepada hambanya. (Sharbini al-Khatib, 2006 )

Seorang bapa berhak untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih gadis sama ada gadis itu masih kecil ataupun dewasa. Walau bagaimanapun, sunat bagi seorang bapa meminta izin daripada anak gadisnya terlebih dahulu. Namun begitu, seorang bapa tidak berhak untuk mengahwinkan anak perempuannya yang janda melainkan telah diberi keizinan.

Datuk pula mempunyai kedudukan seperti bapa, iaitu sebagai wali mujbir apabila diperlukan untuk mewalikan sesebuah perkahwinan. Ketika ketiadaan bapa, datuk boleh menggantikan tempat tersebut sebagai wali. Begitu juga halnya dengan tuan kepada hambanya, yangmana tuan tersebut berhak mengahwinkan hambanya sama ada janda

atau perawan, besar atau kecil, berakal ataupun gila.(Sharbini al-Khatib, 2006 )

Wali yang tidak mujbir pula ialah terdiri daripada bapa, datuk dan ahli *asabah* yang lain. Dalam hal ini, susunan kedudukan wali adalah seperti berikut iaitu bapa, persaudaraan, bapa-bapa saudara sebelah bapa, orang yang memerdekakan hamba kemudian pemerintah (sultan). Ertinya disini, bapa merupakan kedudukan yang pertama kemudian diikuti oleh datuk, bapa kepada datuk hingga keatas, kemudian saudara lelaki seibu seberapa, kemudian saudara lelaki seberapa, kemudian anak lelaki kepada saudara lelaki seibu hingga ke atas, kemudian bapa saudara sebelah bapa, kemudian semua ahli *asabah* daripada kerabat seperti dalam perwarisan. (Sharbini al-Khatib, 2006)

Perwalian tidak sabit bagi anak-anak. Oleh itu, anak tidak boleh mengahwinkan ibunya hingga ke atas dengan sebab menjadi anak semata-mata kerana tidak ada perkongsian keturunan antara ibu dan anak, lantaran keturunan anak dirujuk kepada bapanya, manakala ibu pula dirujuk keturunannya kepada bapa.

#### **2.10.4 Susunan Wali Menurut Pendapat Mazhab Hanbali**

Menurut ulama' Hanbali, pembahagian wali terbahagi kepada dua bahagian iaitu wali mujbir dan juga wali tidak mujbir. Wali mujbir iaitu bapa, kemudian wasi bapa. Selepas kematianya, wali akan berpindah kepada wali hakim (pemerintah) jika perlu. Manakala wali tidak mujbir pula iaitu baki daripada kerabat yang ahli *asabah* terdekat, kemudian yang dekat seperti perwarisan. Susunan wali ialah bapa, kemudian anak, kemudian persaudaraan, kemudian bapa-bapa saudara sebelah bapa, kemudian tuan yang membebaskan hamba kemudian ahli *asabahnya*, kemudian pemerintah sebagaimana

berikut: (Muhammad Ibn Ali Shawkani, 1973)

- i. Bapa adalah orang yang paling berhak mengahwinkan anak perempuannya yang mereka kerana bapa lebih sempurna membuat penelitian dan lebih mendalam simpati dan kasih sayang.
- ii. Datuk (bapa kepada bapa) hingga ke atas. Dia lebih berhak memberi perwalian berbanding dengan anak-anak lelaki dan semua wali yang lain, kerana datuk mempunyai kebapaan dan ahli 'asabah, justeru itu didahulukannya kepada anak, kedudukannya seperti bapa.
- iii. Anak lelaki dan anak lelaki kepadanya hingga ke bawah, dia lebih utama mengahwinkan ibunya.
- iv. Saudara lelaki seibu sebapa, kerana keadaannya adalah ahli 'asabah yang terdekat selepas daipada bapa dan anak.
- v. Saudara lelaki sebapa, seperti seibu sebapa.
- vi. Anak-anak lelaki bagi saudara-saudara lelaki hingga ke bawah.
- vii. Bapa-bapa saudara sebelah bapa, kemudian anak-anak mereka hingga ke bawah. Kemudian bapa-bapa saudara kepada bapa di sebelah bapa.
- viii. Tuan yang membebaskan hamba perempuan, kmudian ahli 'asabah yang terdekat.
- ix. Pemerintah (sultan). Tidak ada perselisihan di antara ulama' tentang sultan mempunyai perwalian bagi mengahwinkan perempuan, ketika perempuan itu tidak mempunyai wali, atau enggan (memberi perwalian).

## **2.11 Keengganan Wali dan Pandangan Fuqaha'**

Keengganan wali adalah merujuk kepada wali yang enggan mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang sekufu apabila dia diminta berbuat demikian. Dalam al-Qur'an, Allah SWT ada melarang semua wali daripada bersikap menghalang, sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

*"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu habis masa iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka..."*

(al-Baqarah:232)

Menurut pendapat ulama' Syafi'iyyah, Hanabilah, Abu Yusuf dan Muhammad, daripada Hanafiyyah wali tidak berhak untuk menghalang perkahwinan kerana kekurangan mahar atau keadaan mahar bukan daripada mata wang dalam negeri, kerana perempuan waliannya redha dengan keadaan tersebut. Ini kerana mahar adalah merupakan hak perempuan yang tulen dan merupakan ganjaran khusus baginya. Oleh itu para wali tidak

boleh menghalang ataupun mengkritik tentang perkahwinan tersebut. (Sharbini al-Khatib, 2006)

Walau bagaimanapun, menurut pendapat Abu Hanifah pula, para wali berhak menghalang waliannya daripada berkahwin tanpa mahar yang setara, kerana perbuatan tersebut boleh mengaibkan mereka dan ia boleh membawa kemudharatan kepada anak-anak perempuan mereka, kerana menyebabkan kekurangan pada mahar setara.

Manakala ulama' Malikiyyah pula berpendapat bahawa keengganan wali (atau halangannya) boleh berlaku apabila timbul dua masalah iaitu:

- i. Apabila seorang lelaki yang sekufu meminta perempuan untuk menjadi pasangan hidupnya dan perempuan bersetuju sama ada perempuan itu menuntut walinya mengahwinkan dia dengan lelaki tersebut ataupun tidak, kerana lelaki itu meminangnya.
- ii. Apabila perempuan itu dipinang oleh lelaki yang sekufu, sementara wali menghendaki lelaki lain yang juga sekufu. Dalam masalah ini, perempuan itu dikahwinkan oleh hakim dengan lelaki sekufu yang menjadi pilihannya, kerana telah terjamin kebahagiaan rumah tangga.

Disisi pendapat ulama' Hanabilah, mereka telah menambah satu lagi gambaran keadaan wali yang menghalang iaitu apabila pihak lelaki takut untuk meminang perempuan itu disebabkan oleh walinya bengis dan sikapnya yang keras. Namun ini tidak haram ke atas wali kerana keadaan itu tidak disengajakan, bahkan ia hanyalah tabiat perangainya sahaja. (Sharbini al-Khatib, 2006)

Terdapat banyak pendapat berkaitan dengan bagaimana cara seorang wali itu menghalang waliannya untuk berkahwin. Di sini dapat dilihat bahawa, jika wali adalah bapa yang mujbir dan menghalang anak perempuan yang berada di bawah kuasa perwaliannya secara paksa, maka itu tidak dikira menghalang, kecuali apabila ternyata kemudharatan kepada waliannya dengan tindakannya itu dan memang benar-benar berlaku kemudharatan. Sebagai contoh, wali menegah waliannya berkahwin dengan tujuan supaya perempuan itu dapat memberi perkhidmatan kepadanya, ataupun bertujuan untuk menjadikannya sebagai pelaburan kerana dia mahu menguasai

pendapatan gajinya dan dia takut akan terputus sumbangan wang kepadanya andai kata perempuan itu berkahwin.

Seorang wali mujbir yang menolak lamaran lelaki yang disukai oleh anaknya, tidak dikira sebagai penghalang kerana ianya mengambil kira sifat semulajadi seorang bapa yang mempunyai perasaan kasih sayang dan simpati yang tinggi terhadap anak perempuannya. Oleh itu dia tidak akan menolak jika lamaran itu membahagiakan anaknya, kecuali apabila dia mengetahui tentang keadaan anak perempuannya, ataupun orang yang melamar itu tidak sekufu serta tidak ada kesesuaian antara keduanya.

Jika keadaan tersebut berlaku pada wali bukan mujbir, sama ada bapa atau bukan bapa, maka ulama' mazhab Maliki berpendapat bahawa dia adalah sebagai penghalang perkahwinan. Walau bagaimanapun bagi pendapat ulama' mazhab Syafi'i dan mazhab Hanbali berpendapat bahawa dia menjadi penghalang pada masalah yang pertama sahaja.

Dalam pada itu, wali yang menghalang waliannya berkahwin adalah dikira fasiq jika ianya dilakukan berulang kali, kerana perbuatan itu dikira maksiat atau dosa kecil. Apabila wali menghalang, maka perwalian berpindah kepada wali yang lebih jauh daripadanya. Ini adalah pendapat yang dikemukakan oleh Imam Ahmad, kerana perkahwinan tidak boleh dilaksanakan oleh wali yang terdekat. Jika wali terdekat adalah seorang yang gila, maka kuasa perwalian akan berpindah kepada wali yang lain selepasnya. Jika semua wali menghalang, maka perempuan yang berada di bawah perwaliannya akan dikahwinkan oleh wali hakim.

## **2.12 Wali Ghaib dan Berada Jauh Lebih Daripada Dua Marhalah**

Para fuqaha' membahagikan kepada tiga pendapat tentang wali yang ghaib. Ulama' mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali berpendapat bahawa jika wali ghaib yang tidak berterusan dan dia tidak mewakilkan kepada sesiapa untuk mengahwinkan waliannya, maka perwaliannya berpindah kepada wali *ab'ad* yang terdiri daripada kalangan ahli *asabah*. Jika bapanya yang ghaib, maka perwalian akan berpindah kepada datuk, dan datuk yang akan memikul tanggungjawab untuk mengahwinkan perempuan berkenaan dan bukannya hakim. (Al-Bukhari, 1983)

Perwalian memerlukan kepada pandangan yang jauh dan juga pemikiran yang maslahat, oleh sebab itu ianya tidak wajar diberikan kepada mereka yang tidak menggunakan fikiran ataupun yang mempunyai fikiran yang cetek. Jadi di sini, jika wali yang terdekat mati, maka tugas perwalian itu akan diserahkan kepada wali yang *ab'ad* kerana dia lebih utama daripada sultan.

Pada pandangan ulama' Hanafiyyah pula, wali ghaib sementara ialah wali yang berada dalam negeri yang tidak dikunjungi oleh rombongan kafilah kecuali dalam masa setahun. Walau bagaimanapun, ada pendapat lain menyatakan bahawa jarak minimum tempat wali berada adalah jarak yang diharuskan sembahyang *Qasar* iaitu 89 kilometer. Pendapat ini telah menjadi pilihan utama ulama' mazhab Hanafi yang mutakhir. Berdasarkan kepada pendapat ini, dapat disimpulkan bahawa wali ghaib sementara ialah wali yang berada jauh daripada anaknya melebihi jarak yang membolehkan sembahyang *Qasar*, kerana wali yang berada di tempat yang jaraknya kurang daripada itu adalah dikira ada. (Sharbini al-Khatib, 2006)

Ulama' Syafi'iyyah pula berpendapat bahawa jika wali yang terdekat berada jauh sehingga melebihi dua marhalah, dan wali tersebut tidak mewakilkan kepada orang lain semasa berlangsung akad perkahwinan, maka sultan yang berada dalam negeri itu ataupun naibnya berhak mewalikan perkahwinan tersebut. Kuasa perwalian tidak diberikan kepada sultan dalam negeri lain ataupun wali *ab'ad* kerana hak perwalian itu adalah haknya. Oleh sebab itu, apabila dia tidak boleh menyempurnakan haknya, maka telah menjadi tanggungjawab hakim untuk mengambil alih hak dan kedudukan wali tersebut.

Dalam keadaan yang lain pula, jika wali itu ghaib dan berada di tempat yang jaraknya kurang daripada dua marhalah, maka akad perkahwinan tidak boleh dilaksanakan tanpa keizinannya kerana wali tersebut tidak dikira berada jauh daripada anak perempuannya.  
(Sharbini al-Khatib, 2006)

Menurut ulama' Malikiyyah pula, mereka telah membuat perincian dengan membezakan wali ghaib yang mujbir dan wali ghaib yang tidak mujbir dalam keadaan seperti berikut iaitu: (Ahmad Ibn Muhammad, 1965)

1. Jika seorang wali berada jauh daripada anaknya, iaitu dalam kadar jarak tiga bulan perjalanan untuk tujuan perniagaan dan sebagainya. Oleh demikian dalam kedudukan jarak itu, besar kemungkinan wali tersebut akan kembali semula ke tempat anaknya berada. maka perempuan tersebut tidak boleh melangsungkan akad perkahwinan melainkan dengan keizinan walinya Sebaliknya jika tidak ada harapan bahawa wali tersebut akan pulang, maka akad perkahwinan boleh

dilangsungkan dengan berwalikan hakim.

2. Jika wali yang ghaib itu bukan dari kalangan wali yang tidak mujbir, contohnya seperti saudara lelaki atau datuk, maka hakim perlu menghantar wakilnya untuk hadir di tempat perempuan tersebut berada atau mewakilkan seseorang untuk mengahwinkan perempuan itu. Ini jika wali bukan mujbir tadi berada tidak jauh dari tempat waliannya seperti jarak tiga hari perjalanan. Namun begitu, jika dia tidak hadir dan tidak mewakilkannya, maka wali *ab'ad* boleh mengahwinkan waliannya tadi dan bukannya *qadhi*.
3. Jika wali yang bukan mujbir berada di tempat yang sangat jauh, iaitu memakan masa perjalanan lebih daripada tiga hari, maka *qadhi* berhak menjadi wali bagi perkahwinan perempuan waliannya kerana *qadhi* menepati sebagai wakil bagi orang yang ghaib. Jika wali tidak melantik wakilnya, dan perkahwinan tersebut telah diwalikan oleh wali *ab'ad*, maka perkahwinan itu adalah sah, walaupun perkara tersebut telah menjadi makruh disebabkan wali *ab'ad* tidak mempunyai kuasa perwalian dalam pendapat ulama' Maliki. Akan tetapi jika wali telah mewakilkan kepada wakilnya untuk mengahwinkan waliannya, maka wakil itulah yang akan melangsungkan *aqad* perkahwinan tersebut, kerana dialah yang lebih didahulukan daripada wali yang lain, kerana kedudukannya menepati kedudukan wali yang asal.

Terdapat pendapat yang masyhur daripada ulama' Malikiyyah dan Hanabilah yang mengatakan bahawa apabila wali yang terdekat ghaib dengan sebab dia ditahan atau hilang dan tidak diketahui di mana dia berada serta tidak mempunyai khabar berita, maka wali *ab'ad* boleh mengambil alih kuasa perwalian tersebut. Kuasa ini tidak berpindah kepada *qadhi* kerana mengikut pendapat mereka orang yang ditawan ataupun hilang adalah sama dengan orang yang sudah mati. (Al-Bukhari, 1983)

### **2.13 Konsep Perwakilan Dalam Perkahwinan**

Perwakilan bermaksud, seorang wali mujbir boleh mewakilkan orang lain yang menepati syarat-syarat tertentu untuk menjadi wakil kepadanya bagi menyempurnakan urusan perwalian dan juga perkahwinan waliannya. Begitu juga wakil boleh dilantik oleh sama ada bagi pihak perempuan ataupun pihak lelaki. Dalam kes yang lain juga, pihak lelaki boleh mewakilkan seseorang untuk menerima *aqad* perkahwinan bagi pihaknya dalam sebuah perkahwinan dengan perempuan yang dipilihnya. (Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

Dalam perbahasan berkaitan dengan perwakilan dalam perkahwinan ini, terdapat beberapa perkara penting yang harus diambil kira dan juga pendapat-pendapat yang sahih daripada ulama' mazhab yang empat. Mereka mempunyai pandangan yang berbeza dalam beberapa hal yang tertentu berdasarkan kepada kedudukan wali yang telah dibincangkan sebelum ini.

Ulama' Hanafiyyah berpendapat bahawa sah lelaki dan perempuan mewakilkan seseorang untuk mewalikan perkahwinan mereka. Selain itu ianya juga sah sekiranya memberi wakil dengan menggunakan perkataan atau tulisan. Manakala ulama' telah bersepakat menyatakan bahawa tidak disyaratkan ada penyaksian ketika urusan mewakilkan seseorang sebagai wakil. Namun lebih *afdal* jika adanya saksi.(Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

Jumhur ulama' juga bersepakat kecuali ulama' Hanafiyyah menyatakan bahawa tidak sah bagi seorang perempuan mewakilkan selain daripada walinya untuk mengahwinkan dirinya. Ini kerana wanita tidak mempunyai kuasa untuk mengahwinkan dirinya sendiri. Harus bagi wali yang mujbir, mewakilkan orang lain supaya mengahwinkan anak gadisnya tanpa keizinan perempuan itu dan wali tidak disyaratkan untuk menentukan calon suami. Wali boleh mewakilkan kepada orang yang sama seperti dirinya, iaitu lelaki, baligh, merdeka, Islam dan tidak berada di dalam ihram haji atau umrah dan juga mestilah orang itu tidak sasau.( Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

Sementara itu, ulama' Malikiyyah berpendapat bahawa harus bagi bakal suami mewakilkan orang lain untuk menduduki tempatnya, yang terdiri daripada orang yang tidak mempunyai halangan syara', untuk menjalankan perwalian contohnya seperti berada dalam ihram haji atau umrah dan juga sasau, untuk aqad perkahwinannya. (Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

Bagi Ulama' Syafi'iyyah berpendapat, wali mujbir iaitu bapa dan datuk, diharuskan untuk mewakilkan kepada orang lain bagi mengahwinkan anak perempuannya yang masih dara walaupun tanpa keizinan daripada perempuan tersebut. Di samping itu, wali mujbir ini tidak disyaratkan supaya menentukan lelaki tertentu untuk dikahwinkan dengan anak perempuannya. Ini kerana wali mempunyai hak dalam menentukan wakil dan mempunyai kuasa untuk mewakilkannya secara umum.

Jika wali mewakilkannya secara umum, maka wakil tersebut wajib menjaga kepentingan pengantin perempuan. Oleh sebab itu, wakil tidak boleh mengahwinkan perempuan tersebut dengan lelaki yang tidak sekufu kerana perwakilan secara umum bermaksud mencari pasangan yang sekufu.(Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

Manakala bagi wali yang tidak mujbir pula, mereka tidak boleh mewakilkan orang lain untuk mengahwinkan anaknya itu melainkan dengan mendapatkan keizinan pengantin perempuan. Ini kerana mereka tidak mempunyai hak mengahwinkan perempuan tersebut tanpa kebenarannya. Ini adalah pendapat daripada ulama' syafi'i. Jika ia mewakilkan juga, maka tidak sah mengikut pendapat yang sahih. Ini kerana dalam keadaan tertentu, wali yang mujbir sendiri tidak berhak untuk mengahwinkan perempuan di bawah jagaannya tanpa izin, apatah lagi untuk mewakilkannya kepada orang lain.(Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

Bagi ulama' Hanabilah, berpendapat bahawa tidak diambil kira tentang keizinan perempuan dan juga kehadiran saksi bagi sah mewakilkan perkahwinan sama ada orang yang mewakili itu bapa atau orang lain, kerana yang perlu hanyalah keizinan wali untuk

mengahwinkan waliannya dan tidak perlu kepada keizinan perempuan tersebut dan juga saksi-saksi. (Muhammad Ibn Ali Shawkani, 2007)

## **2.14 Kesimpulan**

Melalui perbincangan yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa perkahwinan merupakan suatu perkara yang digalakkan oleh Allah SWT. Penganjuran perkahwinan ini mempunyai sejuta rahmat dari Allah yang tidak disedari oleh manusia.

Namun begitu, ikatan perkahwinan yang dibina mesti diasaskan oleh kaedah yang dihalalkan oleh Islam. Sekiranya sistem perkahwinan ini tidak ada dalam kehidupan, sudah tentu akan menimbulkan keruntuhan moral dalam susunan kehidupan manusia seperti gejala sosial, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan sebagainya. Keturunan yang akan terbentuk juga akan menjadi kucar kacir, apa lagi masyarakat dan juga ketamadunan yang terhasil daripada itu. Keadaan ini tidak ubah seperti sebuah kehidupan binatang dan tidak melambangkan kehidupan manusia yang bertamadun.

Ekoran daripada itu, jelas di sini bahawa Islam merupakan agama yang sangat sempurna dalam menentukan peraturan hidup dan sangat memelihara kemurnian sosial manusia.

Melalui perbincangan dalam bab ini juga, didapati bahawa sesuatu akad perkahwinan itu tidak boleh dilakukan secara sambil lewa dengan mengetepikan rukun-rukun dan syarat-syarat sah perkahwinan. Islam sangat mengambil berat akan perkara tersebut supaya akad itu tidak mendatangkan kekeliruan pada masa akan datang. Antara rukun nikah mengikut mazhab Syafi'i adalah seperti perlu ada pengantin lelaki dan perempuan, wali yang adil, dua orang saksi yang juga adil serta lafaz *ijab* dan *qabul*.

Terdapat banyak kes yang melibatkan perkahwinan tanpa kebenaran di negara kita. Isu kahwin tanpa kebenaran kerana berpoligami juga mendapat kedudukan yang tinggi di negara ini. Semua ini akan dirungkaikan dalam bab yang seterusnya.

Secara kesimpulannya, dalam bab ini sudah dibincangkan tentang perkara asas yang perlu diketahui dan dilaksanakan apabila seseorang itu merancang untuk mendirikan rumah tangga. Akad nikah tidak akan menjadi sah kecuali dengan menyempurnakan rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jika tidak ada salah satu daripadanya, maka perkahwinan tersebut akan mengakibatkan kesukaran di masa akan datang.

## **BAB TIGA**

### **PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Kebelakangan ini, masyarakat sering didedahkan dengan pelbagai berita yang berkaitan dengan masalah serius dalam institusi kekeluargaan Islam. Berita dan juga laporan seperti pengesahan sesuatu perkahwinan, poligami, masalah penentuan nasab dan juga tidak ketinggalan masalah-masalah yang berlaku dalam perkahwinan sering diutarakan di dalam media cetak dan media elektronik. Antara masalah yang sering diketengahkan dalam media cetak mahupun media elektronik ini ialah masalah perkahwinan tanpa kebenaran. Contohnya seperti yang dilaporkan di dalam akhbar Harian Metro bertarikh 18 Januari 2011, menyentuh tentang seorang artis yang didakwa telah berkahwin dengan pasangannya tanpa kebenaran di Selatan Thailand dan telah dikenakan hukuman denda kerana telah melanggar undang-undang kekeluargaan Islam yang telah ditetapkan oleh kerajaan. (Harian Metro, 2011, Januari 18).

Selain daripada itu, kes perkahwinan tanpa kebenaran juga berlaku di kalangan individu yang berpengaruh seperti kes yang berlaku antara seorang bekas dekan daripada sebuah universiti di Kuala Lumpur dengan pasangannya yang merupakan seorang muallaf. Mereka telah berkahwin di Wilayah Songkla, Thailand pada tahun 2009. Walaubagaimanapun, pasangan ini dalam proses perceraian setelah beberapa tahun berkahwin. (Harian Metro, 2012, Oktober 19)

Permasalahan ini kerap berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya melibatkan pasangan muda. Ini adalah disebabkan oleh tuntutan nafsu serta cetecknya pengetahuan tentang hukum hakam kekeluargaan dan undang-undang kekeluargaan Islam. Dalam hal ini, Islam tidak pernah melarang umatnya untuk melangsungkan perkahwinan dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, asalkan perkahwinan yang dijalankan itu mengikut landasan hukum syarak yang betul. Namun begitu, sering terjadi pasangan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran kerana keadaan yang mendesak dan juga tidak mahu mengikut prosedur yang telah digariskan.

Asasnya, perkahwinan tanpa kebenaran mempunyai dua bentuk iaitu perkahwinan tanpa kebenaran syarak dan juga perkahwinan tanpa kebenaran enakmen atau undang-undang kekeluargaan Islam. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa kebenaran walinya, nikahnya batal. Nikahnya batal. Nikahnya batal. Jika berlaku persetubuhan, baginya mahar misil sebagai balasan menghalalkan farajnya.*

(Sunan Abu Daud, no. hadith: 1999)

Menurut tafsir hadis Sunan Abi Daud, hadis tersebut menyatakan bahawa perkahwinan seorang perempuan yang tidak mendapat keizinan daripada walinya adalah batal. Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW mengulanginya sebanyak tiga kali dengan menyatakan nikahnya batal. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa persetujuan wali dalam sesuatu akad perkahwinan adalah penting.

Selain itu, terdapat juga perkahwinan yang pada dasarnya mendapat kebenaran syarak, tetapi menjadi kesalahan dari segi peruntukkan undang-undang ataupun enakmen. Contohnya seperti perkahwinan yang dilangsungkan di sempadan atau di Selatan Thailand dengan menggunakan khidmat wali hakim yang bertauliah. Perkahwinan ini tetap menjadi kesalahan di bawah enakmen keluarga Islam, sekiranya perkahwinan berkenaan tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di Malaysia.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa, perkahwinan yang sah di sisi syarak tidak semestinya sah di sisi undang-undang kekeluargaan Islam. Manakala perkahwinan yang sah di sisi undang-undang sudah semestinya sah di sisi syarak.

### **3.2 Definisi Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Perkahwinan tanpa kebenaran merupakan istilah yang membawa maksud perkahwinan yang tidak mengikut akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam. Selain itu ia juga dilaksanakan tanpa persetujuan wali pengantin perempuan, serta tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim yang berkaitan. Selain itu, istilah ini juga lebih dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai ‘kahwin lari’. (Mohd Nasran Mohammad et. al.2008).

Menurut istilah Kamus Dewan pula perkahwinan tanpa kebenaran ataupun kahwin lari ialah perkahwinan (pernikahan) pasangan lelaki dan wanita (biasanya suka sama suka) yang dijalankan di tempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh kaum keluarga. (Kamus Dewan, 2000).

Sehubungan itu, perkahwinan tanpa kebenaran tidak semestinya dijalankan di luar negara, contohnya di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia, akan tetapi ianya juga dijalankan melalui sindiket yang tertentu yang dilakukan di dalam daerah itu sendiri tanpa kebenaran pihak wali dan juga pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk. (Mahamad Ariffin, 2003)

Jika dilihat dari sudut perbincangan ulama' pula, mereka lebih cenderung menyatakan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran ini perlu dilihat dari sudut kewujudan dan persetujuan wali dalam perkahwinan. Perkahwinan yang dijalankan tanpa persetujuan wali merupakan perkahwinan tanpa kebenaran atau 'kahwin lari'. (Abdul Manan dan Arif Fahmi, 2004)

Walau apa pun pentafsiran yang diberikan, namun begitu pada hakikatnya, tidak ada satu definisi khusus tentang perkahwinan tanpa kebenaran yang diperuntukkan oleh akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Namun begitu, secara umumnya, ia dianggap sebagai perkahwinan yang tidak mengikut akta atau enakmen dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan. (Mahamad Ariffin, 2003)

Sebagai contoh kes perkahwinan tanpa kebenaran adalah kes bernombor pendaftaran 09001-010-0658-2006. Dalam kes ini, pasangan tersebut telah membuat permohonan pendaftaran semula perkahwinan yang difailkan di Mahkamah Syariah Kangar, Perlis. Mengikut fakta kes, plantif bernikah dengan defendant pada 10 Oktober 2005 di Wilayah Setul, Selatan Thailand dengan menggunakan wali hakim yang bertauliah. Kedua pasangan ini mengambil jalan singkat dengan melangsungkan perkahwinan di Thailand

kerana tidak mendapat restu daripada wali pengantin perempuan. Sebelum pernikahan kedua-duanya adalah seorang dara dan teruna. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa mereka bersalah dari sudut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006. Mereka didapati telah berkahwin tanpa kebenaran di Thailand tanpa mendapat persetujuan daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim yang diduduki. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis tahun 2006, bilangan kes: 09001-010-0658-2006).

Melalui definisi yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa perkahwinan yang dibenarkan oleh syarak dan juga undang-undang adalah perkahwinan yang memenuhi dua perkara penting iaitu:

1. Memenuhi kehendak hukum syarak dengan berdasarkan kepada mazhab muktabar dan fatwa yang ditetapkan.
2. Mematuhi peruntukan undang-undang dengan berdasarkan kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang telah diperuntukkan di setiap negeri di Malaysia.

### **3.3 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Dari Sudut Hukum Syarak**

Persoalan yang menjadi keutamaan dalam perkahwinan tanpa kebenaran ialah kesahannya dari sudut pandangan hukum syarak. Persoalan ini timbul kerana perkahwinan yang akan dilaksanakan memerlukan kepada wali. Akan tetapi dalam kes perkahwinan tanpa kebenaran, pasangan yang ingin berkahwin telah mengetepikan kehadiran wali serta peranannya.

Perkahwinan tanpa kebenaran boleh berlaku apabila wali enggan atau tidak bersetuju untuk menjadi wali dalam perkahwinan yang ingin dilaksanakan. Demikian juga perkara ini boleh berlaku apabila seorang perempuan itu dengan sengaja enggan untuk meminta izin daripada walinya.

Setiap perkahwinan itu akan dikira sah apabila ianya dilaksanakan mengikut hukum syarak yang telah ditetapkan seperti memenuhi rukun dan syarat sah nikah. Perkara ini telah dibincangkan dengan terperinci di dalam bab sebelum ini. Walau bagaimanapun, secara ringkasnya dinyatakan bahawa sebelum perkahwinan itu dilaksanakan, rukun nikah seperti adanya bakal suami, bakal isteri, wali, saksi dan juga *aqad* (*ijab* dan *qabul*) perlu dipenuhi dan ditepati.

Apabila perkahwinan tanpa kebenaran berlaku, akan timbul beberapa persoalan dari sudut hukum syarak dan perundangan Islam seperti:

1. Jarak:

Jarak yang mencukupi antara tempat wali berada dengan tempat akad nikah itu dijalankan ialah 2 marhalah ataupun jarak yang dibenarkan solat *qasar* (lebih kurang 96 kilometer). Jika jarak tersebut kurang daripada itu, maka tidak sah perkahwinan tersebut dan ianya mesti dibubarkan. (Mohd Nasran Mohammad et. al, 2008)

2. Perkahwinan dengan kuasa wali:

Ketika seorang perempuan itu mlarikan diri untuk berkahwin dengan pasangannya di negara jiran, maka telah berlaku kes di mana dalam masa yang sama, bapanya telah menikahkan anaknya itu dengan lelaki lain semasa ketiadaannya. Perkahwinan tersebut telah dilakukan dengan menggunakan kuasa wali mujbir. Jika dilihat dari sudut hukum syarak, perkahwinan yang dijalankan oleh bapanya itu adalah sah sekiranya perempuan itu dinikahkan tanpa diminta keizinannya terlebih dahulu, dengan syarat pasangan lelaki yang dinikahkan itu sekufu dan mampu membayar mahar yang ditetapkan. Jika perempuan tersebut berkahwin pula dengan pasangannya yang lain di negara jiran, maka perkahwinan yang kedua itu adalah tidak sah. (Mohd Nasran Mohammad et. al, 2008)

3. Wali ghaib:

Kebanyakkan pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran adalah berkahwin menggunakan wali hakim. Di sini timbul persoalan, adakah seorang wali itu dianggap sebagai hilang atau ghaib, jika anak perempuannya sengaja mlarikan diri daripadanya dan dengan sengaja pergi ke suatu tempat yang jaraknya melebihi dua marhalah. Dalam hal ini, menurut sebahagian ahli fiqh, seorang perempuan yang walinya ghaib ataupun berjauhan dalam jarak dua marhalah dan wali tadi tidak mewakilkan kepada sesiapapun untuk mengahwinkan anak perempuannya, maka sultan atau wakilnya akan mengahwinkan perempuan tersebut. Sultan itu pula mestilah sultan di negerinya sendiri dan bukannya sultan dari negeri lain. Oleh itu, dalam masalah ini, perbuatan sengaja mlarikan diri

daripada wali perlu diberi perhatian dan dikaji dengan lebih teliti. Dari sudut perundangan keluarga Islam di Malaysia, perkahwinan tersebut dianggap sah kerana ianya melebihi jarak dua marhalah. (Mohd. Nasran Mohammad et. al, 2008)

4. Kedudukan wali dari sudut syarak:

Dari sudut pandangan syarak pula, pendapat Mazhab Syafi'i menekankan tentang persetujuan wali dalam sesuatu perkahwinan. Malah dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam juga memperuntukkan perkara yang sama. Walaupun Mazhab Syafi'i menganggap hak itu akan gugur apabila wali enggan (*'adhal*) untuk mengahwinkan anaknya, akan tetapi peraturan itu kurang difahami oleh masyarakat Islam di Malaysia. Sehubungan itu, kadangkala terdapat wali mujbir melaksanakan kuasa mereka tanpa batasan sehingga tiada istilah wali enggan. Hal di luar batasan ini bermaksud akan berlaku sekiranya calon pengantin lelaki berbeza antara pilihan wali dengan pilihan pengantin perempuan itu sendiri. Justeru itu, apabila berlakunya keadaan seperti itu, maka pilihan jalan yang lebih baik bukanlah dengan melaikkan diri daripada undang-undang, akan tetapi pasangan perempuan wajar untuk memohon perkahwinannya itu dilaksanakan dengan menggunakan wali hakim.(Md. Akhir dan Siti Zalikha, 1989)

Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa perkahwinan yang melanggar hukum syarak, walaupun pada zahirnya telah menepati peruntukkan undang-undang adalah tetap tidak sah dan dianggap sebagai perkahwinan yang bathil. Jika perkahwinan bathil

itu dilaksanakan secara sengaja, maka pasangan itu dikira berdosa dan perkahwinan mereka wajiblah *difaraqkan* dengan perintah mahkamah.

### **3.4 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Dari Sudut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam**

Kedudukan perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut enakmen bermaksud kedudukan dari sudut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang berkuatkuasa di Malaysia. Perkahwinan tanpa kebenaran bukan sahaja terhad kepada perkahwinan yang dilaksanakan di luar negara. Akan tetapi ianya juga merangkumi perkahwinan yang tidak mengikut saluran undang-undang. Oleh demikian, dapatlah dikatakan bahawa sesiapa yang melangsungkan perkahwinan di dalam ataupun di luar negara tanpa kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk akan dianggap sebagai perkahwinan tanpa kebenaran. (Noraini Mohd. Hashim, 2003)

Terdapat peruntukan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia terhadap perkahwinan yang bersalahan dengan hukum syarak dan juga dari sudut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Antara peruntukan tersebut boleh dilihat di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 dan juga dalam Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006, iaitu dalam Seksyen 11 memperuntukkan bahawa:

*“sesuatu perkahwinan itu adalah tidak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu, menurut hukum syarak, untuk menjadikannya sah”.*

Manakala dalam seksyen 12 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 dan seksyen 12(1) Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006, memperuntukkan bahawa :

*“sesuatu perkahwinan yang bersalahan dengan Enakmen ini tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini”.*

Ekoran itu, satu pindaan telah di buat di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984, Akta Undang-undang Keluarga Islam, Wilayah Persekutuan, 1984 serta Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006. Dalam pindaan tersebut telah memperuntukkan bahawa :

*“sesuatu perkahwinan yang telah diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukkan bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah enakmen ini dengan perintah daripada mahkamah”.*

Sehubungan itu, Malaysia telah membuat satu persetujuan bersama dengan negara Thailand mengiktiraf juru nikah bertauliah daripada lima daerah di Selatan Thailand iaitu Narathiwat, Pattani, Satun, Songkla dan juga Yala. Ini bertujuan untuk membantu mereka yang menghadapi masalah apabila ingin melangsungkan perkahwinan. (Berita Harian, 1996)

Oleh itu, jika seseorang yang bermastautin ataupun bermukim dalam sebuah negeri, dan telah berkahwin di luar negeri dengan sah mengikut hukum syarak, maka dia hendaklah hadir di hadapan Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk yang berhampiran untuk

mendaftarkan perkahwinan tersebut dalam tempoh enam bulan selepas daripada tarikh perkahwinannya itu. ( Noraini Mohd. Hashim, 2007)

Sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 12 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, dan juga dalam Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 iaitu:

*Suatu perkahwinan yang bersalahan dengan Akta itu juga boleh jadi sah mengikut Hukum Syarak dan pindaan yang dicadangkan membolehkan perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada penalti di bawah Seksyen 40(2).*

Jika Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di luar negeri yang dilantik tidak ada, ataupun jika sebelum tamat tempoh enam bulan pasangan terbabit telah kembali ke negeri mereka, maka pasangan tersebut boleh mendaftarkan perkahwinan mereka kepada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di negeri masing-masing. Dalam proses pendaftaran tersebut, pasangan terbabit haruslah mengemukakan kepada pendaftar apa-apa keterangan sama ada secara lisan ataupun bertulis sebagai bukti bahawa perkahwinan mereka itu telah berlaku secara sah mengikut hukum syarak. Sekiranya semua keterangan dan bukti-buktinya yang dikemukakan itu benar, dan mendapat pengesahan daripada pihak yang melantik juru nikah dan pihak yang mengeluarkan sijil nikah tersebut, maka pasangan terbabit boleh mendaftarkan perkahwinan mereka.

Adalah menjadi satu kesalahan bagi mereka yang bermastautin atau bermukim di negara ini melangsungkan perkahwinan dengan sengaja di luar negara tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk terlebih dahulu. Sekiranya perkahwinan tersebut

bukan poligami, pasangan yang terlibat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Selepas membayar denda, barulah perkahwinan tersebut boleh didaftarkan di bawah peruntukkan undang-undang yang telah ditetapkan. (Noraini Mohd. Hashim, 2007)

Sehubungan itu, perkahwinan tanpa kebenaran yang dilaksanakan di luar negara seperti di Thailand dan Indonesia, mestilah didaftarkan di bawah Akta ataupun Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri. Walau bagaimanapun, perkahwinan tersebut hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh pihak mahkamah sama ada ianya dilaksanakan mengikut hukum syarak ataupun tidak. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada ditipu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti ejen sindiket yang menikahkan pasangan tersebut untuk tujuan komersil.

Akta Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri telah memperuntukkan bahawa sebuah perkahwinan itu, khususnya perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan di luar negara mestilah didaftarkan di bawah peruntukkan undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, pendaftaran tersebut bukanlah suatu perkara yang memberi kesan terhadap sah ataupun tidak sebuah perkahwinan itu. (Ahmad Ibrahim, 1997).

Perkara ini telah diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri di Malaysia termasuklah di negeri Perlis. Contohnya boleh dilihat dalam Seksyen 25 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 yang memperuntukkan bahawa:

*Perkahwinan selepas tarikh yang ditetapkan tiap-tiap orang yang bermastautin dalam negeri Perlis dan perkahwinan tiap-tiap orang yang tinggal di luar negeri tetapi bermastautin dalam negeri Perlis hendaklah didaftarkan mengikut enakmen ini.*

Contohnya, seksyen 34 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, memperuntukkan bahawa:

*Tiada apa-apa jua dalam Akta ini atau dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan diakui atau tidak diakui sesuatu perkahwinan semata-mata oleh sebab ia telah didaftarkan atau tidak didaftarkan, yang mana, sebaliknya, adalah tidak diakui atau diakui.*

Berdasarkan peruntukkan tersebut dapat difahami bahawa pendaftaran perkahwinan tanpa kebenaran hanya merupakan suatu keperluan dalam undang-undang ataupun sebagai bukti terhadap sebuah perkahwinan yang telah berlaku. Ia juga sebagai sokongan ke atas sebarang dakwaan untuk menafikan berlakunya perkahwinan tersebut. Walau bagaimanapun, perkahwinan akan tetap sah di sisi hukum syarak walaupun perkahwinan itu tidak didaftarkan di mahkamah. Akan tetapi, peruntukkan pendaftaran ini adalah perlu bagi menjamin kelancaran dan kelincinan pentadbiran nikah kahwin, cerai dan rujuk serta masalah-masalah lain yang berkaitan seperti tuntutan hak penjagaan anak dan harta sepencarian jika berlaku perceraian dalam perkahwinan tersebut. (Abdul Manan dan Arif Fahmi, 2004)

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa setiap perkahwinan yang dilaksanakan di luar negara sama ada perkahwinan kali pertama ataupun perkahwinan poligami, mestilah didaftarkan di mahkamah mengikut peruntukkan undang-undang keluarga Islam di setiap negeri. Secara lebih spesifik lagi, penulis ingin membicarakan

kedudukan perkahwinan tanpa kebenaran dari sudut enakmen keluarga Islam di negeri Perlis.

### **3.4.1 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis**

Di dalam enakmen keluarga Islam negeri Perlis tahun 2006, seksyen 25 telah memperuntukkan bahawa setiap kes perkahwinan tanpa kebenaran yang dilaksanakan di luar negara mesti didaftarkan. Peruntukkan tersebut adalah:

*Perkahwinan selepas tarikh yang ditetapkan tiap-tiap orang yang bermastautin dalam Negeri Perlis dan perkahwinan tiap-tiap orang yang tinggal di luar negeri tetapi bermastautin dalam negeri Perlis hendaklah didaftarkan mengikut Enakmen ini.*

Menurut akta tersebut, setiap perkahwinan tiap-tiap orang yang bermastautin dalam negeri Perlis dan perkahwinan tiap-tiap orang yang tinggal di luar negeri tetapi bermastautin dalam negeri Perlis hendaklah didaftarkan mengikut enakmen tersebut.

(Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2006)

Selain itu, seksyen 19 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 juga memperuntukkan bahawa setiap perkahwinan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di bawah seksyen 17, atau oleh hakim Syarie di bawah seksyen 18, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di dalam negeri Perlis, ataupun kebenaran daripada pihak berkuasa yang berhak bagi sesuatu negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di negeri itu. (Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2006)

Seksyen 40, Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 pula memperuntukkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar nikah mengikut seksyen 19 atau berkahwin di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh dipercayai di samping orang yang mengakad nikahkan itu, adalah satu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. (Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2006)

Manakala seksyen 12, Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan yang dilaksanakan bersalahan dengan enakmen ini, tetapi sah di bawah hukum syarak boleh didaftarkan setelah dikenakan penalti oleh pihak mahkamah.(Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2006)

Sehubungan itu, perkahwinan sebenarnya boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja. Akan tetapi ianya mestilah dijalankan mengikut akta dan juga enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri di Malaysia. Begitu juga seksyen 24 Undang-undang Keluarga Islam di kebanyakkann negeri memperuntukkan perkahwinan juga boleh diakad nikahkan mengikut hukum syarak oleh pendaftar yang dilantik di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Konsul Malaysia di luar negara. Perkahwinan ini juga perlu mengikut peraturan yang ditetapkan sebagaimana prosedur biasa perkahwinan. (Abdul Manan dan Arif Fahmi, 2003)

Seksyen 31 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 memperuntukkan perkahwinan di luar negeri Perlis, dan juga negeri-negeri lain yang sah mengikut hukum syarak, tetapi tidak mengikut seksyen 24, hendaklah didaftarkan dalam tempoh enam bulan di hadapan

pendaftar atau pihak yang diberi kuasa untuk mendaftarkan perkahwinan. Oleh sebab itu, perkahwinan yang dilakukan di luar negara seperti di Thailand, yang mana perkahwinan tersebut adalah sah mengikut hukum syarak hendaklah didaftarkan dalam tempoh enam bulan selepas perkahwinan dijalankan. (Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2006)

Berdasarkan kepada seksyen yang dikemukakan, jelas bahawa perkahwinan yang dilangsungkan perlu didaftarkan dan kebenaran untuk berkahwin perlu diperolehi terlebih dahulu daripada pendaftar. Pada kebiasaan, kebanyakkan kes perkahwinan tanpa kebenaran adalah kes-kes perkahwinan yang tidak didaftarkan di mahkamah kerana mempunyai masalah seperti tidak mendapat keizinan wali dan juga poligami tanpa kebenaran mahkamah.

Sehubungan itu, kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran yang dilaksanakan tanpa mengikut akta dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia akan dihadapkan ke Mahkamah Syariah untuk dibicarakan. Kes-kes seperti ini tidak akan terlepas daripada hukuman dan denda yang telah diperuntukkan. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 juga memperuntukkan bahawa setiap perkahwinan adalah tertakluk di bawah enakmen-enakmen yang telah dikemukakan, dan semua pasangan yang ingin berkahwin mesti mengikut semua aturcara dan kaedah yang telah ditetapkan. Jika ianya menyalahi prosedur yang telah ditetapkan, pasangan tersebut akan didakwa di Mahkamah Syariah.

### **3.5 Prosedur Pendaftaran Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Mahkamah Syariah**

Seksyen 12 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 menyatakan bahawa perkahwinan yang menyalahi enakmen tidak boleh didaftarkan, melainkan ianya disahkan menurut hukum syarak, mendapat perintah daripada mahkamah Syariah dan juga tertakluk kepada penalti yang dikenakan. Setiap kes perkahwinan tanpa kebenaran yang ingin didaftarkan akan disiasat terlebih dahulu oleh Pegawai Tadbir Agama Islam secara tertutup di dalam kamarnya. Ini bertujuan untuk menentukan status sama ada sah ataupun tidak perkahwinan tersebut dari sudut hukum syarak. Pegawai Agama Islam atau Pendaftar Mahkamah Syariah boleh memanggil mana-mana orang yang dekat ataupun kaum kerabat pasangan tersebut untuk memberi keterangan, termasuk pemohon sendiri dengan menyertakan keterangan nikah seperti surat nikah, surat cerai (jika sudah bercerai), passport ataupun pas sempadan serta apa-apa dokumen rasmi, dan juga saksi-saksi yang boleh dikaitkan dengan perkahwinan tersebut. Proses pendaftaran perkahwinan tanpa kebenaran ini meliputi dua institusi iaitu pasangan terbabit perlu mengikuti prosedur pendaftaran di Mahkamah Syariah terlebih dahulu sebelum surat perakuan nikah yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam. Pihak mahkamah Syariah hanya akan menjalankan siasatan dan melaksanakan proses perbicaraan sahaja. Akan tetapi selepas itu kes tersebut akan dipanjangkan kepada Pejabat Agama Islam untuk prosedur yang seterusnya. (Temubual bersama Pegawai Rekod Mahkamah Syariah Kangar, pada Februari 2012 jam 2.30 petang)

Sebelum proses pendaftaran dimulakan, pihak pemohon mesti memenuhi pra syarat yang telah di tetapkan iaitu:(Boestamam dan Farah Safura, 2011).


1. Salah satu atau kedua-dua pihak (pemohon) kepada perkahwinan tersebut adalah pemastautin negeri Perlis dan juga warganegara Malaysia.
2. Perkahwinan itu belum pernah di daftarkan lagi di mana-mana negeri di Malaysia.

Berdasarkan kepada temubual yang dijalankan oleh penulis dengan Pegawai Rekod Mahkamah Syariah Kangar Perlis, maka dapatlah dijelaskan bahawa prosedur pendaftaran perkahwinan tanpa kebenaran mestilah mengikut tatacara tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak Pejabat Agama Islam dan juga Mahkamah Syariah. Rajah dibawah menunjukkan tatacara pendaftaran semula perkahwinan tanpa kebenaran yang perlu dilalui oleh pasangan yang terlibat, sama ada di Pejabat Agama Islam dan juga di Mahkamah Syariah. Tatacara tersebut adalah seperti berikut:

### 3.5.1 Tatacara Pendaftaran di Pejabat Agama Islam

Rajah 3.1

Tatacara Pendaftaran di Pejabat Agama Islam



Secara keterangannya adalah seperti berikut:


1. Pemohon hendaklah hadir ke Pejabat Agama Islam yang berhampiran dengan tempat tinggal pemohon. Pemohon hendaklah hadir ke pejabat agama terlebih dahulu untuk mendaftarkan pengesahan perkahwinan mereka dan mendapatkan penerangan yang lebih lanjut mengenai siasatan perkahwinan mereka.
2. Pemohon mestilah mengisi borang permohonan pendaftaran perkahwinan dan mengembalikannya semula bersama dengan dokumen sokongan. Pemohon hendaklah mengisi borang tersebut dengan melampirkan beberapa helai dokumen sokongan seperti surat akuan nikah, salinan kad pengenalan pasangan, salinan kad pengenalan wali/wakalah, surat kematian wali, surat perakuan Islam (jika pemohon adalah seorang muallaf) serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan sebagai sokongan.
3. Setelah borang dihantar bersama dokumen yang lengkap, pemohon, wali, saksi perkahwinan dan pihak berkaitan akan dipanggil untuk siasatan awal. Siasatan ini bertujuan bagi menyiasat sama ada perkahwinan tersebut menepati rukun nikah ataupun tidak.
4. Semasa proses siasatan, dokumen pernikahan akan disemak dan disiasat untuk disahkan. Pada peringkat ini, adalah sangat penting bagi memastikan bahawa sebuah perkahwinan itu menepati syarat sah nikah atau tidak dengan bersandarkan kepada keterangan dan dokumen sokongan.

5. Seterusnya, laporan siasatan akan dikemukakan. Setelah siasatan dilakukan dengan memanggil pemohon, wali dan para saksi, laporan siasatan akan dikemukakan kepada hakim untuk mengeluarkan perintah sama ada disahkan perkahwinan tersebut ataupun sebaliknya.
6. Jika perkahwinan pemohon meragukan ataupun tidak sah, pemohon dinasihatkan membuat tuntutan *faraq* nikah di Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, segala perintah hendaklah dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Syariah, manakala pejabat agama berperanan sebagai pemudah cara dan urusan.
7. Jika perkahwinan tersebut sah, maka pemohon dinasihatkan memohon perintah pendaftaran nikah di Mahkamah Syariah. Dalam erti kata lain, sama ada perkahwinan tersebut sah ataupun tidak, hanya hakim mahkamah sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah. Pihak pejabat agama akan berperanan penting dalam merekodkan setiap pendaftaran bagi perkahwinan tanpa kebenaran ini, selepas perintah mahkamah dikeluarkan.

### 3.5.2 Tatacara Pendaftaran di Mahkamah Syariah

Rajah 3.2

Tatacara Pendaftaran di Mahkamah Syariah



Secara keterangannya untuk lebih memahami tentang tatacara yang perlu dilalui seperti berikut:

1. Pemohon akan didakwa di Mahkamah Syariah menurut seksyen kesalahan jenayah.
2. Pemohon akan disabitkan bersalah dan akan dikenakan denda (penalti).
3. Pemohon dikehendaki memfailkan permohonan pendaftaran perkahwinan di bawah seksyen 12 (jika perkahwinan itu adalah perkahwinan kali pertama) atau seksyen 23 (jika perkahwinan tersebut adalah perkahwinan poligami).
4. Pemohon juga dikehendaki membayar denda dan/atau menjalani hukuman.
5. Perbicaraan dijalankan, pemohon dan pihak-pihak berkaitan memberi keterangan di Mahkamah Syariah. Ini merupakan sesi perbicaraan di dalam mahkamah bagi menetapkan kesahihan sebuah perkahwinan itu berdasarkan keterangan pemohon, saksi-saksi dan dokumen sokongan lain.
6. Keputusan mahkamah tentang status perkahwinan sama ada sah ataupun tidak di sisi hukum syarak dan perintah pendaftaran akan dikeluarkan.
7. Pemohon dikehendaki hadir semula ke Pejabat Agama untuk mengisi borang pendaftaran perkahwinan. Pemohon juga dikehendaki menyerahkan dokumen

mahkamah dan membayar yuran sebanyak RM15. Selepas itu, surat akuan nikah akan diproses dan pendaftaran nikah akan diluluskan.

8. Pemohon hendaklah hadir ke Pejabat Agama untuk mengambil surat perakuan nikah selepas 14 hari pendaftaran dilakukan. Selepas mengikuti semua prosedur ini, pasangan tersebut akan diiktiraf hak mereka menurut undang-undang.

Proses pendaftaran perkahwinan adalah sangat penting kerana ianya akan menentukan status perkahwinan pasangan tersebut. Bukan itu sahaja, malah perkahwinan itu tidak didaftarkan, ianya mendatangkan kesan yang tidak baik kepada pasangan tersebut jika berlaku apa-apa kejadian yang tidak diingini selepas berkahwin, contohnya seperti berlaku kematian dan juga perceraian. Semua perkahwinan yang dilaksanakan di luar negara ataupun perkahwinan yang tidak mengikut proses perkahwinan yang biasa, haruslah didaftarkan bagi memastikan kesahan sesuatu perkahwinan itu, sama ada dari sudut agama (syarak) ataupun dari sudut perundangan.

Selain itu, pendaftaran perkahwinan ini juga bertujuan untuk memudahkan pengurusan sistem kekeluargaan supaya dengan pendaftaran ini, hak suami dan juga isteri akan diiktiraf. Malah bukan itu sahaja, apabila pendaftaran perkahwinan dibuat, ianya akan memudahkan semua urusan ataupun tuntutan semasa dan juga selepas perkahwinan, akan dapat dilaksanakan dengan mudah dan tidak merumitkan banyak pihak.  
(Boestamam dan Farah Safura, 2011)

### **3.6 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, setelah dibincangkan dengan terperinci, isu perkahwinan tanpa kebenaran (kahwin lari) merupakan suatu isu yang sangat besar dalam kehidupan masyarakat di Malaysia pada hari ini. Sehubungan itu, masyarakat seharusnya sedar bahawa Mahkamah Syariah ataupun pihak berkuasa mempunyai prosedur dan juga garis panduan yang lengkap dan terperinci dalam menyelesaikan masalah yang timbul berkaitan dengan hal-hal perkahwinan ini. Oleh demikian, masyarakat tidak seharusnya bertindak melulu dengan mengambil jalan mudah iaitu dengan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara, jika menerima halangan dan sebagainya. Sekiranya pasangan tersebut tidak mendapat keizinan daripada wali mujbir, langkah yang sepatutnya diambil adalah dengan membuat permohonan kepada Mahkamah Syariah untuk menggunakan wali hakim dalam urusan perkahwinan tersebut.

Masyarakat juga seharusnya tahu bahawa perkahwinan tanpa kebenaran ini diragui kesahihannya dari segi hukum syarak dan ianya memberi kesan yang besar kepada pasangan dan juga masyarakat untuk jangka masa yang panjang, apatah lagi jika pasangan terbabit mempunyai anak-anak hasil daripada perkahwinan tersebut. Dalam hal ini, semua pihak perlu mengambil peranan masing-masing demi untuk menjaga umat Islam daripada dibelenggu kejahilan. Segala peraturan dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang digubal adalah untuk menjaga kebajikan semua pihak serta menjamin keadilan dan bukan untuk menyusahkan pelbagai pihak.

Oleh itu, sebarang keputusan untuk melangsungkan perkahwinan sewajarnya dibincangkan secara baik dan teratur dengan ahli keluarga, kerana ianya merupakan suatu fasa kehidupan yang bukan sahaja melibatkan hubungan suami dan isteri, bahkan lebih dari itu ianya melibatkan hubungan kekeluargaan dan juga pembentukan masyarakat.

## **BAB EMPAT**

### **FAKTOR-FAKTOR PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Islam telah meletakkan garis panduan yang lengkap kepada umat manusia berkaitan dengan urusan mendirikan rumah tangga dan pembentukan keluarga melalui hukum-hukum syarak. Manakala dari sudut undang-undang negara pula, diperuntukkan garis panduan berupa Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang dilaksanakan dan diletakkan di bawah bidang kuasa undang-undang negeri. Oleh itu, setiap pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan mesti mengikuti segala peraturan dan undang-undang yang telah tetapkan supaya tidak timbul masalah di kemudian hari.

Walau bagaimanapun, apabila diteliti dengan lebih mendalam, didapati ramai dalam kalangan pasangan yang ingin berkahwin telah melanggar undang-undang yang telah digariskan dengan melangsungkan perkahwinan di luar negara tanpa mendapat kebenaran daripada pihak yang bertanggungjawab seperti Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di mukim masing-masing. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan juga Jabatan Agama Islam di setiap negeri menunjukkan bahawa jumlah pasangan yang melangsungkan perkahwinan di luar negara semakin meningkat. Ini merupakan satu fenomena yang membimbangkan dan tidak boleh dipandang remeh. Masyarakat perlu mengambil perkara ini sebagai suatu perkara yang serius kerana ianya melibatkan banyak pihak dan memberi implikasi yang cukup besar kepada pasangan itu sendiri, keluarga dan juga masyarakat.

Peningkatan kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran telah memberikan suatu gambaran dan juga tanggapan kepada masyarakat bahawa peruntukan yang disediakan di bawah Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia terlalu ketat serta menyusahkan umat Islam di negara ini. Mereka seolah-olah sudah lupa bahawa setiap kesahan perkahwinan adalah ditentukan dengan memenuhi rukun dan juga syarat nikah yang telah ditetapkan di dalam hukum syarak. Masyarakat terlalu memandang remeh perkara seperti ini dan sanggup mengutamakan nafsu daripada memikirkan kesan-kesan yang akan dihadapi kemudian hari menyebabkan mereka mengambil jalan mudah untuk melaksanakan niat mereka dengan berkahwin di luar negara tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa. Keadaan ini berlaku apabila mereka menghadapi sesuatu masalah seperti niat untuk berkahwin mendapat halangan daripada keluarga dan sebagainya.

Kebanyakkan pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran telah berkahwin di negara Thailand. Jumlah kes perkahwinan tanpa kebenaran menunjukkan angka yang tinggi terutama sekali di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand seperti Kelantan, Kedah, Perak dan Perlis. Ini kerana, rakyat di negeri-negeri ini mendapat kemudahan pas keluar masuk ke Thailand bagi memudahkan sebarang mereka di sana termasuklah urusan perkahwinan. (Noraini Mohd Hashim, 2007).

#### **4.2 Kes Perbicaraan Di Mahkamah Syariah Kangar Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010**

Pada dasarnya, perkahwinan tanpa kebenaran yang berlaku di negeri Perlis tidak dapat dikenal pasti dengan terperinci bilangan keseluruhannya. Ini kerana pihak mahkamah hanya mempunyai statistik jumlah kes yang berlaku berdasarkan bilangan kes yang didaftarkan di mahkamah Syariah Kangar Perlis sahaja. Walau bagaimanapun, di sebalik kes-kes yang didaftarkan, sebenarnya masih banyak lagi kes yang berlaku tetapi tidak didaftarkan di Mahkamah Syariah atas sebab-sebab tertentu. Contohnya seperti takut perkahwinan yang dilangsungkan terbongkar terutama dalam kes poligami, tidak mahu berhadapan dengan prosedur pendaftaran yang merumitkan dan sebagainya. Sehubungan itu, didapati ramai dikalangan pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran di luar Negara mengambil masa yang lama untuk mendaftarkan semula perkahwinan mereka di mahkamah syariah. Malah ada yang mengambil masa sehingga melebihi sepuluh tahun untuk mendaftarkan semula perkahwinan. Dalam hal ini, pasangan terbabit akan berdepan dengan hukuman dan denda kerana lewat mendaftarkan kes perkahwinan mereka. Pasangan tersebut akan berhadapan dengan denda tidak melebihi RM1000 atau penjara ataupun kedua-duanya sekali. (temubual bersama Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Kangar, Perlis).

Pihak berkuasa mahkamah syariah hanya akan mengambil tindakan apabila menerima aduan daripada pihak tertentu dan juga daripada wali serta daripada pasangan yang datang untuk mendaftar perkahwinan mereka di mahkamah. Berdasarkan kajian yang dibuat, antara hasil yang diperolehi daripada kajian ini boleh dikelaskan seperti jadual di bawah iaitu:

*Jadual 4.1*

*Statistik kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006- Jun 2010*

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kes Yang Didaftarkan</b>
2006	119
2007	146
2008	132
2009	105
2010 (sehingga Jun 2010)	72

*Jadual 4.2*

*Kes Permohonan Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Luar Negara yang Diluluskan dari Tahun 2006- Jun 2010*

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Permohonan Yang Diluluskan</b>
2006	58
2007	95
2008	107
2009	67
2010	65

Kedua-dua jadual di atas menunjukkan jumlah kes perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan di luar Negara dari tahun 2006 hingga 2010. Jumlah kes yang tertera dalam jadual tersebut adalah kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis untuk tujuan pengesahan semula perkahwinan bagi mendapatkan sijil nikah yang sah daripada Jabatan Agama Islam negeri Perlis.

Berdasarkan jadual di atas, bilangan kes perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara pada tahun 2006 yang tercatat daripada 119 kes, hanya sebanyak 58 kes sahaja yang telah diluluskan permohonan untuk mendaftar semula pernikahan pasangan terbabit. Manakala lebihan kes lagi berada dalam prosiding, kes dibatalkan dan juga kes ditarik balik. Secara keseluruhan kebanyakkan kes perkahwinan ini dilangsungkan di Thailand, iaitu di Wilayah Songkla, Setul dan juga Yala. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2006).

Sementara itu, pada tahun 2007, jumlah kes yang didaftarkan telah meningkat kepada 146 kes. Manakala permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 95 kes, ,dan yang lainya masih lagi dalam prosiding. Selain itu ada juga kes yang ditolak kerana gagal mengemukakan bukti yang kukuh dan juga disebabkan oleh dokumen yang tidak lengkap. Berdasarkan penelitian, selain di Thailand terdapat beberapa kes perkahwinan yang dilangsungkan di Myanmar. Keadaan ini berlaku atas faktor pasangan berasal dari negara tersebut, seperti kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis bernombor pendaftaran 09001-010-0466-2007. Dalam fakta kes tersebut, pasangan ini telah berkahwin tanpa kebenaran di Majlis Agama Islam Wilayah Myanmar dengan menggunakan wali nasab. Mahkamah telah memutuskan pasangan ini bersalah dari sudut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis. Walau bagaimanapun kes ini boleh didaftarkan di bawah seksyen 31 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis, kerana perkahwinan ini sah di sisi hukum syarak. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2007, nombor kes: 09001-010-0466-2007).

Pada tahun 2008, kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan telah menurun sedikit dari segi jumlahnya iaitu sebanyak 132 kes, di mana kes yang diluluskan permohonannya adalah sebanyak 107 kes. Manakala kes yang dibatalkan adalah sebanyak 14 kes. Kes yang dibatalkan adalah disebabkan oleh pemohon tidak hadir mengikuti perbicaraan sebanyak tiga kali. (fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2008).

Sementara itu pada tahun 2009, bilangan permohonan pengesahan semula perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 105 kes sahaja yang didaftarkan di mahkamah pada tahun tersebut, di samping 67 kes telah diluluskan permohonannya. Manakala untuk tahun 2010, jumlah kes yang didaftarkan terus mencatat penurunan kepada 72 kes sahaja. Penurunan ini kemungkinan disebabkan oleh kurangnya kesedaran dikalangan pasangan tentang pentingnya pendaftaran semula perkahwinan di luar negara ataupun kemungkinan kes perkahwinan tanpa kebenaran semakin berkurang. (fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis tahun 2009 dan 2010).

Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh pihak mahkamah, jelas menunjukkan bahawa kes perkahwinan tanpa kebenaran ini adalah sesuatu yang serius serta membimbangkan. Secara zahirnya, jumlah kes-kes ini adalah berdasarkan rekod di mahkamah apabila pasangan tampil sendiri untuk mendaftarkan kes perkahwinan mereka. Namun hakikatnya, masih banyak lagi pasangan terlibat yang tidak datang mendaftar kes perkahwinan mereka. Hal ini menampakkan bahawa masyarakat sekarang ini masih lagi tidak dapat berfikir secara rasional apabila berhadapan dengan situasi yang sukar seperti hal-hal perkahwinan, walaupun boleh dikatakan masyarakat sekarang

adalah masyarakat moden yang telah banyak terdedah dengan teknologi maklumat yang disampaikan melalui saluran media dan sebagainya.

### **4.3 Faktor-Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap beberapa kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, didapati terdapat beberapa faktor utama yang mendorong pasangan memilih jalan mudah untuk melangsungkan perkahwinan mereka di luar negara tanpa kebenaran. Majoriti kes yang didaftarkan tersebut adalah terdiri daripada kes yang melibatkan rakyat negeri Perlis sendiri. Namun begitu terdapat juga kes daripada orang yang tinggal di negeri lain tetapi telah menggunakan kemudahan yang ada di negeri Perlis iaitu dengan menggunakan alamat waris atau kenalan di negeri Perlis. Antara faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

#### **4.3.1 Tidak Mendapat Persetujuan daripada Wali dan Keluarga**

Faktor utama yang menyebabkan ramai pasangan mengambil jalan mudah untuk melaksanakan perkahwinan mereka adalah disebabkan oleh tidak mendapat persetujuan wali. Ada juga kes pasangan yang mendapat halangan bukan sahaja daripada wali, bahkan mendapat tentangan daripada keluarga terutama sekali di sebelah pihak perempuan. Contohnya kes bernombor pendaftaran 09001-010-0121-2010. Kes ini didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar, Perlis pada tahun 2010. Pasangan ini telah melangsungkan perkahwinan mereka di Majlis Agama Islam Wilayah Satul, Thailand. Alasan perkahwinan tanpa kebenaran ini adalah kerana tidak mendapat restu daripada ibu di sebelah pihak perempuan. Walaupun wali bersetuju dengan calon yang dipilih oleh anak perempuannya, akan tetapi mereka terpaksa melangsungkan perkahwinan di

Thailand dengan berwalikan hakim, untuk mengelakkan daripada diketahui dan dihalang oleh ibu pihak perempuan. Selepas setahun pernikahan, pasangan ini telah mendaftar untuk pengesahan semula perkahwinan mereka di Mahkamah Syariah Negeri Perlis. Oleh itu pihak Mahkamah telah mengesahkan perkahwinan mereka dan mereka perlu mendaftar di Jabatan Agama Islam Perlis selepas membayar denda. (fail kes Mahkamah Syariah Kangar tahun 2010, bilangan kes: 09001-010-0121-2010)

Sehubungan itu, antara sebab keenggan wali mengahwinkan anak perempuan mereka ialah wali itu sendiri telah mempunyai calon sendiri untuk dikahwinkan dengan anak perempuan mereka. Selain itu, wali juga tidak bersetuju dengan pilihan hati anak mereka kerana dianggap tidak sekufu sama ada dari segi keturunan, pangkat, agama, budaya, pihak lelaki telah mempunyai isteri, pihak perempuan masih di bawah umur dan sebagainya. (Noraini Mohd Hashim, 2007)

Walau bagaimanapun, terdapat juga kes di mana wali enggan mengahwinkan pasangan tersebut atas alasan dendam terhadap isterinya sendiri. Ini adalah kes-kes terpencil yang jarang ditemui. Sebagai contoh kes perkahwinan tanpa kebenaran yang dilaporkan di Mahkamah Syariah Kangar pada tahun 2010. Dalam kes ini, pemohon pertama iaitu *Syarifah Noor Hayati binti Syed Mohamad* dan pemohon kedua *Ahmad Ezmeed bin Ahmad Tarmizi* telah melangsungkan perkawinan mereka di Wilayah Songkla, Thailand dengan menggunakan wali hakim. Dalam kes ini, wali bersikap enggan mengahwinkan pasangan ini adalah kerana ibu bapa pengantin perempuan telah bercerai dan pengantin perempuan tinggal bersama ibunya. Bapanya yang masih menaruh dendam terhadap ibu (bekas isterinya) akibat perceraian tersebut, telah mengambil tindakan menentang dan

enggan menjadi wali dalam perkahwinan anak perempuannya. Ini menyebabkan pasangan tersebut mengambil keputusan untuk berkahwin di Songkla Thailand. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan tersebut sah di sisi hukum syarak, tetapi tetap bersalah dari sudut Undang-undang keluarga Islam dan perlu membuat permohonan pengesahan perkahwinan di Mahkamah serta membayar penalti. (fail kes Mahkamah Syariah Kangar tahun 2010)

Jika dilihat dari sudut hukum syarak pula, mazhab Imam Syafi'e menyatakan bahawa wali merupakan rukun yang sangat penting dalam sebuah perkahwinan dan juga merupakan syarat sah kepada sebuah perkahwinan. Oleh yang demikian, perkahwinan seorang perempuan itu mestilah mendapat persetujuan daripada wali atau penjaganya.

(Ahmad Mohamed Ibrahim, 1999)

Wali perkahwinan bagi seorang perempuan ialah bapa dan juga datuk serta susunan mengikut keutamaan dari segi syarak. Bapa dan datuk merupakan wali *ijbar* yang mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan perkahwinan anaknya.

Walau bagaimanapun, mengikut pendapat Mazhab Syafi'i, kuasa mutlak wali itu akan gugur, jika wali enggan menikahkan anaknya tanpa sebarang alasan yang munasabah ataupun wali mempunyai sifat yang zalim. Hal ini juga telah diperuntukkan dalam *Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006* di bawah Seksyen 13 (b) iaitu:

*(b) Hakim Syari'e yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Hakim Syari'e itu telah, selepas*

*penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakad nikahkan oleh wali raja mengikut hukum Syarak, persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak atau jika wali tidak dapat ditemui atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi.*

Manakala dari sudut undang-undang pula, hak mutlak wali ke atas gadis adalah diakui.

Walau bagaimanapun, hak mutlak itu akan berubah menjadi tidak mutlak apabila diketepikan serta dipindahkan kepada kuasa wali hakim ataupun dipindahkan kepada sesiapa yang diberi kuasa secara am atau khas oleh hakim yang mempunyai kuasa di tempat seseorang pengantin perempuan itu bermastautin. Sungguhpun kuasa wali boleh dicabar apabila seseorang wali itu enggan, akan tetapi perkara itu dianggap rumit dan memalukan.( Md. Akhir Hj. Yaakob dan Siti Zalikha Mohd. Noor, 1998)

Menurut enakmen Undang-undang Keluarga Islam, sekiranya pasangan pengantin berhadapan dengan situasi seperti itu, gadis tersebut perlu membuat aduan terhadap keengganan wali kepada mahkamah. Ekoran daripada aduan tersebut, pihak mahkamah akan memanggil wali dan mendengar keterangannya. Kemudian, hakim akan memerintahkan pasangan berkenaan untuk dikahwinkan oleh wali hakim sekiranya didapati alasan untuk berwalikan hakim adalah munasabah. Dalam kes seperti ini, mahkamah akan menolak keterangan wali kecuali sekiranya wali dapat membuktikan bahawa perkahwinan tersebut tidak patut dijalankan. (Md. Akhir Hj. Yaakob dan Siti Zalikha Mohd. Noor, 1998)

Walau bagaimanapun, kemudahan undang-undang ini jarang sekali digunakan dan dituntut oleh gadis, kerana tidak sanggup dibicarakan di mahkamah bersama dengan walinya sendiri. Perkara menyaman wali dilihat sebagai satu perkara yang sangat berat untuk dilakukan. Oleh sebab itu, jalan terbaik dan mudah dilaksanakan adalah dengan berkahwin tanpa pengetahuan wali di luar negara ataupun mengikut bakal suami lari ke luar negara dan berkahwin tanpa kebenaran di sana.

Sehubungan itu, jika dilihat dari sudut psikologi, ibu dan bapa perlulah berfikiran waras dan bertindak serta mempunyai sikap yang rasional apabila anak-anak mempunyai pilihan hati sendiri. Bapa ataupun datuk tidak perlu bersikap ego dengan kuasa wali mujbir yang dimiliki. Wali juga tidak perlu bersikap keras hati dengan pilihannya sahaja. Seorang bapa perlu memikirkan implikasi di atas sikapnya itu terhadap anak perempuan mereka. Sekiranya pilihan anaknya itu munasabah dan tidak keterlaluan, malah calon pilihan anaknya itu sekufu, maka ianya harus di beri persetujuan. (Md. Akhir Hj. Yaakob dan Siti Zalikha Mohd. Noor, 1998)

#### **4.3.2 Poligami**

Hasil kajian di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, didapati bahawa poligami merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada berlaku kes perkahwinan tanpa kebenaran. Kes ini banyak berlaku, apabila pasangan yang ingin berpoligami perlu berhadapan dengan prosedur yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, pasangan yang ingin melaksanakan poligami perlu melalui beberapa prosedur yang dianggap rumit seperti proses permohonan poligami yang mengambil masa yang agak lama, permohonan

poligami yang ditolak oleh mahkamah serta pihak lelaki yang ingin menyorokkan perkahwinan kerana tidak mendapat izin daripada pihak isteri pertama ataupun isteri-isteri yang lain. ( Noraini Mohd Hashim, 2007)

Oleh itu, sebagai jalan penyelesaian, mereka telah melaksanakan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara, yang mana ianya tidak memerlukan sebarang prosedur atau proses undang-undang. Sebagai contoh kes 09001-010-0348-2006, iaitu pasangan yang berkahwin di Wilayah Songkla Thailand. Dalam kes ini, pemohon pertama iaitu suami telah mempunyai seorang isteri dan berkahwin dengan seorang perempuan warganegara Thailand sebagai isteri kedua. Kedua-dua pasangan ini mengambil keputusan berkahwin di wilayah Songkla kerana prosesnya yang mudah dan juga untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri pertama. Mahkamah telah memutuskan bahawa pasangan ini bersalah dari segi Undang-undang kerana telah melanggar Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2003 dan dikenakan penalti apabila ingin mendaftarkan perkahwinan mereka. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar tahun 2010, bilangan kes: 09001-010-0348-2006)

Sebenarnya, undang-undang dan prosedur yang telah diperuntukkan oleh undang-undang Keluarga Islam di Malaysia adalah bertujuan untuk melancarkan lagi proses pendaftaran nikah poligami. Ini adalah sebagai bukti telah berlaku perkahwinan agar tidak timbul permasalahan pada masa akan datang. Ada sesetengah golongan mengambil jalan mudah berpoligami dengan membelakangkan enakmen dan undang-undang disebabkan oleh faktor-faktor peribadi seperti ditakuti tidak mendapat keizinan daripada isteri pertama, bimbang dengan reaksi anak-anak, dan yang paling utama adalah mereka

bimbang permohonan berpoligami yang dihantar ke Mahkamah Syariah tidak diluluskan. (Zaini Nasohah, 2000)

Poligami tanpa kebenaran juga boleh berlaku disebabkan oleh penolakan permohonan poligami secara rasmi di Mahkamah Syariah, sedangkan pemohon tetap menyimpan niat untuk berpoligami. Pada kebiasaannya, mahkamah akan menolak permohonan yang dikemukakan oleh pemohon disebabkan oleh permohonan tersebut tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Contohnya seperti tidak layak, tidak berkemampuan dan juga tidak menepati syarat-syarat lain yang ditetapkan. Sebagai jalan penyelesaian, tindakan berpoligami secara rahsia dan tanpa kebenaran telah dipilih dengan melangsungkan pernikahan di luar negara seperti di Thailand. Dari sudut hukum syarak, perkahwinan ini sah jika menepati syarat-syaratnya. Akan tetapi ia tetap dipandang salah di sisi undang-undang sekiranya ia tidak didaftarkan. (Zaini Nasohah, 2000)

Di samping itu, poligami tanpa kebenaran boleh berpuncak daripada keretakan rumahtangga di antara suami isteri kerana sebab-sebab tertentu seperti tiada persefahaman dan juga kehadiran orang ketiga. Keadaan ini akan berterusan sekiranya tidak cuba ditangani segera oleh pihak-pihak yang terlibat. Tambahan lagi, jika jalan perceraian dilihat tidak mampu menjernihkan hubungan suami isteri, ini mendorong pihak suami menggunakan keharusan untuk berpoligami sebagai jalan keluar kepada permasalahan yang timbul. Namun begitu, ada juga dikalangan pasangan yang tidak mengambil jalan perceraian sebagai jalan keluar dalam krisis rumahtangga atas alasan seperti kasihan pada anak-anak, malu untuk berdepan dengan keluarga dan sebagainya.

Akhirnya, mereka memilih untuk berpoligami sebagai jalan terbaik. (Amran Kasimin, 1978)

Bagi memastikan kemudahan poligami yang diharuskan oleh Islam tidak disalahgunakan, dan juga untuk memastikan matlamat poligami itu tercapai, Undang-undang Kekeluargaan Islam telah memperuntukkan beberapa syarat untuk berpoligami..

Peruntukkan ini terkandung dalam enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006, iaitu dalam seksyen 23 (5) melibatkan (a), (b), (c) dan (d) iaitu:

- (a) *Bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandang kepada hal-hal keadaan berikut iaitu kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihian hak-hak persetubuhan atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.*
- (b) *Bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh hukum syarak, semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya, berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu.*
- (c) *Bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut kehendak hukum syarak.*
- (d) *Bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan dharar syari'e kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.*

Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa apa jua alasan untuk berpoligami, ianya perlu dilaksanakan dengan jalan yang betul. Selain itu ia juga haruslah tidak bertentangan dengan agama mahupun undang-undang. Ini kerana, jika dilaksanakan tanpa mengikut

peruntukan yang telah ditetapkan, pasangan tersebut akan menghadapi risiko yang besar kerana perkahwinan tanpa kebenaran itu lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan.

#### **4.3.3 Prosedur Undang-undang**

Antara alasan lain yang diberikan oleh pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara ini adalah kerana proses perkahwinan di luar Negara khususnya di Thailand lebih mudah dan cepat serta tidak memerlukan belanja yang banyak. Lebih-lebih lagi jika perkahwinan yang dirancang menghadapi masalah seperti keengganahan dan halangan daripada wali dan keluarga, serta sukar mendapat kebenaran untuk berpoligami.

Peraturan dan prosedur perkahwinan yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri adalah bertujuan untuk menyusun atur perkahwinan dengan baik selaras dengan ketetapan yang terkandung di dalam ajaran Islam. Selain itu, ia juga disusun untuk mengawal isu-isu yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan hal-hal yang bersangkutan dengannya. Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang menganggap peruntukan dan prosedur tersebut sangat rumit serta membebarkan. Peraturan-peraturan seperti setiap pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan perlu menghadiri kursus pra perkahwinan, membeli borang, mengisi dan melengkapannya, mendapatkan surat akuan bujang, surat akuan mastautin, surat pengesahan HIV, surat pengesahan Jabatan Pendaftaran Negara bagi penduduk tetap, menghadiri temu bual dan sebagainya adalah sangat merumitkan.

Peraturan ini sebenarnya memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan juga wang ringgit pasangan terbabit. (Amir Husin Md Nor dan Siti Safwati Mohd Sharif, 2006).

Malahan lebih dari itu, bagi kes-kes tertentu ianya terpaksa dirujuk ke Mahkamah Syariah serta perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu seperti kes wali enggan, permohonan poligami dan kes yang bersangkutan dengan perceraian. Bagi sesetengah pasangan, peraturan-peraturan ini sangat membebankan dan menjadi penghalang utama hasrat mereka untuk menjadi pasangan suami isteri. Sebagai langkah alternative, mereka keluar dari Malaysia dan bernikah di luar Negara dengan anggapan proses pernikahan di Negara luar itu lebih mudah untuk dilakukan berbanding di dalam Negara sendiri. (Amir Husin Md Nor dan Siti Safwati Mohd Sharif, 2006).

Perkara ini tidak boleh dipandang remeh, kerana jika dibiarkan berleluasa maka ia akan menjadi suatu budaya di dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada pihak berwajib serta masyarakat untuk mengambil langkah tertentu bagi memastikan perkara ini tidak menjadi lebih serius di masa akan datang. Sebagaimana yang dilaporkan di dalam akhbar Berita Harian bertarikh 1 Mei 2012, yang mana hasil tinjauan mendapati ramai pasangan yang memilih untuk bernikah di luar Negara disebabkan oleh prosedur yang ditetapkan terlalu berat bagi mereka. Ini telah mendorong pasangan tersebut melakukan perbuatan yang melanggar peraturan dan juga undang-undang. (Berita Harian, 2012).

Sebagai contoh, kes yang dilaporkan di mahkamah Syariah Kangar Perlis. Dalam kes bernombor perdaftaran 09001-010-0530-2007 tersebut, pemohon pertama dan kedua adalah warganegara Malaysia yang menetap di negeri Perlis. Mereka telah berkahwin di Wilayah Songkla Thailand dengan berwalikan bapa pengantin perempuan sendiri. Mahkamah telah memutuskan mereka bersalah dari sudut undang-undang kerana telah berkahwin di luar Negara dan juga tanpa kebenaran pihak Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di negeri Perlis. Alasan mereka melangsungkan perkahwinan di sana adalah kerana prosesnya yang cepat dan mudah. Mereka tidak perlu menunggu lama malah segala proses perkahwinan boleh diselesaikan dengan mengambil masa 15 minit sahaja. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2007, no. kes: 09001-010-0530-2007).

Contoh kedua ialah dalam kes bernombor 09001-010-0208-2008. Kes ini telah didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis untuk mendapatkan pengesahan sijil nikah oleh Pejabat Agama Islam Perlis. Menurut fakta kes, pasangan ini telah berkahwin tanpa kebenaran di Kampung Tanjung Myanmar, kerana pemohon kedua seorang warganegara Myanmar. Dalam kes ini, pemohon kedua menghadapi masalah kesuntukan masa dalam proses permohonan pas perjalanan. Oleh demikian mereka mengambil keputusan untuk melangsungkan perkahwinan di Myanmar sahaja tanpa mendapatkan persetujuan pihak pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk. Mahkamah memutuskan pasangan ini bersalah dari sudut undang-undang kerana telah melanggar prosedur dan peruntukan yang ditetapkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2008, no. kes: 09001-010-0208-2008).

#### **4.3.4 Perkahwinan dengan Warga Asing**

Perkahwinan tanpa kebenaran juga berlau disebabkan oleh faktor perkahwinan dengan warga asing seperti rakyat Thailand, Indonesia dan lain-lain. Perkahwinan tanpa kebenaran berlaku apabila pasangan terbabit menghadapi masalah seperti wali pasangan berada di Negara asal dan juga salah seorang daripada pihak pengantin menghadapi masalah kelulusan visa, passport dan sebagainya. (Fairus Abu Bakar, 2002).

Malah jika dilihat kepada hasil kajian mendapati selain daripada Negara Thailand, terdapat beberapa buah Negara lain yang menjadi tempat pasangan melangsungkan perkahwinan mereka. Contohnya seperti Negara Myanmar, Indonesia serta India. Walau bagaimanapun, Negara Thailand adalah tempat yang menjadi pilihan ramai pasangan untuk melaksanakan perkahwinan mereka. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2006 hingga 2010).

Contoh kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis bernombor pendaftaran 09001-010-0140-2007. Kes yang didaftarkan semula di bawah seksyen 40(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006. Menurut fakta kes, pasangan tersebut berkahwin di Majlis Ulamatul Darul Islam Myanmar. Perkahwinan ini dilaksanakan di Myanmar kerana pemohon kedua iaitu pasangan perempuan merupakan seorang warga Myanmar yang mendapat taraf penduduk tetap di Negara ini. Selepas disiasat pihak mahkamah mendapati perkahwinan pasangan ini sah di sisi hukum syarak. Mahkamah memerintahkan kes ini boleh didaftarkan dan tertaklluk kepada seksyen 40(2) yang mana pasangan terbabit telah didenda dan perlu mendahului bayaran penalti sebelum perkahwinan itu didaftarkan

di Pejabat Agama Islam negeri Perlis. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2007, no. kes: 09001-010-0140-2007).

Di samping itu, perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara berlaku disebabkan oleh urusan perniagaan. Mereka sentiasa berulang alik untuk menguruskan perniagaan di luar Negara dan secara tidak langsung sentiasa berhubungan dengan rakyat di sana. Malah ada di kalangan peniaga ini yang menetap di luar Negara khususnya di Thailand kerana menguruskan perniagaan mereka. Keadaan ini menjadikan faktor berlaku perkahwinan dengan warga asing. Hal ini berlaku disebabkan mereka sering bertemu dan berjumpa. Akhirnya, lelaki tersebut mengambil keputusan untuk mengahwini gadis di sana. Sehubungan itu, perkahwinan dengan pasangan warga asing ini akan memudahkan lagi urusan perniagaan dan juga urusan penempatan. (Hazizan bin Desa, 2002).

Sebagaimana dalam kes perkahwinan warga tempatan dengan seorang warganegara Thailand yang dilangsungkan tanpa kebenaran di wilayah Songkla Thailand. Kes bernombor pendaftaran 09001-010-0844-2010, telah didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis. Pasangan ini menggunakan wali am dan dinikahkan oleh juru nikah bertauliah di Wilayah Songkla, Thailand. Mereka telah disabitkan kesalahan dari sudut Enakmen Undang-undang Kekeluargaan Islam negeri Perlis, kerana berkahwin di luar Negara. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2010, no. kes: 09001-010-0844-2010).

Manakala dalam kes bernombor 09001-010-1050-2007 yang telah didaftarkan di mahkamah Syariah Kangar Perlis pada tahun 2007. Pasangan ini mengambil masa hamper empat tahun untuk mendaftarkan semula perkahwinan mereka di negeri Perlis. Pasangan ini telah berkahwin pada tahun 2003 di Wilayah Songkla Thailand, dan sah mengikut hukum syarak. Malah pasangan ini juga mendapat pengesahan perkahwinan mereka di Pejabat Konsulat Malaysia do Songkla. Pemohon pertama adalah seorang peniaga yang menjalankan perniagaan dan sering berulang alik ke Thailand menguruskan perniagaannya. Oleh itu, mahkamah telah memutuskan bahawa pasangan ini bersalah di bawah seksyen 40(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis, dan memerintahkan pasangan tersebut membayar penalti yang dikenakan iaitu denda sebanyak RM1000 atau penjara atau kedua-duanya sekali sebelum mendaftar perkahwinan mereka di Jabatan Agama Islam Perlis. (Fail kes Mahkamah Syariah kangar Perlis tahun 2007, no. kes: 09001-010-1050-2007).

#### **4.4 Analisis Umur Pasangan Terlibat Dalam Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006 hingga 2010**

*Jadual 4.3*

*Statistik Umur Pasangan Terlibat dari Tahun 2006-2010*

<b>Umur(tahun)</b>	<b>15-19</b>	<b>20-30</b>	<b>31-40</b>	<b>41-50</b>	<b>51-60</b>	<b>61-70</b>	<b>71-80</b>
Lelaki	0	6	13	21	7	2	1
Perempuan	1	17	18	12	1	0	1

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, didapati umur pasangan yang terlibat dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara ini adalah dari umur 20 tahun ke atas sehingga umur 76 tahun bagi lelaki. Sementara itu, bagi pasangan wanita pula, kebanyakkan yang terlibat adalah dari umur 19 tahun sehingga berumur 78 tahun.

Pasangan lelaki yang berkahwin tanpa kebenaran kebanyakkan berumur 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 21 kes daripada keseluruhan kes yang didaftarkan. Manakala pasangan yang berumur 31 tahun hingga 40 tahun adalah sebanyak 13 kes. Sementara itu, bagi umur pasangan lelaki antara 51 tahun hingga 60 tahun sebanyak 7 kes berdasarkan pendaftaran yang dibuat. Kebanyakkan kes-kes ini melibatkan kes poligami. Bagi kes-kes yang melibatkan pasangan berumur 20 hingga 30 tahun adalah sebanyak 6 kes. Sementara pasangan berumur 20 hingga 30 tahun adalah sebanyak 6 kes. Sementara pasangan yang berumur 61 tahun hingga 70 tahun sebanyak 2 kes dan pasangan 71 hingga 80 tahun sebanyak satu kes sahaja yang dilaporkan melibatkan perkahwinan dengan warga asing iaitu warga Indonesia, yang mana pernikahan mereka dilangungkan

di Medan, Indonesia. Daripada statistik berikut, didapati kebanyakkan pasangan yang berumur 30 tahun hingga 60 tahun melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran disebabkan oleh faktor poligami. Manakala pasangan yang berumur 15 tahun hingga 20 tahun dan ke atas berkahwin tanpa kebenaran untuk kali yang pertama. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis dari tahun 2006 hingga 2010).

Bagi pasangan wanita pula, pasangan yang berumur 31 tahun hingga 40 tahun mencatat bilangan yang paling banyak terlibat dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran iaitu sebanyak 18 kes. Pasangan yang berumur 21 tahun hingga 30 tahun adalah merupakan golongan yang kedua terbesar terbabit dalam kes ini, iaitu sebanyak 17 kes. Manakala bagi pasangan yang berumur 41 tahun hingga 50 tahun adalah sebanyak 12 kes. Daripada jumlah ini terdapat hanya satu kes sahaja yang melibatkan pasangan wanit yang berumur 19 tahun, yang berkahwin dengan pasangannya tanpa mendapat restu daripada walinya. berdasarkan statistik ini juga, pasangan wanita yang sudah lanjut usia iaitu antara 51 tahun hingga 60 tahun dan 71 tahun hingga 80 tahun masing-masing hanyalah satu kes sahaja. Kebanyakkan golongan ini adalah terdiri daripada janda yang bercerai dan juga kematian suami. (fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis tahun 2006 hingga 2010).

#### **4.5      Analisis Pendidikan dan Pekerjaan Pasangan Lelaki yang Terlibat dalam Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari tahun 2006-2010**

*Jadual 4.4*

*Latar Belakang Pendidikan dan Pekerjaan Pasangan Lelaki yang Terlibat dalam Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari tahun 2006-2010*

<b>Latar belakang pendidikan</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Jumlah Kes</b>
Pendidikan Tinggi	Pegawai Kastam, Pegawai	2 kes
	Kewangan	
Pendidikan Menengah	Berniaga, Juruteknik, Tentera,	29 kes
	Bekerja Sendiri	
Pendidikan rendah	Buruh, Nelayan, Petani	19 kes

Jadual 4.4 di atas menunjukkan latar belakang pendidikan serta pekerjaan pasangan lelaki. Berdasarkan jadual tersebut, secara keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa pasangan yang terlibat dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran di negeri Perlis adalah terdiri daripada golongan pertengahan yang mempunyai taraf pendidikan menengah dan rendah sahaja.

Jadual di atas mencatatkan pasangan yang paling banyak terlibat dengan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara adalah terdiri daripada golongan yang mempunyai taraf pendidikan menengah iaitu sebanyak 29 kes. Kebanyakkan dari mereka ini bekerja

sendiri serta berniaga. Ada juga di kalangan mereka yang bekerja sebagai tentera berpangkat rendah dan juga bekerja sebagai juru elektrik.

Sebagai contoh, kes perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara bernombor 09001-010-0350-2006. Pasangan lelaki dalam kes ini adalah seorang juru elektrik. Mereka telah melangsungkan perkahwinan di Wilayah Songkla, Thailand. Dalam kes ini, pasangan terlibat mendapat restu daripada wali perempuan, tetapi mengambil tindakan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara kerana proses perkahwinan di sana lebih cepat. (Fail Kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis tahun 2006, no. kes: 09001-010-0350-2006).

Sementara itu, golongan berpendidikan rendah juga banyak terlibat dengan kes seperti ini, yang mana berdasarkan statistik yang diperolehi daripada 50 kes yang diambil, terdapat 19 kes terdiri daripada golongan berpendidikan rendah yang bekerja sebagai buruh, nelayan dan juga petani. Manakala pasangan yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi hanyalah 2 kes sahaja. Bilangan ini sangat kecil jika hendak dibandingkan dengan sampel 50 kes yang diambil. Ini menunjukkan pasangan yang terdiri daripada golongan menengah dan rendah ini mempunyai pemikiran yang singkat, serta kurang pengetahuan dan pendedahan tentang prosedur dan juga tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang, berbanding golongan yang berpendidikan tinggi. Dalam kategori ini, mereka lebih cenderung untuk berfikir tentang risiko peribadi dan juga perjawatan mereka, jika mereka mengambil tindakan sedemikian. Contohnya dalam kes 09001-010-0231-2006. Dalam kes tersebut pasangan lelaki merupakan seorang Pegawai Kastam yang telah berkahwin tanpa kebenaran di Wilayah Yala, Selatan Thailand.

Beliau telah berkahwin dengan seorang warganegara Thailand dan ini merupakan kes poligami. Pasangan ini telah disabitkan kesalahan kerana berkahwin tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di negeri Perlis. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis tahun 2006, no. kes: 09001-010-0231-2006).

#### **4.6      Analisis Penglibatan Wali dalam Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006 hingga 2010**

*Jadual 4.5*

*Jumlah Kes Berdasarkan Penglibatan Wali dalam Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006-2010*

<b>Jenis Wali Nikah</b>	<b>Jumlah Kes</b>
Wali Hakim	42 kes
Bapa Kandung	4 kes
Abang Kandung	1 kes
Wakil Wali	1 kes
Wali Am	2 kes

Dalam proses akad nikah, peranan wali adalah sangat penting sebagai syarat sah nikah sebuah perkahwinan itu, tidak kira sama ada perkahwinan tersebut dilangsungkan dengan kebenaran ataupun tidak. Sehubungan itu, berdasarkan penelitian dalam terhadap fail kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara kebanyakannya menggunakan wali hakim. Statistik kajian ke atas 50 fail kes menunjukkan sebanyak 42 kes menggunakan wali hakim. Selain

daripada itu, hanya terdapat beberapa kes perkahwinan sahaja yang diwalikan oleh bapa sendiri iaitu sebanyak 4 kes sahaja. Manakala perkahwinan yang menggunakan wali am sebanyak 2 kes. Sementara perkahwinan yang diwalikan oleh abang kandung dan wakil wali masing-masing 1 kes sahaja. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis, tahun 2006 hingga 2010).

#### **4.7      Analisis Lokasi yang Dikunjungi untuk Tujuan Akad Nikah dari tahun 2006 hingga 2010**

*Jadual 4.6*

*Lokasi Tumpuan Pasangan untuk Melangsungkan Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari Tahun 2006-2010*

<b>Lokasi Nikah</b>	<b>Jumlah Kes</b>
Thailand	39 kes
Indonesia	1 kes
Myanmar	9 kes
India	1 kes

Kebanyakan pasangan yang mengambil keputusan untuk berkahwin tanpa kebenaran di luar Negara memilih Negara Thailand sebagai tempat untuk tujuan tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat 39 kes daripada 50 kes yang diambil melibatkan pernikahan di Thailand. Ini merangkumi wilayah-wilayah Selatan Thailand seperti di Satun, Setol, Songkla dan juga di Yala Thailand. Faktor kedudukan Thailand yang berjiran dengan negeri Perlis memudahkan lagi perjalanan dan juga proses pernikahan tersebut. Di

samping itu juga, wilayah-wilayah tersebut dikunjungi kerana untuk memastikan jarak kedudukan pasangan dengan tempat wali berada adalah dua marhalah.

Selain Negara Thailand, terdapat juga Negara lain yang menjadi lokasi perkahwinan tanpa kebenaran seperti di Myanmar iaitu sebanyak 9 kes, Indonesia dan India masing-masing 1 kes sahaja. Kebanyakkan kes perkahwinan di Negara tersebut adalah disebabkan oleh perkahwinan dengan pasangan warga asing yang sukar untuk mendapatkan passport dan juga visa dalam tempoh yang singkat bagi proses perkahwinan di Negara ini. Oleh itu, mereka mengambil jalan mudah dengan melangsungkan perkahwinan mereka di Negara tersebut. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar, Perlis dari tahun 2006 hingga 2010).

#### **4.8      Analisis Pemberian Mahar/ Mas Kahwin dalam Perkahwinan Tanpa Kebenaran dari tahun 2006 hingga 2010**

Pemberian mas kahwin kepada pihak isteri dalam sebuah perkahwinan adalah suatu kewajipan kepada suami sebagai tanda penghormatan kepada pihak isteri. Oleh kerana itu, dalam Islam mas kahwin ataupun mahar merupakan syarat dan menjadi sebahagian daripada perkara yang perlu ada dalam sebuah perkahwinan yang mengikut syariat Islam. Mas kahwin atau mahar diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan berdasarkan persetujuan wali perempuan. Manakala nilai sesuatu mahar itu tidak ditentukan, sebaliknya berdasarkan persetujuan bersama dan mengikut kemampuan pasangan lelaki. (Sayyid Sabiq, 1987). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an-Nisaa' ayat 4 yang bermaksud:

*“berikanlah kepada perempuan mas kahwin sebagai satu pemberian”.*

(an-Nisaa’, ayat: 4)

Berdasarkan kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, mas kahwin yang diberikan kebanyakannya menggunakan nilai Ringgit Malaysia, Bath Thailand dan juga Rupiah Indonesia. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, majoriti pasangan memberikan mas kahwin dalam jumlah di bawah RM100 sahaja. Di samping itu, kebanyakkan kes perkahwinan tanpa kebenaran hanya memberikan mas kahwin sahaja, tanpa ada pemberian lain seperti rantai tangan ataupun rantai leher serta hantara-hantaran yang lain. Sebagai contoh kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis. Kes bernombor 09001-010 -0363-2010. Menurut fakta kes, pasangan ini berkahwin di Wilayah Songkla, Thailand dengan berwalikan hakim. Perkahwinan ini tidak mendapat restu daripada wali pasangan perempuan. Oleh itu mereka mengambil keputusan berkahwin di luar Negara. Dalam perkahwinan tersebut, pasangan lelaki hanya memberikan mas kahwin sebanyak RM100 sahaja kepada pasangannya. (Fail Kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis, no. kes: 09001-010-0363-2010).

#### **4.9    Kesimpulan**

Perkahwinan tanpa kebenaran di negeri Perlis masih berlaku hingga sekarang. Malah sehingga ke hari ini kes perkahwinan tanpa kebenaran masih lagi banyak didaftarkan di mahkamah Syariah. Oleh demikian semua pihak sama ada pihak berkuasa seperti mahkamah syariah dan jabatan agama Islam serta seluruh masyarakat perlu mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya untuk membendung masalah ini daripada terus berlaku.

Hasil kajian yang dilakukan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis jelas menunjukkan bahawa pihak yang terlibat dengan permasalahan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan pertengahan, di mana golongan ini kurang terdedah dengan medium komunikasi seperti media cetak dan media elektronik. Di samping itu, mereka juga kurang pengetahuan dan maklumat terutama sekali dalam hal undang-undang kekeluargaan Islam, sama ada dari segi pembacaan dan sebagainya. Hal ini berbeza dengan golongan yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi, kerana golongan ini lebih matang dalam membuat keputusan jika berhadapan dengan sesuatu masalah.

Oleh kerana itu, kajian ini cuba untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat, agar sebuah perkahwinan itu dapat dilangsungkan mengikut proses perundangan seperti yang diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam di Malaysia, terutamanya di negeri Perlis. Dalam hal ini, pasangan yang menghadapi masalah untuk melangsungkan perkahwinan tidak semestinya memilih jalan yang singkat iaitu dengan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara. Undang-undang yang termaktub dalam enakmen ini sentiasa memberi kemudahan dan kelonggaran untuk para

pasangan yang ingin berkahwin dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Prosedur yang ditetapkan itu bukanlah bertujuan untuk menyukarkan pasangan terbabit, tetapi ianya adalah sebagai satu langkah untuk menjadikan kehidupan masyarakat lebih tersusun serta mengikut lunas-lunas syarak.

## **BAB LIMA**

### **KESAN PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Perkahwinan tanpa kebenaran ataupun '*kahwin lari*' merupakan suatu istilah yang popular dalam kalangan masyarakat hari ini. Istilah ini merujuk kepada suatu perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara tanpa pengetahuan dan juga kebenaran pihak berkuasa. Namun begitu, perkahwinan tanpa kebenaran juga boleh berlaku di dalam negara, apabila perkahwinan tersebut dilaksanakan melalui sindiket yang mengatur perkahwinan tersebut. Ini terjadi terutama sekali dalam kes poligami, di mana pasangan menggunakan khidmat sindiket perkahwinan untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri pertama.

Menurut laporan daripada akhbar Sinar Harian bertarikh 4 Mac 2014, fenomena ini telah berleluasa dalam kalangan masyarakat. Wujudnya sebuah sindiket yang menawarkan perkhidmatan perkahwinan dengan pakej yang lengkap termasuk sijil nikah yang menyerupai sijil nikah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam negeri telah mendorong pasangan menggunakan khidmat sindiket yang menganjurkan perkahwinan tanpa kebenaran. Sindiket tersebut juga menawarkan bayaran yang lebih murah iaitu sebanyak RM3000 sahaja di samping pengeluaran sijil nikah yang cepat iaitu beberapa hari sebelum akad nikah dilangsungkan. Kemudahan perkhidmatan itu telah menjadi pilihan ramai pasangan yang ingin berpoligami secara rahsia.(Sinar Harian,2014, Mac 4)

Fenomena ini sebenarnya telah lama wujud dalam masyarakat di negara ini, tetapi menjadi lebih serius dalam kehidupan masyarakat sekarang. Malahan setiap negeri tidak terlepas daripada berhadapan dengan situasi ini termasuklah di negeri Perlis. Fenomena ini berleluasa ekoran perubahan corak kehidupan yang lebih moden serta banyak terdedah dengan perkembangan teknologi. Keadaan ini telah mengundang pelbagai masalah sosial terutama sekali di kalangan generasi muda. Oleh kerana itu, semua pihak harus memikirkan secara serius bagaimana untuk menangani fenomena ini daripada terus berleluasa.

Dalam bab sebelum ini, perbincangan secara terperinci telah dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran. Antaranya berpunca daripada keengganan wali dalam memberi keizinan kepada pasangan untuk berkahwin, perkahwinan poligami, faktor undang-undang, perkahwinan dengan warga asing dan lain-lain.

Kebanyakkhan pasangan mengambil jalan mudah dengan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara dengan harapan tindakan tersebut akan dapat menyelesaikan masalah semasa yang dihadapi. Walau bagaimanapun, tanpa mereka sedari jalan mudah yang mereka ambil telah menyumbang kepada masalah yang lebih merumitkan serta menimbulkan pelbagai implikasi negatif terutama sekali di sebelah pihak perempuan atau isteri.

Ini termasuklah mereka akan didakwa di bawah peruntukan Undang-undang keluarga Islam di setiap negeri, kerana jelas mereka telah melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Walaupun perkahwinan mereka adalah sah di sisi hukum syarak, akan tetapi perkahwinan tersebut tetap dianggap salah di sisi undang-undang kekeluargaan Islam. Secara dasarnya, pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran ini akan didakwa mengikut seksyen 40(2) Enakmen Keluarga Islam di setiap negeri, termasuklah di negeri Perlis. Mengikut seksyen yang dikenakan, pasangan akan berhadapan dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau enam bulan penjara ataupun kedua-duanya sekali. (Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis tahun 2006)

Kajian ini walau bagaimanapun tidak melibatkan responden yang terbabit secara langsung dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran. Kajian ini hanya melibatkan pihak yang kedua sahaja iaitu pihak yang terlibat secara langsung dengan proses pendaftaran semula perkahwinan dan juga pihak yang terlibat dalam proses perbicaraan di mahkamah seperti Pendaftar dan juga Hakim yang mengendalikan kes tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan menjelaskan dengan terperinci berkaitan dengan implikasi yang akan dihadapi oleh pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran sama ada implikasi positif atau implikasi negatif.

## **5.2 Kesan Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Secara umumnya, tidak ada implikasi positif yang lahir daripada perkahwinan tanpa kebenaran, kerana asas perkahwinan tanpa kebenaran telah melanggar norma-norma perkahwinan dalam Islam dan juga Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Oleh itu, mustahil sesuatu yang telah menyalahi etika akan mendatangkan kesan positif sama ada dari segi perundangan, hukum syarak dan juga kemasyarakatan. Namun begitu, pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran sudah pasti akan melalui fasa-fasa yang sukar dalam kehidupan mereka, kerana jalan yang dipilih telah mengundang implikasi yang sangat besar. Antara implikasi negatif yang dilalui oleh pasangan terbabit adalah seperti berikut:

### **5.2.1 Kesan Dari Aspek Perundangan**

Perkahwinan tanpa kebenaran telah menimbulkan implikasi terutama dari sudut peruntukan Undang-undang Keluarga Islam. Secara keseluruhannya, Enakmen Undang-undang Kekeluargaan Islam yang telah digubal di setiap negeri di Malaysia merupakan satu peruntukan yang dibuat bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia dalam urusan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Secara umumnya, Islam sangat memelihara kemaslahatan perkahwinan agar boleh mencapai matlamat sebenar perkahwinan iaitu untuk mewujudkan ketenangan dalam hati, membawa kebahagiaan dan juga menghilangkan permasalahan dalam kehidupan manusia. Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam menyatakan bahawa suatu perkahwinan yang dilangsungkan di luar negeri ataupun di luar mukim mestilah didaftarkan di mahkamah syariah, untuk memastikan perkahwinan tersebut sah di sisi hukum syarak ataupun tidak. Setiap pasangan yang gagal mendaftarkan perkahwinan mereka akan

dikenakan penalti ataupun denda oleh pihak mahkamah. (Haliza, Nabilah, Hasnizam dan Intan Nadia, 2013)

Sehubungan itu, pasangan yang melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran akan menghadapi kesukaran untuk mendaftarkan semula perkahwinan mereka di Mahkamah Syariah dan seterusnya mendapatkan sijil nikah yang baru daripada pejabat agama Islam negeri. Seksyen 25 dalam peruntukkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 telah memperuntukkan tentang keperluan untuk mendaftarkan semula perkahwinan yang telah dilangsungkan di luar negara. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa:

*“Perkahwinan selepas tarikh yang ditetapkan tiap-tiap orang yang bermastautin dalam negeri Perlis dan perkahwinan tiap-tiap orang yang tinggal di luar negeri bermastautin dalam Negeri Perlis hendaklah didaftarkan mengikut Enakmen ini.”*

Walau bagaimanapun, dalam seksyen 34 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis menyatakan bahawa pendaftaran perkahwinan tidak akan menentukan sama ada perkahwinan tersebut diakui ataupun tidak diakui. Sebagaimana telah dinyatakan dalam seksyen 34 Enakmen Keluarga Islam Perlis 2006 iaitu:

*“Tiada apa-apa jua dalam enakmen ini atau dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan diakui atau tidak diakui sesuatu perkahwinan semata-mata oleh sebab ia telah didaftarkan atau tidak didaftarkan, yang mana, sebaliknya, adalah tidak diakui atau diakui.”*

Di samping itu, pasangan tersebut akan didakwa mengikut seksyen 40(2) Enakmen Keluarga Islam Negeri Perlis 2006, dan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang dijatuhkan adalah kerana melanggar enakmen yang telah ditetapkan dan juga melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar nikah, cerai dan rujuk di negeri masing-masing. (Enakmen Keluarga Islam Perlis, 2006)

Secara dasar, tidak semestinya perkahwinan tanpa kebenaran itu tidak sah, kerana ianya mungkin telah memenuhi kehendak syarak. Sekiranya perkahwinan tersebut telah memenuhi syarat dan rukun perkahwinan yang ditetapkan oleh syarak, maka pasangan terbabit boleh mendaftarkan semula perkahwinan mereka mengikut prosedur perkahwinan yang telah termaktub dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia termasuklah di Negeri Perlis. Walau bagaimanapun, pasangan tersebut terlebih dahulu akan dikenakan penalti di bawah seksyen 40(2) oleh pihak Mahkamah Syariah. Perkahwinan pasangan tersebut akan didaftarkan selepas selesai semua urusan siasatan yang dibuat oleh pihak mahkamah terhadap kesahan perkahwinan itu. (Haliza et al. 2013)

Apabila pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran ingin mendaftar semula perkahwinan mereka, maka telah menjadi kewajipan bagi mereka untuk melalui prosedur pengesahan perkahwinan terlebih dahulu. Setiap pasangan yang hendak mengesahkan perkahwinan mereka, perlu membawa dua orang saksi, yang menyaksikan perkahwinan mereka di luar negara. Di samping itu, mereka juga perlu membawa dokumen-dokumen yang membuktikan bahawa mereka telah berkahwin seperti sijil

nikah yang telah diperakukan oleh Konsulat di Thailand ataupun di negara yang menjadi tempat mereka melangsungkan perkahwinan. (Hazizan Mat Desa, 2002)

Dalam hal ini, terdapat pasangan yang gagal mengemukakan saksi bagi mengesahkan perkahwinan mereka, terutama sekali apabila mereka gagal mendapatkan permit perjalanan ke luar negara daripada pihak imigresen untuk tujuan perkahwinan tersebut. Mereka akan disiasat dan dibicarakan di Mahkamah Syariah untuk menentukan sama ada perkahwinan yang dilangsungkan itu sah ataupun tidak di sisi hukum syarak. Sekiranya perkahwinan tersebut memenuhi segala syarat dan rukun nikah, maka perkahwinan tersebut adalah sah. Namun begitu jika terdapat keraguan dalam memenuhi syarat dan rukun nikah, maka perkahwinan tersebut akan diisyiharkan sebagai tidak sah, dan pasangan terbabit terpaksa di *mufaraqahkan* (dipisahkan) dan akan dikenakan penalti. (Hazizan Mat Desa, 2002)

Sebagai contoh, kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis pada tahun 2009, bernombor 09001-010-0729-2009. Dalam kes ini, pemohon 1 dan pemohon 2, iaitu pasangan yang terlibat dengan perkahwinan tanpa kebenaran telah mengemukakan permohonan untuk pendaftaran semula perkahwinan mereka yang dilangsungkan di Wilayah Satul, Thailand. Permohonan ini terkandung dalam seksyen 12 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Perlis 1991. Dalam permohonan tersebut, pasangan ini telah memenuhi segala prosedur yang telah ditetapkan, serta berjaya membawa bukti perkahwinan seperti saksi perkahwinan, kad pengenalan, bukti perjalanan, keputusan ujian saringan HIV dan juga sijil kursus perkahwinan. Selain itu, pasangan ini juga telah mendapat pengesahan perkahwinan mereka daripada pejabat

Konsulat Jeneral Malaysia di Songkla. Setelah memenuhi segala prosedur yang telah ditetapkan oleh mahkamah, maka mahkamah mengesahkan perkahwinan mereka adalah sah di sisi hukum syarak dan boleh didaftarkan di Pejabat Agama Islam Negeri Perlis.(Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis, tahun 2009, bilangan kes: 09001-010-0729-2009)

Di samping itu, implikasi dari sudut perundangan keluarga Islam boleh dilihat apabila pasangan yang terlibat dengan perkahwinan tanpa kebenaran boleh dituduh di bawah kesalahan berkhawatir. Keadaan ini berlaku selagi pasangan terbabit tidak memperolehi sijil nikah yang diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam mengikut Enakmen Undang-undang Kekeluargaan Islam di setiap negeri.

### **5.2.2 Kesan Dari Aspek Hukum Syarak**

Dari sudut hukum syarak, perkahwinan tanpa kebenaran meninggalkan kesan negatif yang besar dari segi kedudukan dan juga status perkahwinan. Menurut hukum syarak, perkahwinan terbahagi kepada dua bahagian iaitu perkahwinan yang sahih dan juga perkahwinan yang *fasid*. Penentuan kesahihan perkahwinan ini bergantung kepada kesahihan akad nikah yang dibuat. Akad nikah yang sah merupakan akad nikah yang memenuhi segala rukun dan juga syarat sah nikah. Manakala akad nikah yang *bathil* dan *fasid* ialah akad nikah yang tidak sempurna pada rukun dan syarat sah nikah. Contohnya seperti juru nikah yang tidak bertauliah, susunan wali yang salah dan lain-lain lagi. (Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza Shukor dan Nabilah Yusof, 2012)

Oleh yang demikian, dalam kes perkahwinan tanpa kebenaran, pihak mahkamah bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan apabila terdapat pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran di luar negara tampil untuk membuat pendaftaran semula perkahwinan mereka. Siasatan akan dijalankan untuk menentukan kesahan perkahwinan tersebut sama ada sah ataupun tidak di sisi hukum syarak. Di samping itu, terdapat beberapa kesan negatif yang akan dihadapi oleh pasangan antaranya ialah:

**a. Implikasi ke atas hak-hak isteri:**

Perkara penting yang perlu diketahui oleh pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran adalah implikasi yang terpaksa dihadapi oleh pasangan khususnya pihak isteri. Jika sesuatu yang buruk berlaku dalam perkahwinan pasangan tersebut, isteri akan menghadapi masalah yang besar. Apabila masalah tersebut berlaku, isteri tidak boleh membuat sebarang tuntutan seperti tuntutan nafkah, muta'ah, harta sepencarian, pencen, harta pusaka dan lain-lain lagi sekiranya perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan itu tidak didaftarkan di mahkamah syariah di negeri masing-masing. Ini kerana pihak mahkamah dan juga pejabat agama Islam hanya akan melayan semua tuntutan bagi perkahwinan yang didaftarkan sahaja. (Sulaiman Endut, 2001)

Perlu diketahui bahawa tujuan pendaftaran semula perkahwinan tanpa kebenaran ini bukan hanya satu prosedur bagi mendapatkan sijil nikah yang sah daripada pejabat agama Islam, akan tetapi ianya juga merupakan suatu rekod yang mensahkan perkahwinan berkenaan dari sudut undang-undang dan juga dari sudut hukum syarak.(Mohamad Isa Abd Ralip, 2010)

Sehubungan itu, berdasarkan kajian yang dibuat terhadap fail-fail kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, didapati bahawa majoriti pasangan yang mendaftarkan semula perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara adalah disebabkan untuk mendapat sijil nikah yang sah di sisi undang-undang. Pengesahan perkahwinan daripada mahkamah syariah adalah sangat penting. Dokumen tersebut akan menjadi bukti jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Selain itu dokumen itu juga akan memudahkan sebarang urusan yang berkaitan dengan perkahwinan tersebut. (fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2006 hingga 2010)

Perkara yang lebih serius lagi perlu diambil tahu apabila berlaku perceraian antara pasangan terbabit. Dalam hal ini, pihak yang akan menjadi mangsa dan sering teraniaya adalah isteri. Mereka tidak boleh membawa kes perceraian mereka di mahkamah kerana mereka tidak pernah mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum ini. Ini adalah kerana sebelum mengesahkan perceraian tersebut, mereka terlebih dahulu harus mendaftar perkahwinan mereka di mahkamah. Ini kerana sekiranya perkahwinan mereka tidak didaftarkan di mahkamah, maka isteri tidak boleh menuntut sebarang hak ke atas pihak suami kerana rekod perkahwinan mereka tidak ada dalam simpanan pihak mahkamah. (Mohd Nasran Mohammad et. al, 2008)

Secara keseluruhannya, wanita atau isteri terbabit akan hilang hak mutlak mereka sebagai seorang isteri yang sah dari segi undang-undang. Oleh yang demikian, isteri tidak boleh menuntut sebarang hak sebagai seorang isteri yang diceraikan seperti tuntutan hak mut'ah, tuntutan nafkah, harta sepencarian dan juga hak penjagaan anak,

sepertimana yang sepatutnya diperolehi oleh wanita-wanita yang berkahwin mengikut saluran undang-undang yang betul. (Mahamad Ariffin, 2003)

Contohnya dalam kes bernombor 09001-010-0729-2010. Kes ini telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Kangar Perlis pada tahun 2010. Pasangan ini telah berkahwin di Wilayah Songkla Thailand pada tahun 1996 dan dikurniakan seorang anak yang telah berumur 12 tahun. Sepanjang 14 tahun berkahwin, pasangan ini tidak pernah mendaftar perkahwinan mereka, dan pada tahun 2010 pemohon telah menceraikan responden di luar mahkamah di wilayah Songkla. Disebabkan mereka tidak pernah mendaftar perkahwinan mereka sebelum ini, maka isteri yang telah diceraikan itu tidak dapat membuat sebarang tuntutan ke atas bekas suaminya. Anak mereka yang berusia 12 tahun itu juga tidak mempunyai sijil kelahiran. Oleh yang demikian, mereka telah tampil untuk membuat pengesahan semula perkahwinan mereka yang telah berlaku pada tahun 1996, supaya mereka boleh membuat sebarang tuntutan yang sesuai selepas berlakunya perceraian itu. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis, tahun 2010, bilangan kes: 09001-010-0729-2010).

Sehubungan itu, ramai di kalangan wanita yang berhadapan dengan masalah perdaftaran perkahwinan ini akan menjadi mangsa gantung tak bertali apabila suami meninggalkan mereka akibat daripada perkahwinan tanpa kebenaran yang tidak didaftarkan di Mahkamah Syariah. Pihak Mahkamah Syariah tidak dapat mengambil apa-apa tindakan kerana mereka tidak mempunyai surat nikah yang sah. (Mohd. Nasran Mohamad, 2003).

**b. Implikasi ke atas Anak yang dilahirkan**

Perkahwinan tanpa kebenaran bukan sahaja memberi kesan terhadap isteri dan juga status perkahwinan, tetapi juga memberi kesan negatif terhadap anak-anak yang lahir hasil daripada perkahwinan tersebut. Kedudukan taraf anak-anak tersebut mungkin sah dari segi hukum syarak, namun begitu ianya sukar didaftarkan kelahiran mereka, sebelum ibu bapa mereka mendaftarkan perkahwinan terlebih dahulu. Ini bererti, sukar untuk kanak-kanak tersebut mendapatkan sijil kelahiran sekiranya ibu bapanya tidak dapat membuktikan bahawa perkahwinan mereka adalah sah di sisi undang-undang. (Md. Akhir Hj Yaakob dan Siti Zalikha Md. Noor, 1989).

Apabila lahir seorang anak hasil daripada perkahwinan tersebut, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendaftarkan kelahiran anak tersebut di Jabatan Pendaftaran Negara bagi mendapatkan sijil kelahiran. Walau bagaimanapun, proses pendaftaran kelahiran tidak boleh dilakukan sekiranya ibu bapa anak tersebut gagal untuk mengemukakan sijil perkahwinan mereka. Mengikut peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, setiap pasangan yang ingin mendaftarkan kelahiran bayi mereka mestilah mempunyai dokumen seperti sijil nikah yang sah yang telah dikeluarkan oleh pejabat Agama Islam di setiap negeri. Jabatan Pendaftaran Negara tidak dapat membuat pendaftaran kelahiran bayi itu, apabila pasangan tersebut gagal membawa sijil nikah yang diiktiraf. (Mohd Nasran Mohamad, 2008).

Kesukaran memperolehi sijil lahir daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kesukaran untuk mendapat pengiktirafan sebagai anak sah taraf merupakan antara akibat yang akan ditanggung oleh anak ekoran daripada perkahwinan yang tidak sah ataupun

gagal didaftarkan. Anak-anak tersebut akan dianggap sebagai anak yang tidak sah taraf kerana ibu bapa mereka gagal untuk membuktikan kesahan perkahwinan mereka. Ini akan menjelaskan institusi keluarga kerana ianya telah mengkucar kacirkan nasab anak tersebut. Institusi kekeluargaan Islam tidak akan tercapai jika pasangan terbabit tidak berusaha mendaftarkan perkahwinan mereka di luar negara itu. (Intan Nadia, et. al, 2012).

Sehubungan itu, menurut seksyen 113 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 dan juga seksyen 111 Enakmen 7, Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006 menyatakan bahawa:

*“Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwinan semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah”.*

Dalam konteks perkahwinan tanpa kebenaran serta perkahwinan *shubhah* yang lain seperti nikah sindiket dan sebagainya, sekiranya perkahwinan tersebut dapat dibuktikan serta diakui oleh Mahkamah Syariah bahawa ianya telah dilaksanakan dengan memenuhi segala tuntutan syarak, nasab anak tersebut adalah daripada bapanya yang sah.

Akan tetapi sekiranya tidak, anak tersebut akan dikategorikan sebagai anak tidak sah taraf dan dia tidak boleh dibinkan kepada lelaki itu, sebaliknya hendaklah dibinkan atau dibintikkan kepada Abdullah. Seseorang tidak sah taraf juga tidak boleh dibinkan kepada ibunya kerana boleh menimbulkan kesan psikologi kepada anak tersebut. (Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Intan Nadia Ghulam Khan dan Hasnizam Hashim, 2013).

Jelas dapat dilihat di sini, kesan yang sangat besar akan dihadapi jika perkahwinan tanpa kebenaran berlaku. Implikasinya bukan sahaja dihadapi oleh pasangan tersebut, malah lebih buruk lagi ianya akan turut dirasai oleh anak-anak yang tidak mengetahui apa yang berlaku. Nasib anak-anak seperti ini akan menjadi lebih teruk sekiranya pihak ibu bapa terus mendiamkan diri dengan tidak mendaftarkan perkahwinan mereka. Mereka bukan sahaja sukar untuk mendapatkan sijil kelahiran, malah mereka juga akan menghadapi masalah apabila ingin mendaftar persekolahan nanti. (Boestamam Ahmad, Farah Safura Muhamud, 2011).

Sebagai contoh, menurut satu laporan yang dikeluarkan dalam Harian Metro pada tahun 2005 melaporkan bahawa disebabkan takut dikenakan denda kerana berkahwin tanpa kebenaran melalui sindiket dengan seorang warga Negara Indonesia, maka seorang bapa telah bertindak dengan tidak mendaftarkan 4 orang anaknya ke sekolah kerana tidak mempunyai sijil kelahiran, ekoran ibu bapanya tidak pernah mendaftarkan perkahwinan mereka di Mahkamah Syariah. (Harian Metro, 2005).

### **3. Implikasi ke Atas Pewarisan Harta Pusaka**

Kesan perkahwinan tanpa kebenaran juga boleh dilihat dari sudut perwarisan harta pusaka sama ada melibatkan pewarisan seorang anak terhadap harta pusaka ibu bapanya ataupun sebaliknya, ataupun pewarisan suami dan isteri sesama mereka dan sebagainya yang melibatkan pewarisan harta. Keadaan ini berlaku apabila salah seorang daripada suami atau isteri meninggal dunia. Tidak ada bukti perkahwinan yang sah di sisi-sisi undang-undang antara pasangan tersebut, menyebabkan proses tuntutan harta pusaka si mati menghadapi kesukaran. Perkara ini berlaku dalam keadaan suami kematian isteri ataupun isteri kematian suami.

Masalah ini bukan sahaja melibatkan pasangan si mati, malah lebih dari itu, hal ini juga melibatkan anak-anak yang ditinggalkan. Menurut undang-undang, mereka tidak ada hak untuk menuntut harta pusaka ibu dan bapa mereka. Selain itu, masalah tuntutan harta pusaka ini akan menjadi bertambah rumit sekiranya perkahwinan tanpa kebenaran ini melibatkan kes poligami dan ianya tidak didaftarkan di Mahkamah Syariah mengikut undang-undang, walaupun perkahwinan tersebut sah disisi hukum syarak. Jika pihak suami yang meninggal dunia, isteri yang dikahwini tanpa kebenaran tersebut tidak dapat membuat tuntutan harta pusaka di Mahkamah Syariah kerana tiada bukti bahawa mereka telah berkahwin. Akibatnya isteri tersebut akan hilang hak secara menyeluruh kerana perkahwinan tersebut tidak didaftarkan. (Mohd Nasran Mohammad et.al, 2008).

### **5.2.3 Kesan Dari Aspek Kekeluargaan**

Antara hikmah digalakkan berkahwin dalam Islam adalah untuk mengembangkan keturunan serta merapatkan hubungan silaturahim antara sesebuah keluarga. Namun begitu, keadaan akan berlaku sebaliknya jika perkahwinan itu adalah perkahwinan yang tidak menepati hukum syarak dan juga undang-undang. Perkahwinan yang dilaksanakan tanpa saluran yang betul akan menjadikan hubungan kekeluargaan yang terjalin sekian lama menjadi retak dan akan mengundang masalah antara pihak keluarga lelaki dan juga keluarga perempuan, kerana kebiasaan perkahwinan tanpa kebenaran berlaku ekoran daripada gagal mendapat persetujuan dan juga keizinan wali serta ahli keluarga yang lain. (Hazizan Desa, 2002).

Telah menjadi adat dalam kehidupan bermasyarakat, apabila sebuah perkahwinan yang dibina tanpa kebenaran akan mengundang kesan yang buruk seperti menerima pandangan serong daripada ahli keluarga yang lain serta masyarakat sekeliling. Di samping itu juga, pasangan tersebut akan disisih oleh ahli keluarga masing-masing disebabkan oleh tindakan tersebut atas alasan telah memalukan keluarga. Contohnya dalam kes bernombor 09001-010-0121-2010. Kes yang didaftarkan pada tahun 2010 di Mahkamah Syariah Kangar Perlis. Berdasarkan keterangan kes, pasangan ini terpaksa mengambil keputusan berkahwin di Thailand kerana tidak mendapat restu daripada ibu pengantin perempuan. Wali perempuan yang bersetuju dengan perkahwinan tersebut pula terpaksa merahsiakan keizinannya daripada pengetahuan ibu pengantin perempuan untuk mengelakkan keadaan menjadi lebih kucar kacir. Perkahwinan ini telah menjelaskan hubungan kekeluargaan antara seorang ibu dengan anaknya dan hidup

dalam keadaan yang tidak stabil kerana terpaksa berahsia dengan ibu mereka. (Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2010, bilangan kes: 09001-010-0121-2010).

Selain itu, hubungan antara keluarga akan menjadi lebih buruk sekiranya berlaku perceraian antara pasangan tersebut. Dalam keadaan ini, keluarga kedua-dua belah pihak akan menunding jari di antara satu sama lain dan tidak mengakui kesalahan masing-masing.

Sehubungan itu, bagi mereka yang mengamalkan poligami tanpa kebenaran pula, tanggungjawab dan hak yang sepatutnya diberi dan dilaksanakan tidak dapat disempurnakan sebaik mungkin. Suami serta isteri yang kedua ataupun isteri-isteri yang berikutnya terpaksa menjalani kehidupan yang tidak bebas kerana terpaksa menyimpan rahsia perkahwinan tersebut daripada pengetahuan isteri pertama. Akibat dari perbuatan tersebut, pasangan ini tidak dapat memupuk kasih sayang dengan sewajarnya seperti mana pasangan yang lain. Kesan berpoligami secara rahsia ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kadar perceraian, apabila pihak isteri menuntut perceraian kerana merasakan ditipu dan dikhianati oleh suami sendiri. Keadaan akan menjadi lebih buruk apabila suami mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak. (Noraini Mohd Hashim, 2007).

#### **5.2.4 Kesan dari Aspek Kemasyarakatan**

Dalam konteks kemasyarakatan pula, perkahwinan tanpa kebenaran dilihat memberi kesan yang mendalam apabila ianya memberi tanggapan negatif terhadap masyarakat sekeliling bahawa Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang diperuntukkan di Malaysia sedikit sebanyak telah menyusahkan pasangan untuk berkahwin. Kefahaman yang salah ini telah menyebabkan segelintir masyarakat membuat kesimpulan bahawa undang-undang kekeluargaan Islam yang dikuatkuasakan adalah bersifat mengongkong kebebasan mereka untuk berkahwin, sedangkan garis panduan yang disediakan dalam agama Islam itu adalah untuk memudahkan umatnya. (Noraini Mohd Hashim, 2007).

Ketidakperihatinan masyarakat terhadap Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang dikuatkuasakan di seluruh negara menyebabkan mereka menganggap permasalahan wali ‘*adhal* tidak dapat diselesaikan mengikut prosedur yang ditetapkan. Anggapan ini juga termasuklah dalam kes berpoligami, di mana masyarakat beranggapan bahawa prosedur permohonan poligami di Mahkamah Syariah adalah menyusahkan dan menghalang mereka daripada berpoligami, sedangkan Islam mengharuskannya dengan syarat menepati syariat yang telah ditetapkan. (Noraini Mohd Hashim, 2007).

### **5.3 Hukuman Dan Penalty Mahkamah Terhadap Kesalahan Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Dalam perundangan kekeluargaan Islam di Malaysia, pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan perlu memenuhi kehendak hukum syarak sebagai syarat sah perkahwinan tersebut. Selain itu, setiap pasangan perlu memenuhi prosedur perkahwinan yang telah digariskan dalam Undang-undang Kekeluargaan Islam sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta dan Enakmen Undang-undang Kekeluargaan Islam di setiap negeri di Malaysia termasuklah negeri Perlis. (Noraini Md Hashim, 2009).

Oleh yang demikian, perkahwinan tanpa kebenaran disifatkan sebagai perkahwinan yang telah melanggar perundangan Islam di Malaysia, kerana ianya dilangsungkan tanpa kebenaran daripada pihak Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di setiap negeri. Perkahwinan tanpa kebenaran hendaklah didaftarkan di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan pengesahan dan juga sijil nikah yang sah daripada pejabat agama Islam negeri. Jika pasangan itu enggan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka, maka pasangan tersebut akan berhadapan dengan pelbagai implikasi negatif yang akan melanda dalam kehidupan mereka.

Proses pendaftaran perkahwinan adalah amat penting bagi memastikan sesuatu perkahwinan itu menepati segala kehendak hukum syarak. Selain itu, pasangan yang tidak mendaftar perkahwinan mereka akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan khidmat mahkamah sekiranya timbul masalah dalam rumah tangga.

Setiap perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah akan berhadapan dengan hukuman dan juga penalti yang dikenakan oleh pihak mahkamah kerana telah melakukan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran di luar Negara. Jadual dibawah menunjukkan kesalahan dan juga penalti yang berkaitan dengan perkahwinan tanpa kebenaran seperti yang diperuntukkan di dalam Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Negeri Perlis.

*Jadual 5.1*

*Penalti Dalam Enakmen 7 Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006*

Seksyen	Kesalahan	Peruntukan
12 (1), (2)	Perkahwinan yang tidak boleh di daftarkan	(1) Sesuatu perkahwinan yang bersalah dengan enakmen ini tidak boleh didaftarkan di bawah enakmen ini.  (2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tanpa menjelaskan subseksyen 40(2), sesuatu perkahwinan yang telah diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukan bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut hukum syarak boleh didaftarkan di bawah enakmen ini dengan perintah daripada mahkamah.
35	Tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan	Jika seseorang yang dikehendaki oleh seksyen 31 hadir di hadapan seorang pendaftar, tidak berbuat demikian dalam masa yang ditetapkan, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

40(2)	Kesalahan-kesalahan berhubungan dengan akad nikah perkahwinan	Seseorang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah atau yang menjalani sesuatu cara akad nikah dengan sesiapa jua berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.
124	Poligami tanpa kebenaran	Jika seseorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada mahkamah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.
134	Percubaan dan subahat	Barangsiapa cuba melakukan, atau bersubahat melakukan, sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

---

Berdasarkan jadual 5.1 di atas, didapati terdapat dua bentuk hukuman ataupun penalti yang dikenakan oleh pihak mahkamah apabila pasangan mendaftarkan perkahwinan mereka iaitu hukuman denda yang tidak melebihi RM1000 ringgit atau enam bulan penjara ataupun kedua-duanya sekali. Contohnya dalam kes pengesahan perkahwinan tanpa kebenaran yang bernombor 09001-010-0658-2006. Dalam perbicaraan kes tersebut kedua pasangan telah mengaku bersalah kerana tidak mengikut Enakmen

Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006. Pasangan tersbut telah dikenakan penalti sebanyak RM200 kerana mengambil kira kewangan pemohon pertama yang hanya bekerja sebagai buruh. Selepas membayar penalti dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka perkahwinan pasangan tersebut telah didaftarkan di bawah Enakmen Undan-undang Keluarga Islam Perlis 2006.(Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis tahun 2006, bilangan kes: 09001-010-0658-2006).

Sehubungan itu, selain daripada hukuman yang telah dibincangkan di atas, terdapat juga hukuman alternatif yang perlu diambil kira oleh pihak mahkamah untuk menangani serta membendung fenomena ini daripada terus berlaku seperti sesi kaunseling, kerja khidmat masyarakat, kelas fardhu ain dan juga bekerjasama dengan pihak jawatankuasa masjid dengan mengadakan program-program yang berkaitan. Hukuman alternatif ini bertujuan untuk menggantikan segala bentuk hukuman yang ada, kerana penalti dan juga hukuman tersebut secara tidak langsung akan meninggalkan kesan yang buruk dalam kehidupan mereka dan juga apabila mereka berhadapan dengan masyarakat sekeliling.

Bagi sesetengah keadaan, hukuman penjara yang dikenakan oleh pihak mahkamah akan meninggalkan kesan yang mendalam ke atas individu terbabit, keluarga dan masyarakat. Kesan negatif ini berpunca daripada beberapa faktor seperti keluarga akan hilang tempat bergantung terutama bagi keluarga berpendapatan rendah. (Farid Sufian Shuaib, 2011)

Selain itu, banduan yang keluar dari penjara juga akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Hubungan kekeluargaan juga akan menjadi renggang. Manakala bagi banduan muda yang kurang pengetahuan dan pertama kali dimasukkan ke dalam penjara bagi kesalahan kecil dikuatirikan akan dipengaruhi atau terpengaruh oleh banduan lain yang akan memberikan kesan negatif kepada mereka apabila mereka dibebaskan kelak.(Nor Huda Roslan, 2013)

#### **5.4 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas sekali bahawa perkahwinan tanpa kebenaran meninggalkan implikasi negatif terutama sekali untuk jangka masa yang panjang dalam kehidupan masyarakat. Oleh demikian, langkah-langkah yang bijak harus dibincang dan dilaksanakan oleh pihak tertentu seperti mahkamah syariah dan juga Jabatan Agama Islam ekoran daripada meningkatnya kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran semenjak akhir-akhir ini.

Setiap pasangan harus berfikir panjang sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin tanpa kebenaran apabila menghadapi kesukaran dalam merealisasikan hasrat mereka itu. Sekiranya pasangan yang tidak mendapat persetujuan daripada wali mujbir untuk melangsungkan perkahwinan, langkah yang seharusnya diambil adalah memohon kebenaran daripada pihak mahkamah untuk berkahwin menggunakan wali hakim. Ini adalah langkah yang lebih bijak dan selamat daripada mengambil keputusan berkahwin tanpa kebenaran di luar negara.

## **BAB ENAM**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **6.1 Pendahuluan**

Perkahwinan adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Perkara ini banyak ditegaskan di dalam *al-Qur'an* dan juga diperkuuhkan lagi dengan sunnah Rasulullah SAW. Dalam hal ini, semua manusia berhak untuk berkahwin jika sekiranya berkemampuan dalam menjalankan tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing dari sudut jasmani maupun dari sudut kerohanian.

Perkahwinan boleh berlaku di mana-mana sahaja, dan juga kepada semua manusia di atas muka bumi ini. Walau bagaimanapun, setiap pasangan yang ingin berkahwin mesti benar-benar jujur untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT. Perkahwinan yang akan dibina itu bukan bertujuan untuk memuaskan nafsu semata-mata, tetapi lebih dari itu adalah untuk melahirkan zuriat keturunan yang mulia serta dapat membina keluarga dan masyarakat yang cemerlang mengikut acuan *al-Qur'an* dan Sunnah Rasulullah SAW.

Justeru itu, setiap individu perlu bertanggungjawab dan mengambil tindakan yang sesuai dengan kehendak syariat apabila berhasrat untuk melangsungkan perkahwinan. Selain itu, kehendak undang-undang yang diamalkan di negara ini juga harus diambil kira supaya tidak berlaku perkara yang menyalahi undang-undang serta boleh memudharatkan semua pihak.

Perkahwinan tanpa kebenaran atau lebih popular di kalangan masyarakat sebagai ‘kahwin lari’ merupakan satu perkara yang sering berlaku dalam masyarakat hari ini. Apatah lagi dalam keadaan yang serba moden dan gaya hidup yang lebih cenderung kepada urusan duniaawi menyebabkan fenomena ini berleluasa dalam kalangan masyarakat. Isu ini merupakan suatu isu yang sangat sensitif dan akan mengundang pandangan negatif di kalangan masyarakat, sehingga pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran di luar negara khususnya di Thailand ini akan mengambil tindakan memulakan kehidupan mereka jauh daripada keluarga dan masyarakat setempat. Tindakan ini diambil adalah semata-mata untuk menyembunyikan apa yang telah berlaku kepada mereka.

Senario yang berlaku di Perlis, perkahwinan tanpa kebenaran merupakan suatu isu yang hangat kerana ramai di kalangan pasangan yang mengambil tindakan untuk berkahwin tanpa kebenaran di wilayah Selatan Thailand. Di samping itu juga, fenomena ini bukan sahaja berlaku dikalangan penduduk Perlis, tetapi juga ada pasangan dari negeri luar daripadanya yang datang serta menggunakan alamat di Perlis bertujuan untuk melangsungkan perkahwinan di Thailand. Perkara ini kerap berlaku terhadap pasangan yang ingin berpoligami tanpa kebenaran. Mereka mempunyai alasan bahawa jarak kedudukan negeri ini dengan wilayah Thailand memudahkan lagi proses perkahwinan yang ingin dilangsungkan, di samping untuk merahsiakan perkahwinan tersebut daripada pengetahuan isteri pertama.

## **6.2 Rumusan**

Secara keseluruhan, berdasarkan hasil kajian yang dijalankan terhadap kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis, dapat dirumuskan bahawa tindakan berkahwin tanpa kebenaran di luar negara bukan satu jalan penyelesaian terbaik kepada setiap pasangan yang berhadapan dengan masalah apabila ingin melangsungkan perkahwinan. Perkahwinan tanpa kebenaran bukan sahaja menyalahi undang-undang kekeluargaan Islam, malah lebih merumitkan lagi apabila tindakan tersebut menyalahi hukum syarak. Perkahwinan tersebut dianggap salah kerana tidak memenuhi syarat-syarat perkahwinan yang digariskan. Dalam hal ini, sekiranya perkahwinan tersebut bersalahan dengan hukum syarak, maka hukumnya adalah tidak sah dan pasangan tersebut mestilah *difaraqkan* ataupun dipisahkan. Apabila perkahwinan tersebut tidak sah, ia akan memberi kesan bukan sahaja kepada pasangan terbabit tetapi juga kepada anak-anak yang lahir dari perkahwinan tersebut.

Dari sudut kedudukan di sisi hukum syarak, perkahwinan tanpa kebenaran merupakan sebuah perkahwinan yang tidak memenuhi syarat perkahwinan yang ditetapkan oleh hukum syarak, seperti adanya pengantin lelaki dan perempuan, mendapat keizinan wali, saksi dan juga akad ijab dan qabul. Sekiranya berlaku perkahwinan tanpa kebenaran, beberapa persoalan perlu dititik beratkan seperti jarak yang mencukupi antara tempat berlangsungnya perkahwinan dengan tempat wali berada, persoalan tentang kuasa yang sepatutnya ada pada seorang wali, persoalan wali ghaib dan lain-lain.

Manakala dari sudut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis pula, terdapat beberapa seksyen penting tentang kedudukan perkahwinan tanpa kebenaran. Seksyen

11 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis menjelaskan bahawa perkahwinan yang tidak memenuhi syarat mengikut hukum syarak adalah tidak sah. Manakala seksyen 12(1) pula menjelaskan sesuatu perkahwinan yang bersalahan dengan enakmen, atau dengan kata lain sebagai perkahwinan tanpa kebenaran tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen Undang-undang keluarga Islam Perlis.

Walau bagaimanapun, perkahwinan tanpa kebenaran yang berlawanan dengan mana-mana peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis, tetapi sah mengikut hukum syarak boleh didaftarkan di bawah seksyen 40(2) dengan perintah mahkamah. Perkahwinan ini boleh didaftarkan selepas pasangan tersebut membayar penalti yang dikenakan oleh pihak mahkamah, iaitu denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Justeru itu, setiap individu mesti bertanggungjawab di atas setiap tindakan yang dilakukan, supaya sesuai dengan kehendak syariat dan selaras dengan kehendak undang-undang kekeluargaan Islam yang diamalkan di negara ini. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mendorong pasangan mengambil tindakan melulu apabila berhadapan dengan masalah. Antaranya ialah kerana mendapat tentangan daripada keluarga khususnya wali perempuan yang mempunyai kuasa mujbir untuk mengahwinkan anak perempuan mereka dengan calon pilihan mereka. Selain itu terdapat juga faktor-faktor pendorong yang lain seperti kes poligami, pasangan yang ditangkap khalwat, hamil luar nikah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, tumpuan diberikan secara khusus terhadap kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Kangar Perlis. Hasil penelitian mendapat terdapat beberapa faktor utama yang mendorong kepada berlaku perkahwinan tanpa kebenaran di Perlis iaitu keengganan wali untuk melaksanakan akad nikah pasangan tersebut, disamping ada juga pasangan yang mendapat tentangan daripada keluarga. Selain itu, kes poligami juga merupakan faktor yang menyumbang kepada berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran, selain ingin mengelak daripada berhadapan dengan prosedur undang-undang yang dianggap menyusahkan serta merumitkan. Terdapat juga kes yang berhubung dengan perkahwinan warga asing yang menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk melangsungkan perkahwinan tanpa mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Faktor-faktor ini telah memberi pengetahuan kepada masyarakat bahawa permasalahan yang timbul ini perlu diberi perhatian serius dan hendaklah dibendung bagi mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku pada masa akan datang, seterusnya dapat menangkis implikasi negatif yang terpaksa dihadapi oleh pasangan yang terlibat. Ini kerana, kebanyakkan daripada pasangan tersebut didapati tidak berfikir panjang dan tidak mempunyai pengetahuan dalam hal-hal tersebut.

Perkara seperti ini, jika dibiarkan berleluasa, akan memberi implikasi yang besar kepada pasangan itu sendiri dan juga keluarga. Implikasi negatif ini akan menyebabkan kehidupan menjadi kucar kacir terutama sekali apabila ingin menentukan nasab anak yang dilahirkan. Selain itu, fenomena ini juga jika dibiarkan berleluasa akan mewujudkan sebuah masyarakat yang porak peranda. Keadaan ini akan menjelaskan

matlamat sebenar perkahwinan serta impian kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan gemilang serta mampu untuk mencorakkan pembangunan negara. Ini terbukti apabila diteliti data-data yang diperolehi daripada fail-fail kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah, jelas menunjukkan pasangan tersebut berhadapan dengan kesan yang membebankan kehidupan mereka terutama sekali apabila berhadapan dengan masalah ekonomi keluarga khususnya dalam kes berpoligami.

Antara contoh yang dapat dikenal pasti seperti perkahwinan tidak dapat bertahan lebih lama kerana kebanyakkan perkahwinan tanpa kebenaran ini disebabkan tidak mendapat restu daripada wali dan juga keluarga, sama ada di sebelah pihak perempuan ataupun lelaki. Selain itu, berlaku penganiayaan terhadap isteri pertama dan juga anak-anak jika perkahwinan tersebut adalah perkahwinan poligami tanpa kebenaran. Ekoran daripada itu maka lahirlah sebuah keluarga yang berpecah belah, timbulnya perasaan dendam antara satu sama lain serta pelbagai implikasi negatif lain terhadap perkembangan keluarga itu sendiri.

Sehubungan itu, implikasi yang harus dihadapi oleh merka dari sudut undang-undang adalah sangat sukar. Mereka akan didakwa mengikut seksyen 40(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri. Mereka akan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Selain itu, pelbagai implikasi yang terpaksa dihadapi oleh pihak isteri dan juga anak-anak yang lahir daripada perkahwinan tersebut. Secara keseluruhannya, perkahwinan tanpa kebenaran ini tidak menghasilkan implikasi yang positif, sebaliknya hanya mengundang implikasi

negatif kerana asasnya sahaja sudah menyalahi undang-undang kekeluargaan Islam, walaupun setengah perkahwinan tanpa kebenaran itu sah di sisi hukum syarak.

Pemeliharaan kemaslahatan ini dapat dilihat dalam kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan ilmu berkaitan pembinaan rumah tangga mengikut hukum syarak dan sebagainya. Selain itu juga, kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pasangan tentang pelbagai persoalan dan masalah yang timbul dalam sesebuah perkahwinan. Usaha ini adalah untuk mengurangkan kadar perceraian yang berlaku dalam masyarakat.

Begitu juga dengan peraturan dan prosedur permohonan poligami, peraturan ini digariskan semata-mata untuk memastikan hanya orang yang benar-benar layak sahaja akan diluluskan permohonan untuk berpoligami. Hal ini bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan kepada semua pihak yang terlibat dan bukannya mengikut tuntutan hawa nafsu sahaja. Proses pendaftaran semula perkahwinan tanpa kebenaran di Mahkamah Syariah adalah bagi memastikan perkahwinan yang telah dilaksanakan itu memenuhi kehendak hukum syarak. Sebelum perkahwinan tersebut didaftarkan, pasangan tersebut akan melalui proses pengesahan nikah terlebih dahulu. Ini untuk memastikan perkahwinan pasangan tersebut sah dan tidak terjebak dengan perkahwinan yang diatur melalui khidmat sindiket yang tidak sah dan meragukan. Pasangan tersebut akan mendapat sijil nikah yang sah, yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam, apabila pasangan tersebut mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut prosedur yang ditetapkan.

Oleh demikian, dengan penyusunan semula struktur pentadbiran mahkamah syariah ini, telah membolehkan mahkamah syariah menjalankan peranannya sendiri dalam aspek perundangan Islam negeri. Manakala dalam kes perkahwinan tanpa kebenaran, mahkamah syariah berkuasa penuh dalam proses perbicaraan untuk menentukan kesahan perkahwinan tersebut.

### **6.3 Cadangan**

Tidak dapat dinafikan, undang-undang yang digubal oleh manusia mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Kelemahan itu dapat dilihat apabila sejak akhir-akhir ini, kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara tidak menunjukkan tanda bahawa ianya semakin berkurangan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, namun ianya masih lagi berleluasa dan banyak berlaku di kalangan masyarakat hari ini. Begitu juga jika dilihat di Negeri Perlis, keadaan yang sama berlaku.

Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut boleh diperbaiki dari masa ke semasa, supaya ianya boleh digubal dan diguna pakai jika berlaku perkara yang tidak dingini. Oleh demikian, pelbagai usaha telah dikemukakan bagi memastikan kes-kes seperti ini dapat dibendung dengan sewajarnya. Antara cadangan yang telah diusulkan iaitu:

1. Pihak yang bertanggungjawab terutamanya pihak berkuasa seperti Mahkamah Syariah dan juga Jabatan Agama Islam negeri perlu menjalankan usaha menyebarkan maklumat yang lebih luas kepada masyarakat terutamanya kepada ibu bapa tentang kepentingan memberi kebenaran dan keredhaan kepada anak mereka untuk memilih

pasangan mereka sendiri. Ini kerana jika tidak diberi keizinan mereka akan tetap memilih jalan terakhir untuk berkahwin tanpa kebenaran di luar negara terutamanya di Thailand. Tindakan tersebut akan menjadikan keadaan lebih rumit lagi kerana mereka akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan juga pandangan serong masyarakat.

2. Bagi mereka yang ingin berpoligami, sepatutnya berani menghadapi kenyataan untuk berpoligami, serta berani menghadapi risiko yang akan berlaku. Mereka juga harus sedar bahawa kebenaran daripada isteri pertama untuk berpoligami adalah anggapan masyarakat semata-mata, sedangkan undang-undang yang sedia ada sebenarnya hanya memberi ruang kepada isteri pertama untuk mengetahui sahaja dan tidak perlu meminta izin daripadanya

3. Pihak berkuasa juga seharusnya menjalankan usaha-usaha memberi penerangan tentang prosedur perkahwinan di dalam dan di luar negara kepada masyarakat. Penerangan yang perlu disebar luaskan itu hendaklah dijalankan dengan pelbagai cara seperti penyampaian dalam bacaan khutbah, siri-siri penerangan yang diadakan dalam program bersama masyarakat, kursus-kursus pra perkahwinan, kursus keibubapaan dan sebagainya. Di samping itu juga, pihak Mahkamah Syariah boleh menganjurkan ceramah dan forum yang menjurus kepada isu-isu perkahwinan.

Selain itu, penyebaran maklumat dalam bentuk percetakan juga perlu di pertingkatkan menerusi cetakan pamphlet, brosur, poster dan juga buku-buku kecil, selain daripada perkhidmatan tele info di dalam laman web. Semua usaha ini adalah bertujuan untuk memastikan orang awam mendapat maklumat yang secukupnya tentang prosedur

pernikahan yang bertepatan dengan syariat Islam disamping memenuhi keperluan undang-undang dalam negara ini.

Di samping itu, pihak mahkamah Syariah dan Pejabat Agama Islam juga perlu memberi pendedahan dan juga nasihat kepada masyarakat yang berhadapan dengan masalah apabila ingin melangsungkan perkahwinan, supaya tidak mengambil jalan mudah dengan berkahwin di luar negara, kerana pihak berkuasa mempunyai prosedur untuk membantu memudahkan perkahwinan.

4. Mahkamah Syariah juga perlu menyediakan garis panduan yang lebih jelas kepada pemohon yang ingin berpoligami. Pihak mahkamah disarankan untuk mengkaji semula prosedur perkahwinan dan poligami supaya ianya lebih cepat dan tidak membebankan pemohon, sehingga memaksa pasangan mengambil jalan mudah dengan melangsungkan perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran.

5. Memandangkan perkahwinan tanpa kebenaran banyak berlaku di negara jiran, khususnya di Thailand, maka pihak Jabatan Agama Islam negeri perlu mengadakan rundingan dengan wilayah-wilayah popular di Thailand terhadap prosedur perkahwinan di wilayah negara masing-masing. Kerjasama dua hala antara dua pihak iaitu pihak berkuasa Agama Islam terutamanya di negeri-negeri yang bersempadankan Negara Thailand seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan juga Perak dengan Majlis Agama Islam di Selatan Thailand, iaitu di daerah Narathiwat, Pattani, Songkla, Satun dan Yala, di mana wilayah-wilayah ini adalah merupakan wilayah yang kerap menjadi tumpuan pasangan untuk melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran hendaklah diperkuuhkan.

Pertemuan dan taklimat dengan juru nikah di sana patut diadakan bagi memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan lebih telus. Mereka hendaklah meneliti latar belakang pasangan dari Malaysia dengan terperinci sebelum menikahkan mereka agar tidak timbul masalah menyalahi hukum syarak seperti mengahwini isteri orang, mengahwini perempuan dalam ‘iddah, lelaki yang mempunyai lebih daripada empat isteri, perempuan yang dipaksa berkahwin, saksi yang tidak cukup syarat dan sebagainya.

Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan keseragaman undang-undang keluarga Islam di Thailand dengan Malaysia khususnya di Perlis. Jika ada keseragaman tersebut, maka pasangan tidak mempunyai alasan untuk melaksanakan perkahwinan di sempadan melainkan jika mereka menggunakan perkhidmatan sindiket perkahwinan. Peraturan ini juga perlu dilaksanakan di negara lain seperti Indonesia dan Myanmar, kerana kes perkahwinan tanpa kebenaran di negara terbabit juga semakin meningkat.

6. Pendedahan tentang ilmu perkahwinan patut didedahkan kepada masyarakat terutamanya perkahwinan tanpa kebenaran dan implikasinya. Pendedahan ini bukan sahaja perlu diberikan semasa kursus pra perkahwinan, tetapi ia perlu diterapkan lebih awal dikalangan remaja iaitu di peringkat sekolah menengah lagi dan juga di institusi-institusi pengajian tinggi. Ini bertujuan agar remaja hari ini boleh berfikir dengan lebih mendalam sebelum mengambil tindakan yang membelaangi agama, adat budaya, keluarga dan juga masyarakat sekeliling.

7. Peranan ibu bapa dan guru-guru juga penting dalam menentukan akhlak mulia dan batasan pergaulan yang dibenarkan oleh hukum syarak. Perkara ini adalah bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dengan masalah sosial seperti bersekedudukan tanpa nikah, kehamilan diluar nikah dan sebagainya. Sekiranya mereka ditangkap, jalan yang mudah ialah berkahwin tanpa kebenaran demi menutup kesalahan dan aib yang telah dilakukan.

8. Sejak akhir ini, banyak kes perkahwinan tanpa kebenaran berlaku dengan didalangi oleh sindiket perkahwinan secara haram. Sindiket berkenaan bergerak aktif dengan mempengaruhi pasangan untuk berkahwin dengan mengenakan bayaran serendah RM3000 sahaja, manakala sijil nikah juga dikeluarkan lebih awal daripada tarikh perkahwinan. Oleh itu, pihak berkuasa agama dan juga mahkamah perlu menyiasat serta menjalankan usaha membanteras sindiket perkahwinan haram ini. Diharapkan usaha-usaha membenteras sindiket perkahwinan haram ini akan dapat membendung kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran di masa akan datang.

9. Kemajuan teknologi turut memberi pengaruh yang sangat besar kepada kehidupan manusia, terutamanya golongan remaja dan belia. Kemajuan teknologi ini juga membolehkan segala maklumat boleh diakses ataupun dilayari tanpa batasan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan juga semua pihak sama ada sekolah dan juga masyarakat sekeliling untuk memastikan anak-anak remaja dan belia supaya tidak terpengaruh dengan gejala yang tidak baik hasil daripada kemajuan teknologi ini. Kerjasama semua pihak akan dapat membantu golongan tersebut menjalani kehidupan

dengan lebih sempurna dan dapat menghabiskan masa dengan aktiviti yang lebih berfaedah. Ini akan dapat membendung mereka daripada terjerumus dengan gejala yang tidak sihat dan boleh merosakkan masa depan mereka.

## RUJUKAN

- ‘Umar Sulaiman al-Ashqar. (2004). *Ahkam al-Zawaj: Fi Dau’I al-Kitabi wa al-Sunnah*. Jordan: Dar al-Unnafa’is.
- Abdul Manan Ismail dan Arif Fahmi Md Yusof. (2004). *Kahwin Lari: Fiqh dan Undang-undang Malaysia*. Dalam Dina Imam Supaat. (editor) Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-undang Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abu. ‘Aala. al-Maududi. (1955). *Islamic Law and Constitution*. Kazi Pubns Inc.
- Ahmad Ibn Muhammad Dardir. (1965). *Al-Sharh al-Saghir ‘Ala Mukhtasarih al-Musamma’ Aqrab Masalik ila’ Madhab al-Imam Malik*. Al-Qahirah.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Jurnal Hukum* (Jilid XI Bhg. I). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al- Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail. (1983). *Sahih al- Bukhari*. Beirut: Dar Ihya al- Thurath al-‘Arabi.
- Al- Qur’an. (1971). Madinah.
- Ali bin ‘Umar al-Daraqutni. (1993). *Sunan Daruqutni*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Thurath al-‘Arabi.
- Amir Husin Md. Nor. (1999). *Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Luar Negara: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Muar*. Jurnal Syariah (Jilid 14, Bil: 2). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Bayhaqi, Ahmad bin Hussin al-. (1983). *Al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra*. Kuwait: Dar al-Khulafa’ Kitab Islami.
- Boestamam Ahmad dan Farah Safura Muhammad. (2011). *Dari Fail Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing.

Daud Muhammad. (2003). *Kahwin Lari di Malaysia: Perspektif Umum dan Penilaian*. Dalam Najibah Mohd Zin (editor) Siri Isu-isu Semasa Mahkamah Syariah: Undang-undang Keluarga dan Prosedur. Petaling Jaya: Jabatan Undang-undang Islam. Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa.

Enakmen 7. *Undang-undang Keluarga Islam* (Negeri Perlis) 2006.

Etty Murtiningdyah. SH. (2005). *Peranan Wali Nikah Dalam Perkahwinan dan Pengaruh Psikologis Adanya Wali Nikah Dalam Perkahwinan Menurut Kompilasi Hukum Islam*. (Tesis Sarjana). Indonesia: Universitas Diponegoro Semarang.

Fail Kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2006.

Fail kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2007.

Fail Kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2008.

Fail Kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2009.

Fail Kes Mahkamah Syariah Kangar Perlis 2010.

Fairus Abu Bakar. (2002). *Nikah Sindiket: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kangar Perlis*. Tesis Sarjana. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Farid Sufian Shuaib. (2011). *Administration of Shariah Criminal Justice Under The Malaysian Constitutional Framework: Issue and Suggestion*. 6 MLI i.

H Salim Bahreisy. (2006). *Terjemahan Singkat Tafsir Ibn Kathir* (Jilid 6). Kuala Lumpur: Victory Agencie.

H. Bey Arifin dan A. Syinqithy Djamiluddin. (1993). *Terjamah Sunan Abu Dawud* (Jilid 3) Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Haliza A. Shukor, Nabilah Yusof, Intan Nadia Ghulam Khan dan Hasnizam Hashim. (2013). *Kahwin Lari: Satu Cadangan Keperluan Hukuman Alternatif*. (Kertas Kerja). Global Conference on Business, Economics and Social Sciences 2013. Kuala Lumpur.

Hasliza Hassan. (2 Februari 2010). *Kahwin Lari Tidak Janjikan Kebahagiaan Rumah Tangga*. Berita Harian.

Hazizan Desa. (2002). *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Alor Setar, Kedah Darul Aman*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

<http://perlis.jksm.gov.my/jksnperlis/index.php/en/>

Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin bin ‘Umar. (2000). *Radd al-Mukhtar ‘ala Dur al-Mukhtar, Hashiyyah Ibn ‘Abidin ‘ala Sharh Tanwir al-Absar*. Beyrut: Dar al-Ma’rifah.

Ibn Juzay, Muhammad bin Ahmad. (1998). *Al- Qawanin al- Fiqhiyyah fi Talkhis al-Mazhab al- Malikiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.

Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abi Fada’ Ismail Ibn ‘Umar. (1980). *Tafsir Ibn Kathir*. Jil. 8. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din, ‘Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Maqdisi. (1981). *Al-Mughni*. Jil. IV. Riyad: Maktabah Riyad al-Hadithah.

Ibn Qudamah, Shams al-Din al-Maqdisi, Abu al-Faraj ‘Abd al-Rahman bin Abi ‘Umar Muhammad. (1984). *Sharh al-Kabir*. Dicetak bersama Muwaffiq al-Din. Al-Mughni. Jil: 7. Bairut: Dar al-Fikr.

Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Hafiz. (1998). *Bidayat al-Mujtahid Wa al-Nihayah al\_Muqtasid*. Bairut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah .

Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof. (2012). *Nikah Sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Ishak Mohamad. (2003). *Kahwin Lari: Pengalaman Majlis Agama Islam Selatan Thailand (Narathiwat)*. (Kertas Kerja). Seminar isu-isu Mahkamah Syariah VI: Kahwin Lari masalah dan Penyelesaiannya. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ismail Kamus. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Kamus Dewan. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ma’mur Daud. (2003). *Terjemahan Hadis Sahih Muslim*. (Jilid 1). Singapura: Darel Fajr Publishing House.

Mahamad Ariffin. (2003). *Kahwin Lari: Tinjauan Dari Sudut Sosial dan Penyelesaiannya*. (Kertas Kerja). Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VI: Kahwin Lari Masalah dan Penyelesaiannya. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mahyudin Syaf. (1982). *Fikah Sunnah Sayid Sabiq*. Terj. Jil. 6. Bandung: PT Al-Ma’arif.

- Mansur Ibn Ynis Ibn Idris Al-Buhuti. (1970). *Kashshaf Al-Qina An Matn Al-Iqna*. Riad: Maktabat al-Nasr al-Haditha.
- Md. Akhir Hj Yaakob dan Siti Zalikhah Md. Noor. (1989). *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbitan Ar-Rahmaniah.
- Mohamad Fakhri Mohd Ali. (4 Mac, 2014). *Sindiket Poligami Ekspress RM3000*. Sinar Harian (Edisi Utara).
- Mohamad Isa Ralip. (4 ogos, 2010). *Kuasa Wali Penentu Sah, Batal Sesuatu Perkahwinan*. Berita Harian.
- Mohd. Jamilul Anbia Md Denin dan Wan Asrudi Wan Hassan. (29 Jun, 2012). *Proses Nikah 15 Minit, Bayar RM1500, Paket Betong*. Harian Metro.
- Mohd. Nasran Mohammad. (2008). *Perkahwinan Luar Negara Tanpa Kebenaran di Selatan Thailand*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Roshdi Yusof. (1997). *Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam*. Kelantan: Pustaka Reka.
- Mostofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Sharbaji. (2005). *Al-Fiqh al-Manhaji: Kitab Fekah Mazhab Syafi'i*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al- Nisaburi Abi al-Husayn. (1981). *Sahih Muslim*. Istanbul: Cagri Yayinlari.
- Mustafa Daud. (1997). *Institusi Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muzani al-. Abu Ibrahim Ismail bin Yahya bin Ismail. *Mukhtasar al-Muzani fi Furu 'al-Shafi'iyah*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Nasharuddin Thoha. (1967). *Pedoman Perkawinan Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Nik Noraini Nik Badli Shah. (1998). *Perkahwinan dan Perceraian di Bawah Undang-undang Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Noor Huda Roslan. (2013). *Hukuman Alternatif: Dari Perspektif Syara' dan Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia*. Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah.
- Noraini Mohd Hashim. (2003). *Kahwin Lari: Satu Tinjauan Umum*. (Kertas Kerja). Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VI: Kahwin Lari Masalah dan Penyelesaiannya. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Noraini Mohd Hashim. (2007). *Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan*. Dalam Najibah Mohd Zin. Undang-undang Keluarga (Islam) Jilid 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norliza Wasilan dan Nur Farhanim Abdullah. (16 Julai, 2012). *Ejen Nikah Boleh Kena Hukuman*. Berita Harian.
- Osman Jantan. (2001). *Pedoman Mu'amalat dan Munakahat*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Peunoh Daly. (1988). *Hukum Perkahwinan Islam: Suatu Studi Perbandingan dalam Kalangan Ahlus-Sunnah dan Negara-negara Islam*. Jakarta: PT Bulan Bintang.
- Raihanah Azahari. (1997). *Kuasa Wali Mujbir: Satu Perbincangan*. *Jurnal Syariah*. Jilid 5. Bil:2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ratinawati Rasidi. (1 Mei, 2012). *Prosedur Ketat Punca Ramai Pasangan Pilih Nikah di Luar Negara*. Berita Harian.
- San'ani, Muhammad bin ismail. (2007). *Subul al-Salam: Sharh Bulugh al-Maram min Jam'I Adillah al-Ahkam*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Sayyid Sabiq. (1987). *Fiqh al-Sunnah*. (Jilid 6). Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Sharbini al-Khatib, Muhammad bin Ahmad. (2006). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani al-Fadz al-Minhaj*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Shawkani, Muhammad bin 'Ali. (2005). *Nail al-Authar Sharh Muntaqa al-Akhbar min Ahadith Sayyid al-Akhbar*. Al-Qaherah: Maktabah al-Safa.
- Shawkani, Muhammad bin 'Ali. (2007). *Fath al-Qadir: al-Jami' Bain Fata al-Riwayah wa Al-Dirayah min 'Ilm At-Tafsir*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Siti Zalikhah Md. Nor. (1997). *Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian dari Aspek Hukum*. (Kertas Kerja). Seminar Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia. Amalan dan Permasalahan. Universiti Malaya.
- Soerjono Soekanto. (1994). *Pengantar Penelitian Hukum*. Jakarta: UI Press.
- Syeikh Ali Hassan Ahmad. (1992). *Munakahat: Membahas Soal-soal Perkahwinan dan Rumahtangga*. Kuala Lumpur: Kintan Sdn. Bhd.
- Temubual bersama Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Kangar Perlis. Puan Shazlina binti Ali. 24 Januari 2013. Jam 2.30 petang, di Mahkamah Syariah Kangar Perlis.

Temubual bersama Pegawai Rekod Mahkamah Syariah Kangar Perlis, En. Nur Hamizi bin Hassan. 13 Julai 2012 dan 17 September 2012. Jam 3.00 petang, di Mahkamah Syariah Kangar Perlis.

Temubual bersama Penolong Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk. Mahkamah Syariah Kangar Perlis, Ustaz Md. Akhir bin Majid. 17 April 2012 dan 11 September 2012. Jam 3 petang, di Mahkamah Syariah Kangar Perlis.

Tirmidhi, Muhammad 'Isa al- (1981). *Sunan Al-Tirmidhi*. Juz. 3 dan 4. Istanbul: Cagri Yayinlari.

William. Lawrence Neuman. (3003). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. (Edisi 5). Boston: Allyn & Bacon.

www. Esyariah.gov.my/portal/page/portal E-Syariah BM/ portal E-Syariah Direktori Mahkamah/Portal E-Syariah Direktori Perlis.

[www.oocities.org/wmperlis/bm/carta.htm](http://www.oocities.org/wmperlis/bm/carta.htm).

Zuhayli Wahbah al-, Terj. Ahmad Shabari Salamon et al. (2001). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuliaty Zulkifli. (19 Oktober, 2012). *Nikah Mengejut*. Harian Metro.